

**Bil. 44**

**Isnin  
8 Oktober 2001**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEPULUH  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

## KANDUNGAN

### PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)
- Perutusan daripada Dewan Negara (Halaman 1)
- Kebenaran Bercuti (Halaman 3)

### JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

(Halaman 3)

### RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001 (Halaman 14)
- Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2001 (Halaman 58)
- Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 2001 (Halaman 61)
- Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 2001 (Halaman 61)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

" Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

" Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

" Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

" Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

" Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

" Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

" Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

" Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

" Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

" Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

" Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- " Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu)
- " Menteri Pertanian, Datuk Dr. Effendi Norwawi (Kuala Rajang) S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B.
- " Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- " Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- " Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- " Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- " Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- " Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamisyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingham, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- " Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- " Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- " Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- " Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- " Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- " Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- " Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- " Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- " Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- " Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- " Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- " Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- " Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- " Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- " Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- " Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- " Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- " Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- " Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- " Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

- Yang Berhormat Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- " Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- " Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- " Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- " Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- " Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- " Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- " Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- " Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- " Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- " Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- " Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- " Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- " Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- " Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- " Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- " Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- " Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- " Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- " Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- " Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- " Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- " Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- " Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- " Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- " Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- " Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- " Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)

Yang Berhormat	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
"	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
"	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)

- Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- " Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- " Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- " Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- " Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- " Dato' Shanon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- " Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- " Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- " Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- " Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- " Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- " Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- " Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- " Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- " Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- " Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- " Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- " Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- " Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- " Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- " Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
- " Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- " Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- " Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- " Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- " Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- " Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- " Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- " Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- " Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- " Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- " Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- " Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**  
Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**  
Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**JURUBAHASA SERENTAK**  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed  
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

**BENTARA MESYUARAT**  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaiton binti Yaacob  
Abd. Talip bin Hasim  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT**

Isnin, 8 Oktober 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

**DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenalkan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Elektrik (Pindaan) 2001;
2. Akta Makanan (Pindaan) 2001;
3. Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001;
4. Akta Syarikat (Pindaan) (No.2) 2001;
5. Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2001;
6. Akta Perkhidmatan Pos (Pindaan) 2001;
7. Akta Tandatangan Digital (Pindaan) 2001;
8. Akta Duti Hiburan (Pindaan) 2001;
9. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2001;
10. Akta Lembaga Elektrik Sabah (Pindaan) 2001;
11. Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2001;
12. Akta Koperasi (Pindaan) 2001;
13. Akta Pencen (Pindaan) 2001;
14. Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2001;
15. Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001;
16. Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 2001;
17. Akta Kesihatan Mental 2001;
18. Akta Perbekalan Tambahan 2001;
19. Akta Ahli Parlimen Saraan (Pindaan) (No.2) 2001;
20. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2001; dan
21. Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2001.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen yang lalu. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

**Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada  
Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. DR.50/2000 - Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2001;
2. DR.51/2000 - Rang Undang-undang Makanan 2000;
3. DR.19/2000 - Rang Undang-undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001;
4. DR.17/2001 - Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) (No.2) 2001;
5. DR.16/2001 - Rang Undang-undang Pendaftar Perniagaan (Pindaan) 2001;
6. DR. 2/2001 - Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos (Pindaan) 2001;
7. DR. 3/2000 - Rang Undang-undang Tandatangan Digital (Pindaan) 2001;
8. DR. 7/2001 - Rang Undang-undang Duti Hiburan (Pindaan) 2001;
9. DR.18/2001 - Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2001;
10. DR. 5/2001 - Rang Undang-undang Lembaga Elektrik Sabah (Pindaan) 2001;
11. DR. 1/2001 - Rang Undang-undang Bekalan Gas (Pindaan) 2001;
12. DR. 6/2001 - Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2001;
13. DR.21/2001 - Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2001;
14. DR.22/2001 - Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2001;
15. DR.23/2001 - Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001;
16. DR.24/2001 - Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 2001;
17. DR.25/2001 - Rang Undang-undang Kesihatan Mental 2001;
18. DR.20/2001 - Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2001;
19. DR.28/2001 - Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) (No.2) 2001;
20. DR.26/2001 - Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2001; dan
21. DR.27/2001 - Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2001.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA".

## KEBENARAN BERCUTI

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Daim Zainuddin, Ahli bagi kawasan Merbok dari 8 Oktober hingga tamat sidang Dewan Rakyat yang berjalan sekarang.

### JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Mohd. Zain bin Omar [Balik Pulau]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apakah kerajaan telah membuat kajian tentang satu master plan penyuraian lalu lintas di kawasan Pulau (Pulau Pinang) bagi menampung laluan Batu Maung/Georgetown setelah siapnya Jambatan Kedua (Second Link) yang dicadangkan melalui Nibong Tebal (sebelah seberang) dan Batu Maung (pulau).

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1997, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menjalankan kajian pengangkutan bandar Pulau Pinang di mana pelan tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang telah dicadangkan. Kajian tersebut telah dijalankan dengan mengangap bahawa laluan kedua Pulau Pinang dibina mengikut jajaran utara dari Bagan Jermal ke Bagan Ajam. Oleh yang demikian, pelan tindakan yang telah dirangka, di dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada pertambahan bilangan trafik tinggi di bahagian utara Pulau Pinang terutamanya di Bandar Georgetown dan Butterworth.

Bagi kawasan Bayan Baru, kajian tersebut mendapati rangkaian jalan raya sedia ada di kawasan ini tidak menghadapi masalah dalam menampung bilangan trafik pada masa sekarang dan akan datang. Walau bagaimanapun, pelan jangka panjang kajian ada mencadangkan juga supaya sistem Light Rail Transit (LRT) disediakan bagi salah satu koridor pergerakan yang utama iaitu dari Bayan Baru ke Georgetown.

Tuan Yang di-Pertua, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada bulan September 2001 yang lalu, Kerajaan Persekutuan telah memutuskan supaya laluan kedua Pulau Pinang dibina mengikut jajaran selatan iaitu dari Batu Maung ke Batu Kawan. Panjang laluan ini ialah 23.6 kilometer dan merupakan sebuah jambatan keseluruhannya. Kementerian Kerja Raya yang menjalankan kajian kemungkinan terhadap laluan kedua Pulau Pinang ini telah mengenal pasti beberapa langkah yang perlu diambil di kawasan Batu Maung bagi memastikan kesesakan lalu lintas tidak berlaku di kawasan tersebut apabila laluan kedua siap dibina kelak.

Langkah-langkah tersebut ialah melebarkan Lebuhraya Bayan Lepas sepanjang kira-kira 4 kilometer serta empat buah jambatan sedia ada dan menaik taraf tiga persimpangan bertingkat searas sedia ada kepada persimpangan bertingkat supaya trafik di persimpangan ini dapat bergerak lancar dan tidak mengakibatkan kesesakan lalu lintas di laluan utama iaitu Lebuhraya Bayan Lepas.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan, bagaimana sepanjang masa ini laluan kedua ini ialah dirancang untuk di utara dengan tiba-tiba ia telah dipindahkan ke selatan. Saya rasa ianya ada alasan yang berlainan, iaitu di utara ialah untuk mengatasi masalah lalu lintas yang dikatakan sudah mencapai maksimum di jambatan sekarang. Sekiranya sekarang dipindahkan di selatan, bagaimana dan apakah kesannya kepada seluruh Pulau Pinang dan adakah jambatan kedua ini benar-benar dipertukan. Adakah ia boleh dengan meningkatkan perkhidmatan feri supaya kita tidak perlu buat jambatan kedua. Sampai sekarang rakyat di Pulau Pinang ingin tahu, apakah alasannya, yang pertama [Disampuk] adakah ia perlu. Yang kedua, adakah dengan meningkatkan perkhidmatan feri maka ia boleh menyelesaikan masalah ini. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, kementerian saya tidak mempunyai kuasa untuk menambahkan feri lagi. Ini jawapan pertama.

Yang kedua, berkenaan dengan pilihan manakah satu aliran yang sepatutnya dibina kerajaan memilih dan juga mempunyai pandangan aliran yang saya cadang tadi

menjadi satu aliran yang baik. Oleh kerana ini akan membawa beberapa faedah kepada penduduk-penduduk di Pulau Pinang.

Yang pertamanya menyokong objektif keseluruhan perancangan kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang kedua boleh menggalakkan pembangunan di Selatan Seberang Prai khususnya di Batu Kawan serta menggalakkan pembangunan sebahagian negeri Kedah dan negeri Perak.

Yang ketiga, tidak mengganggu operasi Pelabuhan Pulau Pinang dan laluan kapal-kapal besar,

Yang keempat, boleh meningkat taraf ekonomi nelayan-nelayan dan juga penternak ikan di sekitar Pulau Aman dan Juru.

Yang kelima, mempertingkatkan akses ke kawasan barat Pulau Pinang.

Pada ketika ini kajian kemungkinan sedang dalam peringkat penyediaan draf laporan akhir dengan mengambil kira jajaran selatan iaitu Batu Maung ke Batu Kawan sebagai jajaran muktamad untuk laluan kedua Pulau Pinang.

Reka bentuk dan pembinaan laluan kedua Pulau Pinang dijangka akan bermula pada tahun 2003 sekiranya pinjaman dari pihak Jepun iaitu JBIC berjaya diperolehi di dalam tahun 2002. Pelaksanaannya dijangka akan mengambil masa enam tahun dan siap pada tahun 2009.

Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat, saya percaya kawasan telah dipilih pada masa dahulu itu tidak sesuai oleh kerana kawasan itu lebih sibuk dan tidak boleh mengadakan satu laluan atau aliran untuk menyambung jambatan atau jambatan aliran baru dengan tanah besar ke Pulau Pinang. Oleh kerana itulah kerajaan telah memindah fikiran untuk mengadakan pilihan yang kedua di selatan.

**2. Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar Junaidi [Batang Lupar]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) Sejauh manakah pemantauan dibuat oleh kerajaan atas aktiviti penyelidikan di Universiti atau saintis bioteknologi di negara ini supaya tidak terlibat dalam bidang penyelidikan untuk mengklon manusia; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang sebagai garis panduan kepada saintis dan penyelidikan dalam penyelidikan perubatan "Embryo" manusia supaya tidak terlibat.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menerima tiga pertanyaan yang menyentuh isu berkaitan pengklonan manusia bagi sidang Dewan Rakyat pada kali ini. Oleh itu saya mohon untuk menjawab secara sekali gus soalan ini dan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Chang See Ten (Gelang Patah) bertarikh 16 Oktober dan Yang Berhormat Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus) bertarikh 24 Oktober 2001.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini membuat pemantauan ke atas penyelidikan-penyelidikan yang dibiayai oleh kementerian ini. Untuk makluman Yang Berhormat suka saya memaklumkan bahawa penyelidik yang ingin memohon geran penyelidikan di bawah mekanisme penyelidikan dalam bidang-bidang keutamaan ataupun IRPA bagi menjalankan sesuatu penyelidikan perlu mengemukakan kertas cadangan untuk pertimbangan jawatankuasa teknikal, jawatankuasa strategik dan jawatankuasa memandu di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Suka saya memaklumkan bahawa hanya permohonan yang menepati keperluan penyelidikan dalam bidang-bidang keutamaan yang ditetapkan sahaja akan

dipertimbangkan. Pengklonan manusia tidak termasuk dalam bidang keutamaan yang ditetapkan oleh kementerian.

Untuk maklum Yang Berhormat setakat ini belum terdapat sebarang permohonan projek bagi penyelidikan pengelolan manusia untuk diterima oleh kementerian ini. Sekiranya ada, permohonan akan ditolak kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh kerajaan yang sememangnya tidak membiayai mana-mana penyelidikan yang melibatkan pengklonan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman juga seterusnya bahawa isu pengklonan manusia adalah melibatkan soal moral, etika dan agama. Buat masa ini kementerian belum mempunyai sebarang dasar khusus mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun kerajaan tidak membenarkan penyelidikan berkaitan pengklonan manusia dijalankan di negara ini. Kementerian akan merujuk kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perdana Menteri sekiranya satu polisi atau undang-undang perlu digubal berhubung dengan perkara ini.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Banyak juga di negara-negara lain walaupun tidak ada garis panduan yang tertentu dibuat, tetapi oleh kerana ada penyelidikan daripada pihak yang mendapat kelulusan daripada kerajaan yang ada juga umpamanya dalam MSC mungkin ada syarikat-syarikat yang berkemampuan membuat penyelidikan mereka sendiri. Kalau tidak ada garis panduan yang tertentu umpamanya undang-undang yang diwujudkan mungkin mendatangkan satu masalah kerana tidak mempunyai garis panduan nasional yang diwujudkan. Itulah maka banyak negara di dunia ini telah mewujudkan undang-undang berhubung dengan garis panduan untuk penyelidikan sedemikian. Terima kasih,

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, perkara ini mungkin akan difikirkan untuk pihak kerajaan untuk membuat sesuatu dasar tertentu berkenaan dengan kajian berkenaan pengklonan manusia. Terima kasih

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pasukan penguatkuasaan yang telah ditubuhkan untuk mengkaji dan juga menghalang sesiapa sahaja yang menjalankan penyelidikan secara rahsia, kerana ini melibatkan teknologi yang canggih dan ada juga manusia yang otaknya canggih juga boleh buat apa-apa termasuk Osama bin Ladin.

Dengan yang demikian ada juga ura-ura di lain-lain tempat seperti di Itali, yang hendak mengklonkan manusia walaupun ada ramai yang membantah. Apakah pasukan dan penyelidikan yang dibuat pihak kementerian kerana kita perlu penyelidikan kalau tidak pihak kerajaan tidak berkesan untuk menghalang sebarang kegiatan yang haram.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Tuan Yang di-Pertua, kalau penyelidikan dibuat secara bersendirian atau pun secara haram maka itu di luar daripada bidang kita. Bagaimanapun seperti saya sebutkan tadi, bahawa memandangkan bahawa perkara ini adalah bukan perkara baru yang sedang ataupun akan diperkatakan, mungkin kerajaan bercadang untuk menggubal satu dasar berkaitan perkara ini di masa akan datang.

3. **Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah pendirian kerajaan terhadap keganasan (terrorism) yang dianggap kuasa destruktif paling merbahaya kepada dunia dalam abad ke-21. Memandangkan komuniti dunia semakin serong terhadap umat Islam yang dikaitkan dengan keganasan, apakah peranan kerajaan dan OIC dalam memastikan imej Islam tidak terjejas pada kaca mata komuniti dunia.

**Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab soalan ini bersekali dengan soalan No. 16 pada hari ini oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Tan Seng Giaw juga soalan No. 2 dan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Sharifah Noli binti Syed Husin. Kerajaan Malaysia menolak dan mengutuk penggunaan keganasan untuk mencapai apa-apa matlamat. Selagi ada cara yang terbuka untuk menyelesaikan masalah atau ketidakpuasan hati terhadap apa-apa perkara, keganasan tidak harus menjadi pilihan. Di Malaysia, kita mengamalkan sistem demokrasi di mana kerajaan yang tidak disukai oleh majoriti rakyat boleh ditukar dengan hanya mengundi. Kita telah lihat bahawa hak

menukar kerajaan dengan cara ini memang pun ada di Malaysia dan berkesan. Justeru itu keganasan tidak boleh menjadi pilihan di Malaysia.

Kita menentang keganasan di mana-mana sahaja dan oleh sesiapa sahaja. Keganasan bukan monopoli orang Islam. Sudah berkali-kali kita lihat bangsa lain dan penganut agama lain terlibat dengan keganasan. Orang Yahudi, orang Hindu, Buddhist, Kristian dan yang tidak beragama juga melakukan keganasan. Amatlah tidak adil mengaitkan keganasan dengan Islam. Keganasan dan pengganas tidak boleh dikalahkan dengan cara ketenteraan. Sebab-sebab pengganas-pengganas mengganas perlu dikenal pasti dan tindakan diambil untuk menyelesaikan sebab-sebab ini. Hanya dengan menggunakan pendekatan pemburuan bersama-sama usaha penyelesaian sebab-sebab berlakunya keganasan barulah keganasan dapat dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua, peperangan secara biasa ataupun konvensional tidak akan dapat mengatasi keganasan dan mengalahkan pengganas. Peperangan hanya akan mengakibatkan orang yang tidak bersalah menjadi mangsa. Pengganas sendiri mungkin terlepas. Jika mereka dibunuh atau ditawan selagi sebab untuk mengganas masih ada tidak ada jaminan yang orang lain pula tidak akan mengganas. Sebab itulah kerajaan Malaysia tidak bersetuju dengan peperangan terhadap negara-negara yang dikatakan memberi perlindungan kepada pengganas. Ia hanya membawa malapetaka kepada negara berkenaan tanpa menjayakan sedikit pun usaha menghapuskan keganasan ataupun pengganas.

Untuk memulihkan imej Islam, orang Islam dan negara Islam perlu bertindak secara rasional. Keganasan mesti ditentang oleh orang Islam. Negara-negara perlu mendesak supaya diadakan satu persidangan negara-negara Islam dan kemudian persidangan antarabangsa untuk membincangkan masalah keganasan dan tafsirannya.

Hari ini terdapat banyak tafsiran yang berbeza terutama berkenaan dengan keganasan yang dilakukan oleh beberapa kerajaan negara-negara tertentu ke atas rakyat asing. Undang-undang antarabangsa mesti digubal untuk membendung keganasan dan pengganas. Hanya jika OIC bersikap dan bertindak secara rasional dalam menghadapi isu pengganas dan keganasan barulah imej Islam dapat dipulihkan.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya mengenai konflik yang kita hadapi mengenai keganasan antarabangsa sekarang ini. Kita dimaklumkan bahawa Amerika Syarikat telah menyerang Afghanistan. Apakah pendirian negara Malaysia? Di samping itu negara kita akan menghadapi risiko dalam konflik tersebut dan berasaskan pengalaman luas Yang Amat Berhormat Dato' Seri, bagaimanakah Dato' Seri melihat konflik ini akan berakhir nanti dan adakah konflik ini merupakan satu permulaan kepada penyelesaian secara menyeluruh konflik dunia melibatkan isu-isu politik dan ekonomi oleh negara-negara Islam dan juga negara-negara membangun. Terima kasih

**Perdana Menteri:** Hari ini Amerika Syarikat telah pun menyerang dengan menggunakan roket dan bom barangkali daripada luar Afghanistan. Mereka belum lagi melanggar Afghanistan dan dengan demikian kita tidak bersetuju dan kita tidak percaya bahawa serangan itu akan menghapuskan keganasan ataupun dapat membunuh pengganas.

Yang keduanya, memang pun kita menghadapi risiko dalam konflik ini kerana mungkin berlaku juga rakyat Malaysia terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dan mereka menjadi mangsa dan mungkin juga dengan agama lain dan orang lain menganggap bahawa orang-orang Islam secara langsung atau pun tidak langsung menyokong pengganas yang mana ini adalah tidak benar.

Justeru itu, kadang-kadang kita dapati, orang-orang Islam di negara-negara tertentu menghadapi tekanan, umpamanya berlaku di Amerika yang mana apabila orang Arab berada dalam pesawat terbang, maka mereka yang lain meminta supaya ianya dikeluarkan daripada pesawat dan ini terpaksa dibuat kerana pilot juga tidak bersetuju dengan adanya orang Arab dalam pesawat mereka dan ada kes yang mana orang Sikh telah ditembak mati kerana pakai serban, sebab itu kita harap bila pergi ke luar negeri orang yang pakai serban itu berjaga-jaga sedikitlah, [Ketawa] takut kena tembak apakah, bukan - kerana kita sayang kepada mereka, kita tidak hendak mereka menjadi mangsa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Marang. [Ketawa]

**Dato Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana keganasan adalah suatu tindakan yang melampau yang ditentang oleh semua agama termasuk agama Islam, bahkan Islam melarang bukan sahaja keganasan di masa aman bahkan keganasan di masa perang juga terpaksa diharamkan oleh Islam.

Dan Islam juga mengharamkan kita bertindak ganas terhadap orang yang ganas kepada kita, walaupun orang ganas kepada kita, kita tidak boleh berlaku ganas, bahkan apabila adanya mayat-mayat orang Islam yang dikelar, yang dicincang, Islam mengharamkan kita bertindak balas menyincang sebagaimana yang dilakukan oleh musuh.

Oleh kerana itu, kita perlu suatu takrif, definisi yang lengkap berhubung dengan keganasan ini. Difahamkan bahawa ada persidangan di Bangsa-Bangsa Bersatu bagi membincangkan tentang keganasan ini. Apakah kita telah mengemukakan suatu definisi daripada pihak kita berhubung dengan keganasan ini supaya diberi suatu takrif yang tepat bukan sahaja untuk mengatasi keganasan bahkan tidak ada tindakan yang melampau terhadap keganasan yang juga menjadi suatu keganasan.

Yang kedua, Presiden Bush membuat kenyataan sama ada menyokong keganasan ataupun menyokong Amerika, ini adalah suatu kenyataan yang memaksa negara-negara lain supaya menerima takrif yang dikehendaki oleh Amerika dan di sana ada tindakan Amerika sendiri yang tidak betul, yang tidak tepat terhadap dunia, bukan sahaja dalam krisis Asia Barat bahkan dalam apa sahaja krisis yang lain.

Apakah sikap kita di dalam kenyataan yang memaksa itu, apakah pendirian kita sendiri dalam keadaan yang memaksa kerana kita melihat ada pimpinan negara Islam yang sudah kelam-kabut dengan adanya tekanan-tekanan yang seperti ini. Sekian, terima kasih.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat gembira kerana kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bahawa agama Islam melarang keganasan, malangnya dalam masyarakat Islam ramai yang tidak mengikut ajaran Islam [*Tepuk*] dan mereka membuat banyak perkara yang dilarang oleh agama Islam atas nama Islam. Keganasan yang dilakukan ini juga kononnya adalah sebahagian daripada jihad, mungkin ini disebabkan kerana orang telah mengganas mereka dan mereka ingin mengganas balik, tetapi yang tidak dapat diterima ialah yang menjadi mangsa orang lain sama sekali, termasuk juga orang daripada Malaysia yang tidak mengganas orang-orang Palestin, yang mengganas di Palestin ialah orang Israel. Ambillah tindakan kepada Israel. [*Tepuk*] Yang terbunuh dalam serangan ke atas bangunan WTC itu termasuk juga ramai rakyat asing yang tidak ada kena mengena dengan keganasan yang dilakukan oleh pihak Israel.

Jadi, kalau kita hendak mengambil tindakan pun kita pilihlah orang yang bertindak ke atas kita, dan saya akan sokong kalau dia hendak bertindak mengganas dengan Israel kerana Israel menembak mati banyak orang-orang Palestin.

Berkenaan dengan takrif 'keganasan', kita kluatir kerana siapa sahaja boleh dituduh menjadi pengganas. Kadang-kadang ada orang yang berjuang untuk membebaskan negara mereka daripada penjajahan, mereka ini biasanya ditakrif sebagai pengganas oleh penjajah, dan mereka diburu, sebaliknya kalau mereka menang, mereka tidak lagi menjadi pengganas.

Umpamanya, di Kenya semasa Jumo Kenyatta berperang dengan British, ianya ditakrif sebagai pengganas, kemudian pihak British terpaksa mengaku kalah kepada Jumo Kenyatta dan dia menjadi Presiden Kenya dan semasa itu ia tidak lagi menjadi pengganas, bahkan sejarahnya sebagai pengganas pun dilupakan. Demikian juga dengan Presiden Mugabe daripada Zimbabwe, ia juga dahulu adalah pengganas, hari ini dia tidak lagi dianggap sebagai pengganas tetapi menjadi seorang pejuang kemerdekaan.

Sebab itu kita perlu tentu di satu-satu masa siapa yang menjadi pengganas, apakah orang itu memperjuangkan kemerdekaan di negaranya ataupun ia sengaja mengganas, kita dapati kadang-kadang tidak ada cara lain untuk mereka bertindak balas, dengan itu mereka mengambil tindakan yang dianggap oleh pihak yang lain sebagai pengganas.

Tidak seperti di Malaysia, di Malaysia kalau kita hendak tukar kerajaan, setiap lima tahun kita ada pilihan raya undilah siapa pun, kalau hendak pilih orang yang tidak

kena macam dipilih di Kelantan dan Terengganu itu [Ketawa] kita terima juga. Itu demokrasi, tak payah hendak perang, tak payah hendak pergi curi senjata polis lepas itu hendak tembak orang itu, curi apa sahajalah, semacam juga tafsiran bagi satu pihak minyak itu dianggap dicuri, bagi satu pihak dianggap haknya. Jadi, tafsiran berbeza-bezalah, satu wang ihsan, satu lagi kononnya hak mereka. Semua itu boleh dibuat tafsiran, itu terpulanglah kepada rakyat hendak menentukannya.

Kita juga dapati ada jenis keganasan yang dilakukan oleh, dengan izin, kerajaan, seperti yang dilakukan oleh Israel terhadap orang Palestine, mereka membunuh termasuk kanak-kanak Palestine. Bagi kita itu adalah ganas kerana mereka ada cara lain untuk menyelesaikan masalah, cara runding umpamanya, tetapi mereka memilih secara ganas ini. Sebab itu kita perlu tentukan apa dianya pengganas, siapa dianya pengganas, kalau pun ada sebab sesuatu kumpulan itu mengganas, cara mereka mengganas mesti ditentukan juga.

Dalam peperangan ada undang-undang perang, Geneva Convention yang melarang penggunaan *poison gas* umpamanya, itu tidak dihalalkan, walaupun perang memang kita bertujuan hendak bunuh musuh, tetapi tidak boleh bunuh dengan menggunakan *poison gas*.

Dalam usaha orang-orang yang berjuang untuk mencapai matlamat mereka, mereka tidak harus menggunakan cara-cara yang menyebabkan orang yang tidak bersalah menjadi mangsa, umpamanya memasang bom ditubuh badan mereka dan meletupkan diri mereka. Biasaya yang menjadi mangsa bukan tentera, tetapi orang ramai. Rajiv Ghandi telah dibunuh dengan cara itu, Presiden Kumaratunga matanya buta sebelah kerana diletupkan bom cara itu. Itu adalah ganas, walaupun mereka berjuang untuk sesuatu yang dianggap halal, tetapi cara itu kita tidak boleh terima. Demikian jugalah merempuh bangunan yang menyebabkan 6,500 orang yang tidak ada kena mengena sekali dengan perjuangan mereka menjadi mangsa dan membunuh penumpang-penumpang di atas pesawat terbang, itu adalah cara ganas yang kita tidak boleh terima.

Sebab itu kita telah cadang supaya diadakan satu mesyuarat untuk menentukan definisi 'pengganas' dan 'keganasan'. Walaupun UN baru-baru ini mengadakan sedikit perbincangan, ianya tidak menyeluruh dan wakil kita tetap juga memberi pendirian seperti yang telah dijelaskan oleh saya sebentar tadi. Dan inilah pendirian kita.

Berkenaan dengan dakwaan Presiden Bush bahawa kalau kita tidak bersama dengan Amerika Syarikat, ini bermakna kita bersama dengan pengganas, ini kita tidak dapat terima. Tetapi kita harus ingat semasa ia membuat kenyataan itu ia dalam keadaan panas, baru sahaja berlaku dan ianya mungkin bercakap dengan terlalu emotional.

Saya telah bercakap dengan Presiden Bush semasa dia panggil saya melalui telefon, pada masa itu saya dapati ianya agak rational, ia tidak bertanya kepada saya, kalau saya tidak sokong Amerika, maka saya adalah menyebelahi pengganas, dia tak tanya langsung, dia tidak sebut langsung perkara itu. Sebaliknya apa yang disebut olehnya, dia kata kita perlu bertindak melawan pengganas, masing-masing dengan caranya. Jadi, kita dengan cara kita dan dia dengan cara dia. Jadi, nampak pendiriannya juga sudah berubah kerana sekarang ini mungkin sudah sejuk sedikit.

Sikap kita mudah sahaja, kita tidak boleh menerima dakwaan bahawa kalau kita tidak menyebelahi Amerika, maka kita menyebelahi pengganas, kita tidak menyebelahi pengganas, kita menentang pengganas tetapi tidak semestinya kita mesti menjadi ally ataupun rakan kepada Amerika dan tindakan-tindakannya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat tadi ada membayangkan bahawa seluruh rakyat Malaysia menolak keganasan dan Islam sendiri juga menolak keganasan. Tetapi saya minta juga pandangan Yang Amat Berhormat, tetapi ada juga parti politik tempatan yang mengatakan Islam melarang keganasan, kita tolak keganasan, tetapi hakikatnya kadang-kadang berbeza, adakah Yang Amat Berhormat mahu melihat supaya parti politik ini membendung, menghalang, membersihkan elemen-elemen dalam parti mereka kerana dalam kes KMM ini amat jelas penglibatan ahli parti politik ini. Saya minta pandangan Yang Amat Berhormat.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan bahawa tidak semua daripada orang Islam mengikut ajaran Islam walaupun mereka mendakwa diri mereka sebagai Islam ataupun kumpulan mereka sebagai Islam, tetapi banyak perkara yang bertentangan dengan Islam dilakukan oleh orang ini.

Jadi, kita tahu bahawa mereka mungkin bersimpati juga dengan pengganas-pengganas dalam negeri dan alasan mereka ialah ini sandiwara, semuanya sandiwara. Jadi, kita hendak tengoklah apa dia hendak buat, kerana kita tahu orang ini memang terlibat, kita mempunyai bukti yang jelas dan kalau ada sokongan kepada puak ini, maka undang-undang negara mencukupi untuk menangani masalah. [Tepuk]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang tertarik kepada penjelasan Yang Amat Berhormat tadi mengenai sidang Bangsa-Bangsa Bersatu yang bercincang secara terhad terhadap keganasan ini dan juga cadangan Yang Amat Berhormat untuk mengadakan persidangan kemuncak ke atas keganasan di seluruh dunia. Apakah tindakan Yang Amat Berhormat untuk mengadakan persidangan seumpama ini supaya kita boleh bersama-sama memastikan pihak Amerika Syarikat tidak mengambil tindakan yang terlalu melampau ataupun kita boleh melindungi orang-orang yang tidak berdosa yang sudah pun disebutkan oleh Yang Amat Berhormat tadi.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menulis surat kepada Perdana Menteri United Kingdom, Tony Blair menjelaskan pendirian Malaysia dan juga meminta supaya ianya bersetuju dengan mengadakan satu persidangan antarabangsa untuk membuat definisi berkenaan dengan keganasan pengganas supaya kita dapat bertindak bersama.

Saya juga selepas bercakap dengan Presiden Bush dan ianya meminta supaya saya tidak menunggu kemudian baru menulis kepadanya kerana kita akan berjumpa pula di APEC, ia hendak mengetahui pandangan Malaysia terhadap kes pengganas ini dan saya telah menulis kepada Presiden Bush dan membuat penjelasan seperti mana saya telah jelaskan di dalam Dewan ini juga iaitu berkenaan dengan kurang kesannya peperangan dan juga perlunya menangani masalah pengganas ini dengan menentukan sebab-sebabnya, macam Palestine, Chechnya, Iran, Iraq, Sudan, Libya, semua ini mesti ditangani, barulah kalau kita dapat hilangkan masalah ini, maka keganasan tidak akan berlaku.

Saya juga telah sebut bahawa walaupun kita musnah Afghanistan tetapi yang mengganas hari itu bukan orang Afghan sebaliknya mereka adalah rakyat Arab Saudi dan mungkin juga rakyat Mesir daripada negara-negara arab yang kaya dan mereka ini tidak berada di Afghanistan. Kalau dimusnahkan Afghanistan pun, orang ini ada di luar dan mereka mungkin mengganas lagi dan mungkin juga kerana tindakan peperangan ini mereka akan lebih berkeras dan lebih ramai akan menyertai golongan ini. Sebab itu saya telah cadangkan supaya diadakan mesyuarat untuk menentukan siapa pengganas dan apakah tindakan yang perlu diambil bersama oleh kita semua. Saya juga telah bercakap dengan Presiden Khatami daripada Iran dan dia juga bersetuju dengan perbincangan berkenaan dengan tafsiran pengganas ini.

4. **Tuan Ronald Kiandee [Beluran]** minta Menteri Kewangan menyatakan kesan ekonomi terhadap perkembangan terbaru yang berlaku di Amerika. Apakah langkah-langkah yang sedang dirangka oleh MTEN untuk meringankan beban kesan kelembapan ekonomi Amerika akibat kejadian ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan no. 10 dan no. 19 pada hari ini dan juga soalan-soalan berikut:-

- (i) Soalan no. 3 pada 9 Oktober;
- (ii) Soalan no. 13 pada 10 Oktober;
- (iii) Soalan no. 22 pada 16 Oktober;
- (iv) Soalan no. 18 pada 18 Oktober;
- (v) Soalan no. 2 pada 1 November;
- (vi) Soalan no. 11 pada 19 November;

- (vii) Soalan no. 13 dan 16 pada 22 November;
- (viii) Soalan no. 16 pada 26 November;
- (ix) Soalan no. 18 pada 4 Disember;
- (x) Soalan no. 16 dan 20 pada 6 Disember; dan
- (xi) Soalan no. 14 pada 10 Disember.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Perdana Menteri:** Pada awal tahun 2001, prestasi ekonomi Malaysia mula terjejas berikutan kelembapan ekonomi yang ketara di Amerika Syarikat dan pertumbuhan ekonomi Jepun yang mendatar. Dengan itu, keluaran dalam negara kasar (KDNK) yang telah tumbuh secara pesat selama tujuh suku tahun berturut-turut sejak pertengahan tahun 1999 telah menurun sebanyak 3.1% pada suku pertama tahun 2001. Untuk mengurangkan kesan kelembapan ini, kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan tambahan berjumlah RM3 bilion pada bulan Mac 2001 sebagai suntikan *pump-priming* dengan izin. Suntikan ini dipercayai akan merangsangkan pertumbuhan ekonomi setelah usaha dibuat untuk menyegerakan perbelanjaan pembangunan. Namun demikian, peristiwa serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 September telah mengubah senario ekonomi dunia dan menggugat pasaran kewangan dan perdagangan antarabangsa. Malaysia tidak terlepas daripada kesan buruk kemerosotan ekonomi rakan-rakan dagangannya.

Adalah dijangkakan kadar pertumbuhan tahun ini akan lebih rendah daripada paras 7% yang diramalkan semasa pembentangan belanjawan 2001 dan hanya 5% atau 6% dalam semakan Mac 2001. Kadar pertumbuhan yang terbaru akan diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2002 pada 19 Oktober ini. Serangan tersebut turut memberi kesan ke atas pasaran-pasaran saham utama dunia yang mengalami kemerosotan berterusan sehingga pada 28 September indeks komposit BSKL telah menurun sebanyak 10.9% sejak 11 September 2001. Pasaran saham Singapura pula turun sebanyak 15.8%, Manila turun sebanyak 12.9%, Jakarta turun sebanyak 11.9%, Bangkok turun sebanyak 16.1%, Seoul turun sebanyak 11.3% dan Taipei turun sebanyak 12.9%.

Eksport negara dijangka berkurangan disebabkan permintaan luar yang kurang menggalakkan. Demikian juga dengan pelaburan asing, industri pengangkutan, insurans dan pelancongan juga turut terjejas. Kos perdagangan akan meningkat ekoran daripada pertambahan kadar freight dan insurans.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada 25 September 2001 telah pun mengumumkan pakej rangsangan fiskal yang baru sebanyak RM4.3 bilion sebagai tambahan kepada pakej yang telah diumumkan pada bulan Mac yang lalu. Pakej terbaru ini bertujuan untuk meningkatkan perbelanjaan dalam negeri bagi mengimbangi pengurangan aliran masuk perdagangan luar negara dan memelihara kesejahteraan rakyat dari kesan negatif kelembapan ekonomi dunia.

Di antara langkah-langkah yang diambil di dalam pakej tambahan ini termasuk peruntukan sebanyak RM1,000 juta untuk melaksanakan projek-projek kecil pembangunan luar bandar dan beberapa projek kecil di bandar. Kerajaan telah mengarahkan supaya projek-projek ini diagihkan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera kelas 'F' dan 'E' tempatan dan kontraktor bukan bumiputera di kampung-kampung baru. Di samping itu langkah-langkah diambil untuk mempercepatkan pelaksanaan projek dan bayaran kepada kontraktor serta menggalakkan pekerja-pekerja yang diberhentikan dan penganggur untuk mengikuti latihan kemahiran serta membantu majikan untuk meningkatkan latihan di kilang di kalangan pekerja-pekerja yang mungkin diberhentikan turut dilaksanakan.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa asas ekonomi Malaysia tetap kukuh. Tekanan inflasi adalah rendah dan dengan izin *produces price index* ataupun PPI juga rendah. Ini bermakna Malaysia masih menjadi sebuah negara yang kompetitif. Rizab luar negara sehingga 29 September 2001 terus kukuh berjumlah sebanyak USD29.7 bilion mampu membiayai 4.6 bulan import tertanggung.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin meyakinkan Dewan yang mulia ini dan rakyat Malaysia bahawa kerajaan akan terus berusaha untuk memastikan bahawa kesejahteraan dan kemakmuran rakyat adalah terjamin. Kerajaan berupaya dan

mampu menghadapi serta mengatasi krisis baru ini. Namun, usaha kerajaan sendiri tidaklah mencukupi. Setiap rakyat juga perlu memainkan peranan masing-masing. Setiap orang mesti tekun dan rajin bekerja memperkukuhkan tekad dan usaha serta memberi sokongan padu kepada setiap usaha kerajaan walau apapun pegangan politik kita, kita semua bertanggungjawab untuk mempertahankan perpaduan rakyat dan berganding bahu, bermuafakat demi mempertahankan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat, saya yakin bahawa ekonomi negara berasaskan pada ekonomi yang kukuh dan langkah-langkah yang diambil ini adalah langkah yang *suit* dengan keadaan ekonomi negara. Seperti juga apabila negara dilanda krisis ekonomi tiga tahun yang lalu, kita dapat mengatasi masalah dengan kaedah-kaedah kita sendiri. Dato Seri, dikatakan bahawa suntikan sebanyak RM4.3 bilion ini akan memberi kesan jangka-masa pendek terhadap pertumbuhan ekonomi dan dikatakan ianya cuma memberi kesan *pain killer* pada ekonomi. Bererti jika tidak ada kesinambungan program-program selepas itu ianya tidak akan dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi pada jangka-masa yang panjang. Soalan saya, saya ingin tahu sejauh mana *confidence* kerajaan bahawa suntikan ini akan dapat menggalakkan penglibatan yang lebih agresif, lebih dinamik daripada *private sector* dan semua sektor ekonomi agar KDNK kita dapat dinaikkan selaras dengan suntikan yang diberi ini. Komen Yang Amat Berhormat Dato' Seri tentang penglibatan semua orang untuk menahan ekonomi, saya setuju bahawa semua pihak termasuk pembangkang juga harus memainkan peranan kerana jika ekonomi itu tidak baik, kesannya juga termasuk dikesan pada semua pengundi termasuk mereka yang mengundi pembangkang. Jadi, Yang Amat Berhormat Dato Seri, saya inginkan pandangan Dato Seri tentang *pain killer effect* ini dan serta pendekatan jangka panjang yang harus diambil oleh kerajaan. Terima kasih.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan sebanyak RM4.3 bilion ini diperlukan kerana semasa kita membentang belanjawan bagi tahun 2001 yang dibentangkan pada tahun 2000, pada masa itu kita tidak menjangka ekonomi Amerika Syarikat akan merosot dengan begitu teruk dan juga kita tidak sangka sama sekali tentang serangan yang dibuat pada 11 September. Ini mengubah senario ekonomi negara dan ekonomi dunia dengan itu kita perlu mengambil tindakan untuk mengatasi masalah yang timbul. Sudah tentu masalah ini tidak hanya terhad kepada tahun ini, ia akan berpanjangan tetapi untuk tahun depan kita mempunyai peluang dalam belanjawan bagi tahun 2002 untuk membuat peruntukan yang akan menyusuli segala pertambahan peruntukan yang dibuat sekarang ini. Jadi saya yakin bahawa proses perbelanjaan untuk memulihkan ekonomi negara ini bukanlah satu proses yang berhenti pada penghujung tahun sahaja. Ia akan diteruskan dan peruntukan untuk tahun depan akan mengambil kira apa yang berlaku di Amerika Syarikat pada permulaan tahun ini dan juga pada 11 September dan saya fikir rancangan kita ini akan dapat mengatasi bukan semua tetapi sebahagian daripada masalah yang telah menimpa negara kita akibat daripada kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat dan juga kemelesetan ekonomi dunia.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Terima kasih Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan soalan tambahan. Sebagaimana kita sedia maklum kesan daripada berlaku peristiwa robohnya dan juga pencerobohan terhadap runtuh World Trade Center dan juga perlanggaran bangunan Pentagon di Amerika Syarikat maka ekonomi dunia terjejas begitu teruk sekali. Saya ingin tahu adakah perlu dibuat satu perundingan atau mesyuarat antara negara-negara ASEAN sahaja bagi mengatasi masalah ekonomi yang meleset dan terjejas disebabkan peristiwa di Amerika Syarikat itu terutama juga saya ingin tahu antara negara Malaysia dan juga negara Singapura kerana pekerja-pekerja Malaysia begitu ramai bekerja di Singapura dan adakah kedua-dua negara juga ada perundingan untuk mengatasi masalah-masalah ekonomi dan juga pekerja-pekerja Malaysia di Singapura itu. Terima kasih.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengadakan Mesyuarat Ketua-ketua Negara ASEAN di Brunei dalam bulan November iaitu selepas Mesyuarat APEC di Shanghai pada bulan ini. Semasa mesyuarat di Shanghai juga kita akan bertemu seperti biasa antara pemimpin-pemimpin kerajaan ASEAN yang hadir di Mesyuarat APEC dan di situ juga kita berpeluang untuk berbincang tentang masalah yang timbul akibat daripada kemelesetan ekonomi antarabangsa.

Kita sedar tentang masalah pekerja kita yang dihentikan kerja di Singapura dan kita boleh menerima mereka untuk dilatih semula supaya mereka dapat peluang bekerja di Malaysia. Setakat ini jumlah mereka yang diberhentikan kerja adalah kurang daripada jumlah peluang kerja baru yang terdapat di Malaysia.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Dato Seri. Melihat dari sudut makro saya berpendapat bahawa dari segi jangka pendek kita boleh mempertahankan kedudukan makro melalui suntikan yang dibuat oleh kerajaan tetapi kita juga harus lihat dari segi jangka panjang bahawa kekuatan ekonomi makro bergantung kepada ekonomi mikro.

Sekarang ini kerajaan dalam proses untuk memperkukuhkan KLSE, mengadakan CDRC untuk mengatasi masalah NPL dan mengadakan master plan kewangan untuk memperkukuhkan sektor kewangan. Kita tahu akibat daripada serangan ke atas World Trade Center, banyak syarikat di Amerika yang tutup dan tentunya ini juga akan menjejaskan usaha kita untuk memperkukuhkan ekonomi mikro ini. Bagaimanakah pandangan Yang Amat Berhormat dalam perkara ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai pengalaman yang agak luas dalam menangani masalah kemelesetan ekonomi dan kesannya ke atas syarikat-syarikat yang perniagaan mereka terjejas kerana kemelesetan ekonomi. Kita telah menubuhkan Danaharta, kita telah menubuhkan Danamodal dan juga CDRC. Kita telah dapat mengatasi banyak daripada masalah-masalah ini. Ada juga tuduhan bahawa kononnya kerajaan melindungi, mem"bail out" syarikat-syarikat ini, tetapi sekarang ini kita tidak keseorangan dalam usaha bail out ini. Kita nampak negara-negara yang mengkritik kita juga [*Tepuk*] mem"bail out" macam-macam syarikat, syarikat penerbangan mereka di bail out dengan begitu besar peruntukan.

Jadi, nampak ramai orang belajar daripada Malaysia. [*Ketawa*] Yang lain-lain pun dia belajar juga daripada Malaysia. Jadi, kita mungkin tidak dapat mengatasi semua masalah tetapi tujuan kerajaan ialah untuk cushion, untuk mengurangkan kesan daripada kemelesetan ekonomi dunia ini ke atas negara kita. Dan untuk ini kita mempunyai banyak pendekatan-pendekatan baru yang akan kita kemukakan semasa kita membentangkan Belanjawan bagi tahun 2002.

5. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan kedudukan tangkapan ke atas pembuatan, pengedaran dan penjualan VCD dan DVD serta pecahan tangkapan ke atas kes berunsur lucah, palsu dan cetak rompak, yang mengancam keselamatan negara dan politik.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 2001 hingga bulan Ogos sebanyak 76,887 VCD dan DVD lucah dan 1,231,812 VCD dan DVD yang belum diluluskan oleh Lembaga Penapisan Filem serta Sijil B telah pun dirampas.

Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penguatkuasaan ke atas VCD dan DVD palsu dan cetak rompak adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Perangkaan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Unit Penguatkuasaan Bahagian C, Kementerian Dalam Negeri dalam tempoh bulan Januari tahun 2001 itu adalah berupa perkara-perkara yang dirampas itu di bawah VCD dan DVD lucah dan juga yang belum mendapat sijil kelulusan daripada Lembaga Filem Malaysia. Dan juga bilangan kes yang dibawa ke mahkamah bagi VCD dan DVD lucah juga adalah sebanyak 623 kes, pita VCD/DVD tiada sijil sebelum diluluskan oleh LPF adalah 1,686 kes. Jumlah denda yang dikenakan oleh mahkamah bagi kes yang telah selesai adalah RM55,650.00 dan bagi kesalahan VCD/DVD tiada sijil belum diluluskan oleh LPF ialah sebanyak RM453,800.00

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat, mengapakah penjual VCD di kaki lima kedai dan pusat oleh penjaja-penjaja masih berlaku sedangkan arahan telah diberikan penjualan VCD terbuka adalah dilarang? Apakah ini tanda penguat kuasa tidak cukup kuat dan longgar? Dan adakah Yang Amat Berhormat bercadang bahawa tempat-tempat pasar malam yang *designated* oleh pihak berkuasa kerajaan tempatan bahawa bisnis penjaja-penjaja yang menjual VCD yang tulen tidak akan terjejas? Terima kasih.

**Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tindakan untuk menguatkuasakan arahan itu masih sedang dilaksanakan dan mungkin dengan itu masih ada lagi tempat-tempat di mana arahan yang telah dikeluarkan itu belum lagi dikuatkuasakan sepenuhnya.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pihak kami memang juga sokong untuk mengambil tindakan ke atas VCD-VCD yang palsu, yang lucah tetapi masalahnya ialah adakah ini akan menolong menghentikan penjaja-penjaja VCD terbuka itu atau menghentikan penjualan ini kerana ia dijual di mana-mana tempat sahaja, bukan hanya oleh penjaja di tempat terbuka di pasar malam, di kedai-kedai. Mengapa tidak mengambil tindakan yang lebih berkesan di akar umbinya iaitu pencetak yang dikatakan ini adalah satu sindiket yang organised? It's an organised syndicate. Apakah cara yang lebih berkesan? Dan ini nampaknya hanya mengambil tindakan terhadap mereka yang terkecil [*Disampuk*]. Penjaja-penjaja yang terbuka itu adalah mereka yang terkecil sekali di dalam satu rangkaian, dalam sindiket ini. Selain daripada itu, apakah caranya? Terima kasih.

**Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, memang masalah yang telah timbul ini bukanlah satu masalah kecil, memang masalah yang besar. Tindakan yang kita ambil juga melibatkan mereka yang mencetak, mereka yang membuat. Jadi, bukan sahaja kepada mereka yang menjual.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Masalah penjualan VCD dan DVD ini bukanlah satu perkara yang baru dan saya yakin pihak kementerian mengetahui dan menyedari. Malahan seluruh rakyat Malaysia menyedari dan mengetahui tempat-tempat yang - dengan izin - well known tentang penjualan VCD dan DVD yang dibuat secara haram ini sama ada di Petaling Street ataupun di Imbi Plaza, ianya adalah tempat ataupun sarang VCD dan DVD haram ini sendiri.

Jadi, bagi saya, saya ingin mendapat penjelasan adakah cara kita untuk menyelesaikan masalah ini hanya dalam bentuk window-dressing sedangkan kita telah mengetahui, kita telah tahu siapa dalang-dalang di belakangnya dan tempatnya sendiri kita mengetahui, tetapi sampai sekarang tidak ada penyelesaian. Bertahun-tahun perkara ini kita bincangkan di Parlimen ini.

Jadi, saya harap pihak menteri boleh memberikan penegasan bahawa once-and-for-all kita boleh menyelesaikannya.

**Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan yang kita ambil, sebagaimana yang saya katakan tadi juga melibatkan pihak-pihak yang telah diketahui sebagai menjalankan kegiatan-kegiatan membuat VCD dan DVD yang haram itu.

Kita dapati memang ramai sangat yang terlibat dalam hal ini dan siapa juga yang tidak ada lesen untuk mengeluarkan DVD dan VCD itu terlebih dahulu ditutup. Keduanya, soalnya ialah ada juga pihak-pihak yang mengeluarkan VCD dan DVD secara yang ada lesen tetapi kita juga sedang memantau sama ada sambil-sambil itu mereka masih buat juga ataupun mengeluarkan juga VCD yang lain yang tidak ada lesen itu. Saya harap Yang Berhormat dalam hal ini tolong bantu di mana kalau Yang Berhormat pasti ada sesuatu yang telah pun dikenali menjalankan kegiatan ini kita bersedia untuk mengambil tindakan.

Kita benar-benar serius kerana sebenarnya VCD dan DVD lucah ini mempengaruhi anak-anak kita dengan begitu dahsyat sekali sampai ada juga kes-kes juvana, jenayah juvana ini yang telah disiasat oleh polis yang melibatkan rogol misalnya, dan didapati pula mereka yang telah melakukan itu setelah di soal siasat mengatakan mereka hendak ikut macam mana yang mereka lihat dalam video lucah itu.

Jadi, ini adalah masalah kita semua dan saya berharap semua Ahli Yang Berhormat jika dapat tahu dan dapat alamat di manakah VCD dan DVD ini dikeluarkan, tolong beritahu, kita akan ambil tindakan. Kerajaan sebenarnya serius dan kita mahu kalau boleh dihapuskan dan ini bukanlah satu perkara yang senang, ia memerlukan tindakan berterusan. Sebelum daripada kita umumkan kempen secara besar-besaran, tindakan juga diambil; bukanlah hanya bila ada kempen besar-besaran sahaja, Tuan Yang di-Pertua, barulah tindakan-tindakan itu diambil. Tindakan telah pun dijalankan dan kita akan terus laksanakan.

Agensi-agensi yang terlibat dalam hal ini bukan hanya Kementerian Dalam Negeri tetapi juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan juga pihak Jabatan Kastam, ketiga-tiga. Dan polis sebagai agensi yang terasing, Polis, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan juga Kastam semuanya bertindak sekali. Terima kasih.

6. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) sejak Program Internet Desa (PID) diperkenalkan pada bulan Mac 2000, berapa Pusat Internet Desa telah ditubuhkan sehingga bulan September tahun ini; dan
- (b) apakah sasaran kementerian dan berapa peruntukan telah disediakan dalam RMK8.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejak bulan Mac 2000 sejumlah 14 pusat Internet Desa telah ditubuhkan di pejabat-pejabat pos di seluruh negara.

Sejumlah 100 lokasi lagi akan dilaksanakan dengan peruntukan RM10,000,000 dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, [Ketawa] masa sudah cukup Yang Berhormat ya.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA 2001**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ops, sorry, sorry.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

11.10 pagi.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk menubuhkan Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya" dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, era globalisasi dan liberalisasi memberikan cabaran besar ke atas ketahanan dan daya saing negara. Dengan itu pelbagai aspek dalam pembangunan sosio ekonomi perlu diperkemas dan diperkukuhkan untuk menghadapi cabaran tersebut.

Dalam hubungan ini, pembangunan harta intelek adalah dikenal pasti sebagai salah satu bidang yang perlu diberikan penekanan. Harta intelek yang termasuk paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan hak cipta merupakan salah satu komponen penting dalam pembangunan ekonomi negara. Aktiviti reka cipta dan kreativiti yang menghasilkan teknologi dan produk baru daripada semasa ke semasa mewujudkan peluang-peluang pelaburan dan perdagangan dalam dan luar negara. Dengan demikian, pembangunan harta intelek yang kukuh dan mantap adalah penting dalam meningkatkan daya saing negara.

Tuan Yang di-Pertua, kefahaman dan minat orang ramai ke atas harta intelek adalah masih rendah. Apabila disebut harta intelek, mereka menganggap ianya suatu

yang teknikal dan perlu diberikan perhatian oleh golongan intelektual sahaja. Sebenarnya harta intelek ini sangat dekat dengan kita dan digunakan oleh kita setiap hari sama ada di rumah, pejabat, malah pada diri kita sendiri.

Misalnya, jenama pakaian yang kita pakai dengan *design*nya adalah dikelaskan sebagai harta intelek. Begitu juga dengan peralatan yang kita gunakan seperti televisyen, radio, komputer, ubat-ubatan dan lain-lain yang dikeluarkan dengan pelbagai jenama dan *design* adalah mempunyai elemen harta intelek iaitu dari segi teknologinya, jenamanya dan reka bentuknya.

Begitu juga dengan hasil-hasil kerja seni dan penulisan seperti novel, sajak, muzik, filem dan perisian komputer, kesemuanya dikelaskan sebagai harta intelek. Pada amnya, harta intelek ini adalah merupakan hasil usaha manusia yang menggunakan kreativiti mereka untuk mencipta teknologi, produk, *design* dan karya-karya seni. Ciptaan-ciptaan itu mampu dihasil oleh sesiapa sahaja asalkan mereka mempunyai minat dan daya kreativiti dan ia tidak terhad kepada golongan intelektual sahaja. Hasil-hasil ciptaan itu diberikan perlindungan undang-undang dan pemiliknya diberikan hak eksklusif untuk mengawal dan mengeksploitasi hasil ciptaan mereka. Pihak-pihak lain tidak boleh meniru tanpa kebenaran pemiliknya.

Dengan perlindungan hak yang diberikan di bawah undang-undang, harta intelek boleh menjadi aset yang berharga kepada pemiliknya dan negara. Ia boleh memberi sumber kekayaan kepada pemiliknya apabila dikomersialkan dan negara juga mendapat faedah dari segi pembangunan perindustrian tempatan dan mendapat sumber pertukaran asing jika ianya berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kita pada masa ini bukanlah tidak mempunyai teknologi atau pun tidak dapat menikmati produk-produk baru tetapi teknologi dan produk itu kebanyakannya dimiliki oleh orang asing. Kita terpaksa membayar teknologi dan produk itu dengan kos yang tinggi. Dengan itu, alangkah beruntungnya negara kita sekiranya teknologi dan produk yang digunakan itu dihasilkan sendiri oleh rakyat tempatan.

Apa yang berlaku sekarang ini ialah penghasilan reka cipta tempatan didapati masih kurang. Bilangan permohonan paten setiap tahun hanyalah kira-kira 200 permohonan sahaja atau kira-kira 4% daripada jumlah permohonan yang diterima setiap tahun, selebihnya adalah permohonan daripada luar negara.

Sebagai langkah mencapai taraf negara maju pada tahun 2020, kedudukan ini perlu diperbaiki kerana kemajuan negara juga adalah bergantung kepada penghasilan harta intelek khususnya reka cipta di kalangan rakyat tempatan. Kalau diambil contoh negara Jepun misalnya, bilangan permohonan paten tempatan adalah kira-kira 370,000 dalam tahun 1999. Manakala negara Korea pula bilangan permohonan paten tempatan adalah kira-kira 100,000 dalam tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kekurangan hasil reka cipta tempatan, banyak lagi aspek yang berkaitan dengan harta intelek yang perlu diberikan perhatian. Ini termasuklah:

#### **1. Aspek Perlindungan Harta Intelek**

Ada di antara pemilik harta intelek kurang memberikan perhatian ke atas kepentingan pendaftaran harta intelek mereka khususnya bagi Paten, Cap Dagangan dan Reka Bentuk Perindustrian. Tanpa pendaftaran, mereka tidak akan mendapat hak dan ia mungkin ditiru oleh pihak lain.

Selain dari itu, pendaftaran dan perlindungan harta intelek adalah bersifat kenegaraan, dengan izin, *territorial* di mana ianya dilindungi di negara-negara yang ianya didaftarkan sahaja. Maka, dengan itu pemilik harta intelek perlu mendaftar harta intelek mereka di setiap negara yang ingin dipasarkan harta intelek tersebut.

#### **2. Hasil Penyelidikan Yang Bertindih (Tidak Baharu)**

Ada di antara para penyelidik menjalankan penyelidikan mereka tanpa merujuk kepada rekod-rekod penyelidikan yang telah pun dijalankan oleh pihak lain, dan ini menyebab-

kan hasil penyelidikan mereka mungkin sama dengan hasil penyelidikan yang telah pun dibuat oleh orang lain.

Sekiranya ini berlaku, mereka tidak akan mendapat hak ke atas hasil penyelidikan itu kerana ia dianggap tidak lagi baharu. Ini adalah kerana salah satu kriteria utama pemberian paten adalah berasaskan prinsip siapa yang mencipta dan mendaftar dahulu, dialah mendapat hak perlindungan.

### **3. Pengurusan Harta Intelek Yang Kurang Sempurna**

Ada di antara agensi-agensi kerajaan termasuk institusi penyelidikan yang menghasilkan harta intelek tidak menguruskannya dengan baik dan tidak berusaha untuk mengkomersialkannya. Ini adalah kerana kurang kefahaman di kalangan mereka mengenai pentingnya harta intelek sebagai aset negara.

Perkara ini akan merugikan negara kerana tidak berpeluang untuk memperolehi sumber pendapatan daripada harta intelek yang berkenaan.

### **4. Kurang Tenaga Pakar Dalam Mengendalikan Pendaftaran Harta Intelek**

Pada masa ini bahagian Harta Intelek, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak mempunyai tenaga pakar yang mencukupi untuk mengendalikan hal-ehwal pembangunan harta intelek khususnya dalam memproses permohonan paten.

Ini adalah kerana kesukaran untuk mendapat tenaga kerja profesional seperti jurutera dan ahli sains untuk berkhidmat sebagai pegawai pemeriksa paten disebabkan skim perkhidmatan yang kurang menarik bagi mereka, maka dengan sebab itu proses permohonan paten mengambil masa yang agak lama.

Pada masa ini bilangan pemeriksa paten yang ada adalah seramai 20 orang. Bilangan ini agak kecil berbanding dengan bilangan pemeriksa paten di beberapa negara Asian yang lain seperti Filipina dan Indonesia yang mempunyai lebih 50 orang pemeriksa paten.

Bagi negara-negara maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat, tenaga pekerja profesional yang berkhidmat dengan agensi harta intelek mereka adalah melebihi 1000 orang. Negara Korea Selatan sebagai contoh, yang sedang pun pesat membangun mempunyai tenaga pakar seramai kira-kira 400 orang, di mana kira-kira 100 orang dengan kelulusan Ph.D.

Dengan keupayaan tenaga pakar yang terhad di bahagian Harta Intelek sekarang, ianya hanya dapat memberikan tumpuan ke atas aspek pendaftaran harta intelek sahaja. Manakala aspek-aspek penggalakan dan pembangunan Harta Intelek tidak dapat diberikan tumpuan yang sewajarnya

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkemas dan memantapkan lagi pembangunan harta intelek tempatan, penubuhan sebuah badan berkanun baru yang dinamakan Perbadanan Harta Intelek Malaysia adalah diperlukan bagi mengambil alih fungsi bahagian Harta Intelek di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia yang akan ditubuhkan nanti, ia diharapkan dapat menarik bilangan tenaga pakar yang secukupnya untuk melaksanakan program dan aktiviti pembangunan harta intelek tempatan dengan lebih berkesan.

Perbadanan ini juga dapat bertindak dengan lebih cepat bagi menyelesaikan sesuatu isu yang berbangkit selaras dengan perkembangan di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perlindungan harta intelek, negara kita telah pun sedia mempunyai undang-undang yang mencukupi. Undang-undang itu adalah seperti berikut:

- (i) Akta Paten 1983;
- (ii) Akta Cap Dagangan 1976;
- (iii) Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996;
- (iv) Akta Hak Cipta 1987;
- (v) Akta Petunjuk Geografi 2000; dan
- (vi) Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000.

Undang-undang yang sedia ada itu adalah setanding dengan piawaian antara-bangsa dan mematuhi kehendak-kehendak perjanjian antarabangsa yang disertai oleh Malaysia seperti berikut:

- (i) Konvensyen Paris – iaitu mengenai paten, cap dagangan dan reka bentuk perindustrian
- (ii) Konvensyen Berne– iaitu mengenai hak cipta; dan
- (iii) Perjanjian TRIPS (Trade Related Aspect of Intellectual Property Rights) yang merangkumi semua jenis harta intelek.

Perlindungan harta intelek yang diwujudkan melalui akta-akta tersebut mampu menyediakan iklim pelaburan yang baik di negara ini. Ini terbukti dengan kemasukan pelaburan asing yang berterusan di negara kita dengan membawa teknologi dan produk baru. Dari segi sokongan kepada para penyelidik dan usahawan tempatan, kerajaan kita melalui Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar ada menyediakan skim-skim bantuan khusus untuk para penyelidik dan pengusaha tempatan termasuk Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan Industri, Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan Koridor Raya Multimedia dan Tabung Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan.

Bagaimanapun skim-skim seumpama ini masih belum dapat meningkatkan penghasilan hasil kreativiti tempatan ke paras yang diharapkan. Dengan itu penubuhan sebuah badan berkanun baru yang lebih kukuh dan mantap adalah penting bagi membolehkannya memainkan peranan yang lebih cekap dan meluas dalam pembangunan harta intelek tempatan. Ia akan mengambil alih fungsi bahagian intelek di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Badan baru yang dicadangkan itu akan ditubuhkan dengan berasaskan prinsip autonomi penuh daripada segi kewangan dan perjawatan. Ini bermakna bahawa badan itu akan menguruskan sendiri hal ehwal kewangan dan perawatannya tanpa perlu merujuk kepada agensi pusat. Dengan kuasa autonomi penuh itu kerajaan yakin badan ini nanti mampu untuk mendapatkan tenaga kerja profesional yang sesuai dan mencukupi untuk melaksanakan program-program pembangunan harta intelek dengan lebih cekap dan berkesan.

Dari segi kewangan, badan itu dijangka mampu membiayai sendiri perbelanjaan operasinya melalui kutipan hasil yang diperolehi daripada bayaran fee pendaftaran yang pada masa ini dianggarkan sebanyak RM20 juta setahun. Badan baru yang dicadangkan itu akan diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Ia akan ditadbirkan oleh sebuah lembaga pengarah yang terdiri daripada seorang pengerusi dan lapan orang ahli yang dilantik oleh Menteri. Urusan pentadbiran akan dijalankan oleh seorang ketua pengarah dengan dibantu oleh beberapa timbalan ketua pengarah yang dilantik oleh Menteri. Dengan penubuhan badan baru yang lebih kukuh dan mantap itu ia dijangka akan dapat melaksanakan program dan aktiviti yang lebih kemas dan meluas termasuk;

- (i) menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan kepada pemilik harta intelek khususnya perkhidmatan pendaftaran;

- (ii) menyediakan sumber maklumat yang lebih lengkap untuk rujukan dan panduan pihak awam khususnya para penyelidik;
- (iii) memberikan latihan dan kesedaran awam yang lebih berkesan kepada pelbagai golongan masyarakat mengenai kepentingan harta intelek khususnya mengenai pentingnya ia didaftarkan supaya tidak mudah ditiru oleh pihak lain;
- (iv) melaksanakan program dan aktiviti khusus untuk menggalakkan aktiviti reka cipta dan kreativiti di kalangan rakyat tempatan dan seterusnya menjadikan rakyat Malaysia sebagai rakyat yang kreatif bermula di peringkat sekolah lagi; dan
- (v) menyediakan khidmat nasihat dan garis panduan kepada pelbagai pihak untuk memajukan reka cipta dan pengurusan harta intelek negara.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan badan itu adalah selaras dengan trend di kebanyakan negara yang menjadikan agensi harta intelek sebagai sebuah badan kerajaan yang mempunyai autonomi dari segi kewangan dan perjawatan. Sebagai asas kepada penubuhan badan tersebut, Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001 yang dicadangkan ini menyediakan peruntukan-peruntukan yang lengkap mengenai hal ehwal perbadanan tersebut. Ia mempunyai 41 fasal yang dibahagikan kepada enam bahagian seperti berikut:

Bahagian I rang undang-undang memperuntukkan permulaan tarikh kuat kuasa akta dan tafsiran-tafsiran yang berkaitan dengannya.

Bahagian II mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan dengan penubuhan perbadanan tersebut termasuk hal ehwal pelantikan anggota perbadanan, pelantikan ketua pengarah dan timbalan-timbalan ketua pengarah dan kuasa-kuasa Menteri ke atas perbadanan.

Bahagian III rang undang-undang memperuntukkan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa perbadanan.

Bahagian IV memperuntukkan mengenai hal ehwal pengambilan pekerja serta terma dan syarat-syarat perkhidmatan.

Bahagian V adalah berkaitan dengan hal ehwal kewangan perbadanan.

Bahagian VI mengandungi peruntukan-peruntukan am termasuk hal-hal pendakwaan, kerahsiaan dan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin dengan penubuhan perbadanan harta intelek Malaysia sebagai sebuah badan berkanun yang mempunyai autonomi dari segi kewangan dan perjawatan ia akan menjadi badan yang berkeupayaan mentadbirkan dan mengurus sistem harta intelek serta akta-akta berkaitan dengan lebih cekap dan berkesan selaras dengan standard antarabangsa. Badan ini dengan punca sumbernya sendiri dan kuasa autonominya akan berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan dalam menangani perubahan-perubahan di bidang harta intelek. Dengan penubuhan perbadanan ini maka infrastruktur dan pentadbiran harta intelek akan lebih baik dan ini akan meningkatkan keyakinan pereka cipta dan para pelabur dari dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sokongan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya dan bagi perkara-

perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Batang Lumar.

11.34 pg.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lumar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada Menteri dan kementerian kerana telah menyediakan undang-undang ini kerana sedikit sebanyak dengan undang-undang ini dan undang-undang pindaan consequential dengan izin, yang berikut dengannya, hasil daripada penggubalan undang-undang ini, sedikit sebanyak kita telah mewujudkan satu lagi prasarana undang-undang perdagangan, kreativiti dan reka cipta negara Malaysia.

Saya dalam perbahasan Dewan yang lepas banyak menyentuh persoalan reka cipta, kreativiti - intellectual property ini dan banyak lagi cerita persoalan terutama sekali di bawah perundangan multimedia. Dan saya juga menyentuh persoalan research dan development yang mana keselamatan hasil daripada research and development.

Saya juga menyentuh apabila research and development telah dibuat, *commercialization*, dengan izin, hak cipta ataupun benda-benda yang telah ditemui oleh para bijak pandai ini di negara Malaysia. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya melihat kementerian telah mengambil langkah positif dan patut diberi syabas dan tahniah kerana undang-undang ini juga boleh menggalakkan pelaburan, boleh menggalakkan perdagangan di samping memberi keselamatan kepada segala reka cipta dan hasil kreativiti rakyat dalaman ataupun luaran yang berniaga di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat sebagaimana yang Tan Sri Menteri telah sebutkan tadi, secara ringkasnya dilihat undang-undang ini mempunyai perbadanan, fungsi dan kuasa perbadanan, bentuk perhubungan dengan pekerja-pekerja kewangan dan sebagainya. Daripada segi perbadanan, saya tidak ada persoalan lain buat sementara ini untuk dibincangkan tetapi dalam kita mewujudkan perbadanan ini, sebagaimana perbadanan-perbadanan lain yang telah kita wujudkan di bawah mana-mana kementerian, kita dapati bahawa badan-badan tertentu, badan-badan tersebut tidak dibekalkan dengan secukupnya yang patut.

Umpamanya, kalau kita wujudkan satu perbadanan sedemikian, sudah semestinya kita perlukan tempat-tempat, premis atau pejabat mereka di mana sahaja. Tidakkah kita mengadakan pejabat sedemikian di Kuala Lumpur sahaja. Mungkin kita wujudkan di tiap-tiap kawasan ataupun *region*, dengan izin, di Malaysia. Umpamanya kita wujudkan di Kuala Lumpur sebagai *central region* yang mungkin merangkumi kawasan di Klang Valley, Melaka dan sebagainya. Mungkin negeri-negeri yang berdekatan.

Begitu juga keperluan mengadakannya di Johor, oleh kerana Johor juga adalah satu negeri yang pesat membangun dan banyak pelaburan dan ini perlu dilihat secara positif dan dari awal lagi kerana kita tidak hendak diwujudkan perbadanan tetapi keperluan masyarakat perdagangan setempat ini tidak dilihat secara total. Begitulah juga di kawasan Pulau Pinang, umpamanya yang merangkumi mungkin kawasan-kawasan yang tertentu yang berdekatan dan begitulah juga Sarawak dan Sabah.

Saya menyebut ini sebagai perkara yang awal sekali. Saya selalu melihat apabila kita wujudkan satu badan, kita wujudkan di Kuala Lumpur, macam mana Kuala Lumpur ini boleh memberi perkhidmatan seberapa cepat yang mungkin ke negeri-negeri yang jauh daripada pusat iaitu di Sabah, di Sarawak, mungkin juga di Kelantan. Walaupun mungkin PAS di Kelantan tidak perlu sokongan yang sedemikian, kita tidak tahulah apa business di Kelantan kerana orang kata Kelantan susah sedikit.

Macam di Sarawak baru-baru ini, pilihan raya kita menang habis sebab kita menyokong usaha dan tindakan Kerajaan Pusat. Jadi, budi pekerti orang PAS datang itu tidak diterima oleh orang Sarawak. Kita dari awal-awal lagi sudah beritahu dengan orang PAS ini, kita walaupun bagaimana mesti mewujudkan infrastruktur ataupun prasarana pejabat ini di negeri-negeri yang macam Kelantan, Terengganu dan sebagainya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak wujudkan pejabat sahaja, tidak mencukupi kalau pegawai-pegawai tidak diwujudkan. Oleh kerana badan ini adalah satu badan yang *independent*, badan yang bebas untuk mengadakan pejabat, tempat

pegawai dan sebagainya, kementerian mestilah jangan dibendungkan oleh pihak JPA untuk melantik pegawai-pegawai kerana jangan kita buatkan sepuluh kaunter tetapi seorang pegawai yang duduk. Jadi, kalau seorang pegawai itu pening kepala, kalau wanita dia beranak atau bersalin umpamanya, jadi tempat itu kosong. Jadi, orang awam kata, pejabat ini tidak efisien dan tidak dikendalikan dengan sebaik mungkin.

Jadi, ini juga mendatangkan satu kesan yang kurang baik kepada kementerian. Jadi, dalam .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, hendak bagi jalan? Ya, sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Batang Lupar tetapi sebelum saya hendak membuat sedikit pertanyaan kepada Yang Berhormat bagi Batang Lupar, saya hendak ucapkan tahniah, syabas kepada Barisan Nasional Sarawak, *[Tepuk]* pilihan raya bulan yang lepas telah menghasilkan satu keputusan yang gilang-gemilang kepada Barisan Nasional Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat. *[Ketawa]* Masuk ke pertanyaan, Yang Berhormat ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Hendak masuk pertanyaan ini, Tuan Yang di-Pertua pasal...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Panjang sudah itu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:**.....hari pertama kita bersidang dan ini belum direkodkan dalam Parlimen ini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:**...ucapan tahniah kerana sahabat saya Batang Lupar ini kebetulan dari Sarawak. Saya pun datang ke kawasan dia, perkampungan Melayu yang indah, 300 kilometer masuk ke Sungai Batang Lupar. Satu pengalaman Melayu yang amat cantik. 60 per 62 – parti pembangkang K.O. 11 calon KeADILan hilang deposit daripada 25 calon. *[Tepuk]* PAS, satu hilang deposit daripada tiga. Begitu juga DAP. Dan dengan peristiwa Pilihan Raya Sarawak ini, kita pun mengucapkan takziah kepada parti DAP kerana dicercaikan oleh suami dialah agaknya, PAS.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, ya, masuk ini, hendak masuk soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, ya soalan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tetapi DAP ini parti yang tidak pernah tahu malu Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Dia kahwin cerai, kahwin cerai dengan PAS ini sudah 18 kali. Entah bila-bila, agaknya dia gila talak besok, dia masuk baliklah. Jadi, suasana di Sarawak itu mencerminkanlah bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalnya Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ha, ya soalnya begini. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Batang Lupar tadi telah – soalnya tadi ialah maknanya mencerminkan rakyat Malaysia akan menolak parti pembangkang dalam tahun 2001. Itu yang saya dapat gambarkanlah kalau semangat Sarawak itu sampai ke Semenanjung. Soalnya, Yang Berhormat tadi nyatakan bahawa perbadanan yang ditubuhkan kerajaan. Kita memang mengalu-alukan seperti Perbadanan Harta Intelek ini kita ada tetapi Yang Berhormat kata tadi, yang menjadi masalah kadang-kadang JPA tidak begitu menyokong sangat tentang perbadanan kerana kadang-kadang hendak tubuhkan cawangan di negeri atau hendak melantik pegawai-pegawai begitu ketat JPA ini.

Jadi, perbadanan yang ditubuhkan oleh kerajaan dan diluluskan oleh Parlimen yang mulia ini tiba-tiba hendak melaksanakan, masalah yang dapat saya lihat dari pengalaman kita kerana tidak tahu apa sebab musabab atau ini menjadi *trend* kepada JPA, sukar untuk memberikan pegawai-pegawai dalam menubuhkan cawangan-cawangan di peringkat negeri ataupun di peringkat daerah.

Jadi, apa agaknya pandangan Yang Berhormat, satu cara atau satu keadaan yang boleh kita sumbangkan kepada kementerian ini dalam menubuhkan perbadanan ini supaya halangan-halangan ini dapat kita atasi. Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Sri Gading. Saya jemput Dato' Sri Gading datang ke kawasan saya sebab saya memang kawan rapat dengan Dato' Sri Gading ini, bukanlah sebab apa-apa benda tetapi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Barisan Nasional yang datang menolong kami, memberi moral support kepada kami di Sarawak dan dengan kerjasama yang begitu rapat di antara Parti Barisan Nasional itu telah memastikan kemenangan di Sarawak itu begitu rupa. Bukanlah usaha orang Sarawak sahaja, bukanlah parti-parti Barisan Nasional yang empat di Sarawak sahaja tetapi kerjasama kesemua 14 Parti Barisan Nasional seluruh Malaysia yang telah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jawab, jawab soalan pula.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Belum habis *sentence* itu Tuan Yang di-Pertua. Memastikan kemenangan yang begitu rupa.

Jadi, alhamdulillah, rakyat Sarawak menolak keganasan, kekasaran, kebiadaban yang telah dipertunjukkan oleh parti PAS dan KeADILan secara menyeluruh, di kawasan saya pun termasuk, yang mana seorang penghulu marah sampai hendak bergaduh dengan ahli PAS yang melangkah di atas bahu orang semasa hendak mengimamkan sembahyang. Dia kata ini hendak menjadi imamkah atau hendak menjadi apa? Kalau hendak jadi lebam boleh. Jadi, Tuan Yang di-Pertua itulah masalahnya, saya hendak ajar kepada PAS dan KeADILan kalau datang hormatlah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang hendak dijawab ini. Saya memang selalu menyebut soalan mungkin JPA, mungkin daripada Kementerian Kewangan mendatangkan masalah apabila pelantikan berlaku, kadang-kadang pandangan mereka berlainan, ada juga pandangan mereka itu memang betul juga, tetapi kadang-kadang dilihat daripada segi atas kertas itu sendiri, keadaan fizikal, keadaan setempat tidak dilihat secara menyeluruh. Jadi dalam persoalan anggota dan pejabat Perbadanan ini tadi saya menyarankan kepada kementerian supaya awal-awal lagi berbincang dengan pihak JPA, dengan pihak Perbendaharaan supaya badan ini diberi kuasa sendiri.

**Tuan Shaziman bin Abu Mansor: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya ada yang berdiri, Yang Berhormat bagi Tampin berdiri.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat tunggu habis ya, memberi kuasa sendiri..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tunggu dia jawab dahulu.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**...untuk merangka keperluan pejabat dan ruang pejabat, rangka anggota sendiri selepas itu dan diberi kuasa untuk melantik sendiri, tidak payah menerusi JPA ataupun mana-mana dan dengan keadaan yang sedemikian barulah badan ini boleh berjalan lancar dan boleh mencapai matlamat dalam masa yang singkat, dalam segi pengendalian pelantikan dan mencari ruang pejabat dan anggota-anggota yang diperlukan. Terima kasih, sila Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Yang Berhormat bagi Tampin.

**Tuan Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Saya juga tertarik apabila disebut tentang Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga Perbadanan Harta Intelek ini. Cuma tadi selain daripada meramaikan kakitangan juga perlu difahamkan bahawa di dalam melantik examiner for patent ini memerlukan kepakaran bukan setakat mereka yang layak

seperti ada kelulusan universiti, diploma dan sebagainya, tetapi mempunyai kebolehan dan mempunyai latihan dalam bidang ini sebelum mereka boleh diambil bekerja sebagai examiner di dalam bidang paten ini.

Dari segi itu, kadang-kadang kita lihat negara kita juga terpaksa bergantung kepada pakar-pakar negara lain dari segi melantik examiner ini. Cuma saya minta pandangan bagaimanakah dengan adanya perbadanan ini dapat kita meramaikan lagi examiner-examiner yang dilatih iaitu examiner-examiner local selain daripada kita menggunakan mereka yang mempunyai kepakaran daripada negara luar.

Selainnya saya juga minta pandangan Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak sebelum ini mereka yang terlibat dalam harta intelek ini kadang-kadang untuk mendaftar paten mereka, mereka terpaksa mengambil masa lima tahun untuk mendapatkan kelulusan. Adalah menjadi satu kebiasaan kadang-kadang apabila mereka hendak mendaftar kali pertama itu pada kebiasaannya akan ditolak. Ini menjadi lumrah kerana kononnya sudah ada dipatenkan di negara-negara lain. Ini saya minta kerana saya rasa Yang Berhormat sebagai seorang yang berpengetahuan apatah lagi latar belakang sebagai peguam, kalau boleh mempunyai pandangan-pandangan.

Selain daripada itu saya juga melihat ini dikatakan perbadanan ini juga akan bertindak sebagai ejen kerajaan. Pada hal kalau telah diperbadankan sepatutnya perbadanan itu secara lebih sesuai kalau boleh bertindak secara bersendirian. Itu saya minta Yang Berhormat memberi pandangan-pandangan yang saya kemukakan ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Sebenarnya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bukan Rompin, Tampin.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kadang-kadang tersebut Rompin - yalah bos, selalu kena sebut. Sebenarnya sebahagian daripada persoalan daripada Yang Berhormat Tampin tadi saya mintalah Tan Sri catatkan minta jawapan detail selepas ini. Tetapi apa yang saya boleh sebutkan di sini biarlah saya sebutkan dua tiga perkara. Memang saya hendak sebutkan Yang Berhormat, terima kasih kerana mengingatkan saya awal-awal lagi persoalan ini.

Yang pertama tadi soalan pelantikan dan kepakaran. Ini ada dua masalah, Tuan Yang di-Pertua. Masalah yang pertama apabila pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membuat satu struktur gaji untuk pegawai-pegawai kerajaan, banyak orang pakar ini diletakkan di bawah satu tahap yang tertentu yang mana tahap-tahap ini diselaraskan ataupun dibandingkan dengan pegawai-pegawai pentadbiran biasa, walaupun pegawai yang hendak dilantik ini mempunyai kepakaran yang khusus, yang mana mungkin gajinya tidak boleh dibandingkan dengan pegawai-pegawai kanan lain yang biasa di dalam jabatan kerajaan.

Dalam keadaan yang sedemikian kita hendak melantik seorang jurutera yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini umpamanya sebagai examiner ataupun pegawai ahli pemeriksa paten tetapi dalam masa yang sama kita tidak boleh memberi gaji yang tinggi oleh kerana terbatasi oleh kerana syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam. Jadi JPA melihat ini pula sebagai garis panduan yang tidak boleh diubah iaitu sebagai mutlak.

Jadi dengan keadaan yang sedemikian kita menjadi serba salah, hendak melantik orang yang bijak pandai, yang pandai tidak boleh oleh kerana gaji dia tidak menarik, kerana gajinya diselaras dengan pegawai-pegawai kerajaan yang lain. Ini Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kementerian berbincang terus dengan JPA supaya orang yang dimasukkan dalam badan demikian ini umpamanya hak cipta ini yang khususnya sepatutnya mempunyai satu kepakaran yang tinggi dan struktur gajinya tidak boleh dibandingkan dengan pegawai-pegawai kerajaan yang lain, kerana tugas dan tanggungjawab dan kepakaran mereka yang berlainan.

Jadi oleh kerana keperluan ini kalau kita hendak meningkatkan kredibiliti badan ini tidak boleh dibuat sedemikian. Jadi saya berharap pihak kementerian melihat secara terperinci persoalan struktur gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai-

pegawai yang akan dilantik menjadi pemeriksa ataupun examiner dalam badan ini nanti yang mana akan berkhidmat kepada perbadanan ini.

Begitu juga persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu pendaftaran, yang pertama. Yang kedua memakan masa yang lama, ini lagi satu masalah yang telah dibangkitkan oleh Tan Sri sendiri yang mengatakan iaitu kita tidak mempunyai pegawai yang mencukupi. Pada masa sekarang kita mempunyai kurang daripada 50 orang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** 20 orang sahaja.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kurang daripada 20 orang. Saya tidak payahlah hendak bercakap lebih daripada satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya 20 orang itu sedikit sangat. Kalau seorang dikatakan di negeri Johor, satu negeri satu pun sudah habis, tidak nampak lagi, mana hendak pejabat, mana hendak menjadi apa lagi? Jadi tidak boleh, terpaksa kerajaan melihat benda ini sebagai satu perkara yang amat perlu kepada industri di negara ini. Kalau kita hendak maju macam MSC sebagaimana satu benda yang unggul, benda yang orang lain tidak fikirkan dahulu bahkan negara kita disebut dalam laporan United Nations sebagai negara yang termaju dalam soalan pewujudan infrastruktur ataupun prasarana multi-media ini tetapi dalam masa yang sama ada benda-benda lain yang mungkin ada hubung kait dengan persoalan industri ini tidak mendapat tumpuan yang sebegitu rupa, oleh kerana masalah-masalah dalaman kerajaan itu sendiri iaitu pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menceritakan sedikit satu soalan JPA ini, ini cerita betul tetapi ganjil, Tuan Yang di-Pertua. Seorang pegawai JPA pernah bertugas di dalam JPA dan ditemui oleh seorang pegawai yang berkhidmat di kementerian luar negara. Oleh kerana persoalannya dia punya *entitlement*, dengan izin, hal perumahan di luar negara. Jadi pegawai itu memberitahu bahawa kamu ini dalam lingkungan luar tiga lingkungan. Oleh kerana tiap-tiap jabatan di luar negara itu ataupun embassy di luar negara itu ada lingkungan dalaman yang mana dia punya *ambassador*, *permanent representative* yang boleh duduk di dalam bandar itu sendiri. Satu lagi circle ialah pegawai yang kanan *first secretary* ataupun yang kanan lain, yang keluar lagi circle nya *the second secretary* ada pegawai kanan yang rendah sedikit dan ada yang lain-lain drebar dan sebagainya circle yang nombor empat umpamanya.

Jadi, pegawai ini kata tidak boleh diubah ini, jadi pegawai daripada Wisma Putra kata ini mesti kena ubah, kerana tempat itu tidak sesuai. Jadi tidak boleh berubah dan dasar tidak berubah. Ditakdirkan Tuhan, Tuan Yang di-Pertua, pegawai yang telah menegaskan soal circle ini tadi ditugaskan ke Wisma Putra. Bila dia masuk kerja di Wisma Putra posting yang pertama kalau tidak silap saya dihantar ke Cambodia, dia masuk ke dalam circle yang nombor tiga. Di Cambodia circle nombor tiga Tuan Yang di-Pertua, dalam sawah padi, dalam padang *mine field* dan sebagainya. Jadi, terpaksa dia datang ke sana balik ke sini lagi, macam mana hendak circle ketiga, saya masuk *mine field*, masalah kata orang Wisma Putra, pegawai tadi berjumpa, masalah *mine field* kerana you sendiri yang membuat dasar dahulu. Dasar ini termasuklah *mine field*, sawah padi di Cambodia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan kita pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam tidak masuk padang, tidak pergi ke kawasan, tidak melihat keadaan sebenarnya dalam persoalan penempatan dan gaji semua sekali pelantikan orang. Jadi, ini perlu dilihat dalam mana-mana badan, dalam mana-mana agensi kerajaan kita kena melihat keadaan sebenarnya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua yang kedua, dalam persoalan Tampin iaitu pendaftaran yang memakan masa yang lama, bukan sahaja kekurangan anggota yang menjadi satu masalah. Yang kedua, pencarian juga, bermakna soalan patent ini kita tidak boleh daftarkan sesuatu benda yang kita jumpai dua-tiga kali. Kadang-kadang A jumpa daftar, B jumpa daftar, C jumpa daftar lagi. Jadi takut kita bertindih pendaftarannya. Jadi sepatutnya kita mengadakan satu *register* yang mana *detail* penemuan itu mesti dibuat dalam *register* itu dan *register* itu patut dicomputerize dan *punch button* kita sudah tahu dalam masa satu hari. Okay contohnya dijumpai satu ubat daripada pokok "entanggor", umpamanya perubatan HIV. Ini pencariannya dan ini butirannya, kita punch button terus kita dapat datanya. Yang dapat ini Profesor A bin B yang jumpa umpamanya, tetapi bila Profesor A anak Z hendak daftar lain kali, kita

sudah tahu A bin B sudah jumpa. Jadi perlu mempunyai satu daftar, mempunyai satu data yang cepat dan boleh dijumpai oleh pihak-pihak central registry, hak cipta, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, tunjuk geografi, Akta Paten atau apa-apa sahaja benda yang kita jumpai itu mempunyai butiran-butiran cukup dan daftar yang berasingan yang dikomputerkan dan boleh di extract ataupun diambil butiran itu dengan seberapa cepat yang boleh. Dengan keadaan sedemikian, kemungkinan kita boleh mendaftarkan reka cipta kita dan keluarkan produktiviti kita dengan seberapa cepat yang boleh.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh persoalan reka bentuk dan kreativiti. Ini dua perkara yang amat penting sekali kita hendak melihat. Satu, saya pernah menyebut bukan tahun 2001, 2000 dan 1999 sahaja bahkan semenjak tahun 1995. Apabila Undang-undang Universiti dan Kolej dibuat pindaan dahulu, saya pernah menyebut persoalan kreativiti dan persoalan penemuan dalam sekolah dan di peringkat universiti. Untuk mewujudkan masyarakat yang kreatif, kita mestilah mempunyai budaya-budaya yang tertentu. Budaya-budaya yang tertentu maknanya mesti dimulakan di peringkat sekolah sampailah ke peringkat universiti. Jadi kalau budaya ini tidak diwujudkan, orang kita mungkin menjadi orang yang pandai, terdidik tetapi bukan bijak. Kita mungkin mendapat *achievement* yang tinggi dalam apa bidang sekalipun. Kalau *regime* persekolahan kita tidak mewujudkan satu *environment* ataupun suasana yang kreatif, namun produk atau keluaran daripada sekolah dan universiti ini mungkin tidak mencapai kreativiti yang kita harapkan.

– [Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau dilihat, saya sentiasa sebut sebagai misalnya kita bandingkan rakyat Amerika dengan seluruh rakyat Eropah dan Asia. Kita lihat di Asia bukan tidak banyak, banyak bijak pandai tetapi macam mana yang kita ketahui, pihak Taiwan pandai meniru, dia *copy* sana, *copy* sini, tidak wujudkan benda sendiri, jadi tidak ada benda yang akan direkodkan sebagai keluaran asli mereka. Jepun mengeluarkan sendiri tetapi *regime* persekolahan mereka begitu rigid sekali, begitu menekankan kepada paper qualifications dalam apa bidang sekalipun. Masuk ke universiti pun tinggi, keperluan diri di Universiti pun tinggi, tetapi kerana semua kena di *di spoon-fed* daripada soalan, mesti lulus peperiksaan dan pencapaian yang tinggi.

Tetapi persoalan kreativiti telah menjadi soalan nombor sepuluh, bukan nombor satu atau nombor dua. Nombor sepuluh kerana yang penting ialah pencapaian akademik itu sendiri menjadi satu tumpuan. Kalau akademik, kita kena belajar, kena tekun semua sekali tetapi *the development of thinking*, dengan izin, telah tidak dimajukan. Jadi begitulah keseluruhannya. Kalau kita lihat Jepun, Singapura telah berubah sekarang sejak 2000. Singapura hendak berubah daripada penekanan kepada *academic excellence* kepada *creative thinking*.

Begitulah juga kalau kita lihat di Eropah, telah berubah sejak 1995 sampai ke 1999 *to develop creative thinking* daripada menumpukan kepada *academic excellence* kepada pemikiran teknikal seperti di Jerman dan sebagainya. Itulah kenapa kita lihat sebagai misalnya siapa yang banyak mendapat *Nobel Prize Award* dalam *natural science* umpamanya, kebanyakannya orang Amerika kerana budaya persekolahan, budaya universiti di Amerika adalah jauh berlainan daripada tradisional yang kita ikuti dalam negara seperti negara Jepun, Singapura dahulu dan sedikit sebanyak negara Malaysia yang mana kita tumpukan perhatian. *You must have 5A* atau *9A* untuk pergi ke universiti, tetapi macam mana orang itu pandai fikir tidak kira. Sebenarnya Albert Einstein, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masuk universiti apa-apapun tetapi manusia terbijak di dunia, otaknya di examine kiri dan kanan untuk mencari kenapa otaknya begitu baik, tetapi *environment* yang dibuat untuk dia. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, badan ini yang bertanggungjawab kepada negara Malaysia untuk *create the environment, create the creativity* untuk masyarakat Malaysia dan masyarakat Malaysia tidak akan wujud kalau tidak ada pengaruh daripada badan ini kepada Kementerian Pendidikan keseluruhannya.

Jadi dengan sendirinya orang dalaman ini, orang yang duduk dalam Lembaga Perbadanan ini bukanlah dilantik daripada orang sembarangan, mestilah dilantik daripada mereka yang boleh memikirkan bagaimana untuk membudayakan kreativiti. Bagaimana hendak membudayakan *intellectualism* dalam masyarakat Malaysia bukan

dari segi *achieve first class honours*. di seluruh universiti. Kalau first class honours di universiti itu tidak boleh mengeluarkan satu benda, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dalam keadaan sedemikian, kalau kita lihat keseluruhannya, ini budaya yang pertama. Budaya yang kedua ialah soalan benda yang direka cipta, yang ditemui oleh pihak-pihak ini dalam R&D. R&D kita Tuan Yang di-Pertua masih rendah. Pada masa sekarang, Tan Sri - *correct me if I'm wrong* - peruntukan untuk *research* dan *development* negara Malaysia adalah 0.4% sahaja yang mana negara maju telah mencapai 2%. Ini jauh perbezaannya. Jadi kalau kita lihat infrastruktur dan prasarana kita, MSC umpamanya boleh di grade, satu yang termaju di dunia, macamlah Singapore 2000, *something like that*. Selepas itu boleh bandingkan kita sendiri dengan Silicon Valley di Amerika dan samakan dengan Lahoe di India dan Kansai City di Jepun dan sebagainya. Banyak lagi pusat-pusat yang sama dengan MSC, ini salah satu daripada pusat yang terunggul di dunia.

Jadi kita sebagai rakyat Malaysia, rasa bangga bila kita baca laporan-laporan antarabangsa menunjukkan Malaysia itu maju, pandai berfikir untuk mewujudkan prasarana tetapi persoalannya, adakah prasarana ini seimbang pembangunannya dengan kemajuan masyarakat itu sendiri dan dalam keadaan yang sedemikian, kita mesti melihat budaya kreativiti ini.

Yang kedua soal *commercialization*. *Commercialization* ini amat penting sekali, tidak guna kita menyimpan dalam buku, disimpan dalam data, disimpan dalam komputer, disimpan dalam apa benda sekalipun. Lepas itu bila profesor keluar saya kata, saya yang jumpa ini, Tetapi jumpa tidak menjadi hak, tidak menjadi apa-apa Tan Sri, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya berharap *commercialization* ini mestilah diambil satu penekanan yang khusus. Pertama, orang yang terjumpa itu mesti diberi habuannya. Kalau dia berjumpa benda yang boleh dicommercialize, dia mesti diberi habuan yang mencukupi oleh pihak-pihak yang tertentu. Maknanya, badan ini mesti berhak *negotiate* kalau ada terjumpa sesuatu benda yang boleh dicommercialize, badan ini berhak *negotiate* dengan satu-satu syarikat yang boleh membuat ini dan menjadikannya satu laburan ekonomi, satu laburan yang besar-besar dan pencipta dan penemu ini mestilah diberi *percentage-percentage* yang tertentu. Ini bukan sogokan dan ini bukan rasuah tetapi adalah satu upahan kepada mereka yang menggunakan kebijaksanaannya dalam mencari sesuatu benda yang baik untuk negara ini yang boleh dicommercialize. Jadi dalam keadaan sedemikian, dapatlah penemu ini menjadi satu contoh kepada orang lain, banyakkah orang lain cuba mencari penemuan-penemuan yang berasingan yang boleh dicommercialize. Itu satu.

Yang kedua, mereka yang berjumpa sesuatu benda tetapi tidak boleh dicommercialize mestilah diberi habuan-habuan cara lain, menjadi profesor universiti dan diberikan *publication* dan *promulgation* dalam jurnal-jurnal yang tertentu supaya jurnal-jurnal ini dibaca oleh orang ramai supaya orang tahu tentang penemuannya.

Jadi, ini amat penting sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam persidangan Parlimen yang lepas, saya sebutkan satu perkara, *research* dan *development* yang saya sebutkan tadi akan menakutkan dalam masa yang sama. Oleh kerana kalau kita bawa syarikat yang besar-besar melabur di Malaysia, mereka mempunyai R&D mereka sendiri, memberi peruntukan R&D mereka sendiri dan R&D mereka ini mungkin membuat satu penemuan yang tertentu.

Jadi, undang-undang ini memperuntukkan khidmat persoalan keselamatan hak cipta dan penemuan mereka. Tetapi, dalam masa yang sama juga, oleh kerana soalan *computerization* ini, IT ini, ICT ini, negara menjadi borderless. Benda yang dijumpai dimasukkan ke dalam komputer tetapi komputer itu boleh diserbu dan dimasukkan oleh orang-orang lain dan benda yang ditemui oleh mereka ini mungkin akan terkeluar daripada keselamatan ini dan akan terkeluar daripada negara kita Malaysia dan orang lain mendapat hasilnya. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian kita mesti melihat persoalan macam mana hendak keselamatan data, *research development data* yang didapati oleh saintis-saintis, bijak pandai dan pencari atau penyelidik di Malaysia ini boleh kita selamatkan dan kita jaga supaya tidak menjadi hak cipta orang lain. Ini adalah amat penting sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit persoalan lain, persoalan biodiversity umpamanya. *Research and development* dibuat di dalam soal biodiversity. Di Sarawak, kita telah mewujudkan undang-undang biodiversity. Undang-undang ini dianggap segelintir masyarakat saintis mengatakan begitu ketat sekali dan tidak menggalakkan penyelidikan beramai-ramai oleh pihak-pihak bijak pandai dan saintis. Saya juga dimaklumkan bahawa Sabah akan membuat undang-undang yang sama, mungkin selaras ataupun sama hampir dengan undang-undang yang telah dilaksanakan di Sarawak dan saya belum tahu sama ada Semenanjung sudah mewujudkan undang-undang biodiversity ini untuk keselamatan barang-barang dan hutan-hutan kita dan sebagainya.

Ini kerana kita bimbang apa yang berlaku kepada 'pokok tangau' umpamanya. Dulu, 10 tahun kita ruih-rendah dengan pokok tangau, itu satu pokok yang boleh dikaji selidik dan akan menghasilkan bahan yang boleh mengubati penyakit HIV. Tetapi, pokok tangau ini juga dijumpai di selatan Thailand, sama ada variety yang sama ataupun variety yang berlainan, saya kurang pasti kerana saya bukanlah *botanist*. Jadi, penemuan telah dibuat oleh pihak Amerika, tetapi Amerika telah *very fast*. *Researchers* dari Amerika itu dengan cepat-cepat telah membuat penemuan, didatangkan paten dan semuanya sekali, dengan sendirinya pokok tangau ini telah menjadi satu masalah kepada kita kalau kita mengeluarkan bahan yang sama, orang Amerika sudah kata, "kami sudah jumpa sendiri," maknanya pokok kita punya, *resources* kita punya, Amerika yang punya hak cipta di negara Amerika. Jadi, ini mesti kita peka dengan keadaan sedemikian. Inilah berbalik kepada pelantikan pegawai yang bijak pandai, badan yang begitu cekap, begitu cukup besar boleh mengendalikan pemantauan semua industri dan penemuan yang sedemikian.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, satu lagi budaya yang saya ingin sebutkan, budaya kreativiti ini tadi. Pertama, saya sudah pergi ke soal sekolah, universiti. *Research and development*, ini boleh mendatangkan hasil kreativiti yang berlainan. Ini satu lagi budaya iaitu budaya pemiagaan dan deregulation. Kadang-kadang, benda ini kita nampaknya percanggahan. Tadi saya mengatakan, kita mewujudkan undang-undang untuk menjaga biodiversity kita supaya *research* kita mesti dibuat secara mana yang kita tidak kehilangan *resource* dan orang lain yang mempunyai hak cipta. Jadi, pokok kita punya, semua orang lain yang punya. Di sini, saya juga bercakap soal *deregulation* kerana regulation kalau banyak ketat sangat kawalan kini, kanan dan sebagainya, kita akan mewujudkan satu suasana yang mana orang tidak boleh bertindak apa-apa dan tidak mendatangkan satu pemikiran yang kreatif dan sebagainya. Tetapi, dalam masa yang sama, kita perlu menjagakan keadaan, macam biodiversity dan persoalannya di sini, sejauh manakah pihak kementerian melihat orang yang duduk dalam badan ini nanti mempunyai orang bijak pandai, para saintis kalau perlu masuk duduk dalam badan ini dan juga pihak-pihak daripada orang syarikat-syarikat besar yang tahu dalam persoalan international trading dan marketing ataupun perdagangan supaya memberi satu input yang berlainan. Satu input yang mengatakan kita mesti ada undang-undang yang tertentu dan penjagaan yang tertentu.

Satu lagi, input yang mengatakan dalam persoalan perdangan penjualan dan sebagainya dan marketing umpamanya, kita mempunyai satu cara keadaan-keadaan yang berlainan. Jadi, diversity ini, dengan izin, akan mewujudkan satu suasana yang mungkin boleh menolong masyarakat Malaysia dan kerajaan untuk memantau dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab badan ini lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak sentuhkan ialah soal perdagangan. Di sini, kadar masyarakat Malaysia adalah kita sebenarnya diwujudkan oleh masyarakat orang putih, kebanyakannya British mempengaruhi pemikiran kita. Jadi, mungkin dalam pihak British mempengaruhi pemikiran kita dulu, banyakkah perkara yang mungkin British dan mungkin bukan British dan dibawa oleh orang yang datang ke sini dahulu, bukannya orang bijak pandai. Umpamanya macam di Sarawak, yang datang itu pelayar sahaja, *adventurer* James Brooke. Dia bukan pandai sangat, bodoh mungkin. Apa yang dia pandai, dia *takeover the country*, itu sahaja kerana senapang dia, *cannon* dia. Tetapi kebijaksanaan, kecerdikan dia, dia tadbirkan negeri itu sebagaimana dia fikir patut, itu sahaja.

Jadi dalam keadaan ini ada satu budaya Tuan Yang di Pertua, budaya pemikiran takut gagal. Ini telah menjadi satu budaya orang Melayu. Orang Melayu takut berdagang kerana dia takut gagal, orang Melayu kalau dia berdagang dia mesti dapat duit cepat, dia tidak tahu berdagang dari kecil-kecilan hingga menjadi besar. Jadi

oleh kerana orang Melayu ini dia tidak duduk dalam kedai, dia tidak duduk dalam pasar raya, macam masyarakat Cina umpamanya yang duduk banyak dalam kedai dan dalam keadaan itu dia hidup dalam keadaan perdagangan. Jadi dia *acquire skill, perception* dan sebagainya perdagangan. Tetapi tidak di kalangan orang-orang Melayu dan orang-orang Bumiputera yang lain.

Dalam keadaan ini orang takut berdagang, kalau takut berdagang, rugi berdagang, rugi berdagang jatuh perdagangan, kalau jatuh perdagangan itu malu dah... jadi satu stigma. Begitulah juga bankrap, terutama sekali orang takut. Tetapi kalau kita lihat daripada segi kreativiti perdagangan umpamanya kalau kita bimbang dengan soalan takut, soalan rugi, kita tidak akan *take risk*. Kalau kita tidak *take risk* macam mana hendak buat business, pinjam bank pun tidak berani.

Jadi ini telah masuk ke dalam pihak bank juga. Kalau bank pun sebelum hendak beri pinjaman dia check latar belakang, pernah hendak bankrap dulu. Jadi orang gagal berdagang, orang yang bankrap ini menjadi satu stigma yang besar dalam masyarakat Malaysia terutama sekali di kalangan orang bumiputera. Ini kita patut mempunyai satu tindakan khusus supaya kebangkrapan, kegagalan dalam business dan perdagangan ini dalam apa segi pun patutnya tidak menjadi satu masalah kepada kita dan tidak menjadi satu stigma kepada kita dan tidak menjadi satu keburukan kepada kita.

Jadi saya bukanlah hendak menjadi pakar motivasi seperti dalam buku "Dare To Fail". Tetapi sebenarnya adalah benar masyarakat kita patut *dimotivate* dan saya berharap kalau badan ini diwujudkan, dan dalam masa cerita yang sama, soalan-soalan hak cipta dan sebagainya orang kita sepatutnya jangan bimbang persoalan kegagalan dan soalan kekalahan dalam persoalan-persoalan sedemikian sama ada dalam perdagangan mahupun dalam persoalan pencarian dalam segi ini.

Dan demikianlah kita supaya kita tidak mewujudkan satu masyarakat yang tidak berani *taking risk, yang* tidak berani mencuba. Kita mempunyai moto negara "Malaysia Boleh" tetapi kita bimbang kecuali kita boleh, sebelum kita cebur diri kita sudah takut boleh atau tidak boleh. Jadi ini ada hubung-kait sama sekali yang boleh tidak boleh ini. Kalau kita mempunyai satu pendirian dan minda yang sedemikian, saya bimbang tindakan-tindakan kita hanya berlandaskan melihat perkara kecil-kecil dan tidak melihat benda-benda yang besar terdahulu.

Tuan Yang di Pertua, persoalan yang telah disebut oleh Yang Berhormat Tan Sri semasa membentangkan rang undang-undang ini tadi, rang undang-undang ini selaras dengan kehendak-kehendak konvensyen-konvensyen yang mana Malaysia telah terlibat.

Jadi satu perkara lagi yang saya ingin sebut iaitu yang saya sebut pada persidangan Parlimen yang lepas iaitu soalan pendaftaran, Cap Dagangan kerana dalam persoalan Cap Dagangan ini ada termasuk banyak perkara - nama sama, bunyi sama, rupa sama boleh menjadi satu masalah. Di bawah undang-undang British ada dikatakan undang-undang *passing-off*. Undang-undang *passing-off* ini melibatkan persoalan satu produk yang mungkin mengelirukan satu produk yang lain, mungkin sebab nama ataupun rupa dia ataupun bunyi dia disebut. Jadi kita tidak mempunyai satu penyelarasan.

Ini telah banyak diperbincangkan di Australia dalam persoalan undang-undang dia, di bincang di England dalam segi undang-undang dia, begitulah juga di Amerika kerana Amerika itu amat besar sekali, England itu amat besar sekali daripada segi undang-undang Komanwel dia. Jadi undang-undang *passing-off* ini ada berhubung kait dengan soal nama dan sebagainya. Kalau seseorang itu mendapati ataupun sudah menjumpai atau membuat satu penemuan yang sama dan bagi apakah garis penyelarasan yang boleh diwujudkan di negara ini dengan negara-negara lain sama ada soalan serantau ataupun seluruh dunia kerana dalam keadaan dunia global iaitu pasaran terbuka ini, persoalan nama yang bertindih, nama yang sama dari satu tempat ke satu tempat pasti akan berlaku dari semasa ke semasa dan kita telah banyak melihat kes Law, iaitu undang-undang berlaku di mahkamah di England, Australia, Germany, dan di Amerika terlebih lagi. Banyak benda-benda penemuan, nama-nama perdagangan yang berlainan yang produk berlainan tetapi mempunyai nama yang sama tetapi yang tidak menyenangkan hati tuan punya nama yang berkenaan tetapi boleh menguntungkan pihak-pihak yang kecil dan pihak lain yang menggunakan nama yang sama.

Kita mestilah melihat badan ini menyelaras supaya negara kita mencipta dan membuat nama hak cipta mereka dan paten mereka tidak bertindih dengan apa yang telah menjadi satu jenama yang besar, jenama yang telah tersebar luas di negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat juga dalam undang-undang ini fungsi dan kuasa perbadanan dan satu lagi yang saya hendak sentuh, ini perkara kecil sahaja Yang di-Pertua, iaitu dalam undang-undang ini ada mengatakan pegawai yang dilantik secara khusus iaitu pegawai perundangan. Saya tidak ada masa hendak buat *reference* atau *counter-reference*, dengan izin, dalam Seksyen 38 atau Fasal 38, seorang pegawai undang-undang sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Prosiding Kerajaan 1956, Akta 359 atau seorang pegawai undang-undang perbadanan yang telah diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976. Ini tidak menyentuh pegawai yang dikatakan peguam atau pegawai perundangan di Sarawak dan Sabah.

Ini juga merupakan satu pertanyaan sama ada tadi saya ada beri satu proviso, saya tidak ada membuat *counter-reference*, minta jawapan, sama ada peguam di Sarawak dan Sabah boleh ditakrifkan di bawah undang-undang Seksyen 38 ini sebagai peguam yang dimaksudkan di bawah undang-undang ini kerana kalau tidak saya memohonlah pihak kementerian supaya satu penyelarasan dibuat supaya tidak timbul setiap kali undang-undang dibuat, persoalan-persoalan dengan izin, *very local*, di Sarawak dan Sabah tidak diambil kira semasa undang-undang dipinda. Bukanlah masalahnya besar sangat tetapi masalahnya ialah soalan kita mempunyai tiga kumpulan undang-undang yang patut dilihat sebagai satu undang-undang Malaysia tetapi daripada segi penguatkuasaannya tidak boleh dilaksanakan sedemikian. Perlulah diambil kira dari keseluruhan.

Tuan Yang di Pertua, undang-undang ini walaupun sebagai undang-undang induk pertubuhan badan ini, saya amat berharap pejabat badan ini diwujudkan di seluruh negara sebagaimana yang saya sarankan awal-awal tadi dan pegawai lantikan ke jabatan ini mestilah setimpal dengan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pegawai yang duduk dalam badan yang memberi keselamatan dan perlindungan kepada harta intelektual di negara kita supaya mempunyai satu kredibiliti sendiri dan dilihat bukan sahaja daripada masyarakat perdagangan Malaysia tetapi juga oleh masyarakat perdagangan antarabangsa kerana apabila saya melihat buku laporan Akademi Sains Malaysia ini saya cukup kagum melihat ahli dan anggota-anggota akademi ini begitu tinggi.

Jadi saya berharap badan ini nanti mempunyai barisan lembaga yang begitu tinggi, juga kemampuan, kebolehan dan pengalaman mereka dalam bidang yang sama dan anggota ini mestilah diperbanyakkan supaya kita boleh mempercepat pendaftaran kreativiti dan produk yang dijumpai oleh hak cipta dan kreativiti ini dan dalam masa yang sama kita mestilah membuat satu perancangan, macam mana hendak melatih pihak-pihak yang ada terlibat dalam industri ini, pihak akauntan, pihak peguam dan sebagainya di seluruh negara supaya proses daripada peringkat bawah hingga ke peringkat atas tidak mempunyai satu bottle neck yang mana hak cipta mereka tidak terjaga-dalam mana apabila kemasukan pendaftaran dimulakan.

Kalaulah umpamanya betul sebagaimana Yang Berhormat bagi Tampin tersebut memakan masa lima tahun untuk mendaftar, jadi dalam masa yang sama kalau di negara lain pendaftaran sudah sedia boleh dibuat dalam masa mungkin enam bulan, maknanya apabila hak cipta kita didaftar lima tahun selepas itu kalau benda yang sama didaftarkan di Amerika sudah menjadi hak orang di Amerika dalam masa enam bulan selepas itu, dengan sendirinya apa yang kita cipta telah menjadi bukan penemuan yang baru walaupun perjumpaan itu dalam masa yang sama. Jadi, saya meminta kementerian, apakah tindakan khusus supaya pendaftaran boleh dibuat dengan seberapa cepat yang boleh untuk menyelamatkan hak cipta dan produk keluaran di Malaysia ini tidak menjadi....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** ....benda yang second hand.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ....Sri Gading bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Harta intelek suatu yang amat baru dan sebab itu kita bawa dalam

Parlimen ini. Khususnya orang Melayu tidak begitu faham dan sebenarnya terlalu asing, kecuali perbadanan ini esok akan menerangkan dengan seluas-luasnya peranan, fungsi perbadanan ini untuk diguna pakai oleh orang-orang kampung khususnya, kerana kalau tidak diterangkan dengan seluas-luasnya kepada rakyat ramai yang perkara ini baru kepada mereka, manfaat perbadanan ini tidak akan dapat dirasakan secara menyeluruh.

Orang kampung saya buat tikar pandan, kalau dia tak daftar ianya boleh dikedok, dicitak oleh orang lain. Jadi, kadang-kadang kehalusannya tak dapat hendak dipertahankan oleh beliau tetapi orang lain mendapat keuntungan. Perbadanan ini sebenarnya hendak melindungi kalau mereka berdaftar. Jadi, peruntukan untuk memperluas kefahaman ini harus ada kepada perbadanan ini. Peruntukan yang cukup kerana benda baru, kerana untuk mendapat faedah, itu harus disebarluaskan di kalangan rakyat ramai.

Seperti mana Yang Berhormat kata tadi, kita memang tak dapat hendak mengelakkan diri daripada hubungan antarabangsa. Pihak negara-negara maju sudah lebih awal mempunyai kepakaran, kepandaian dan menggunakan akta ini di negara mereka. Apa jaminan sebagai negara yang kecil, yang baru...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, soalnya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini hendak sampai soalnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Untuk menteri atau untuk Batang Lupar?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini untuk Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Yang Berhormat bagi Batang Lupar ini kalau diberi jawatan menteri pun dia layak. [Ketawa] Cuma nasib dia tak ada. Bas berhenti, tempat duduk penuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya soalkan, saya takut nanti jawapan tak tepat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kalau tak tepat dia senang jawab "Soalan ini dimajukan kepada menteri", selesailah juga. Dia boleh jawab begitu, dia soal menjawab insya-Allah. [Ketawa] Jadi, apa jaminan seperti mana Yang Berhormat kata, kita daftarkan di negara kita, itu menjadi hak milik kita dan hak milik kepunyaan individu yang berdaftar di bawah perlindungan perbadanan ini. Tetapi apabila sampai ke luar negara, negara luar seperti UK, Amerika atau di mana-mana negara lebih maju seperti Jepun atau di mana, dia kata ini dia punya. Apa jaminan dan bagaimana kita hendak menentukan bahawa apa yang kita hasilkan itu ialah sah sah awalnya ialah kita punya, sebagai satu pagar yang menentukan bahawa itu hak mutlak kita. Macam mana agaknya Yang Berhormat, boleh agaknya memberikan pandangan. Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Betullah cakap Tuan Speaker tadi, memang Menteri yang menjawab. Tetapi oleh kerana saya ditanya, saya cubalah jawab.

Inilah saya sebutkan tadi....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak mahu jawab pun tidak mengapa...

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**...persoalan cepat. Bantuan Tuan Yang di-Pertua kepada saya itu saya ucap terima kasih. Yang pertama, kita hendak mempercepat pendaftaran apabila menerima permohonan untuk mendaftarkan mana-mana hak cipta ataupun paten oleh badan ini nanti. Kalau tidak dapat maknanya kalau dalam masa yang sama orang lain mendaftar di luar negara, penemuan yang sama, benda yang sama, produk yang sama, kalau kita hendak tunggu lima tahun baru hendak mendaftar, orang sana enam bulan sudah didaftar, maknanya the next four and a half years- empat tahun setengah itu, sudah kepunyaan orang itu. Bila kita sudah masuk daftar kita sudah jadi second hand, tak boleh daftar lagi. Kalau diselaraskan di seluruh dunia, dengan sendiri tidak boleh daftar. Itu persoalan yang pertama dibuat oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi ialah persoalan kesedaran.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, memang betul bukan sahaja di kalangan masyarakat keseluruhannya, bahkan di kalangan masyarakat intelektual itu sendiri, di kalangan masyarakat yang mengetahui itu sendiri, yang ada kesedaran itu sendiri tidak

sedar bahawa tiap-tiap penemuan, tiap-tiap produk yang baru mereka jumpa tidak diambil tindakan susulan untuk mendaftar penemuan dan perjumpaan mereka. Jadi, ini menjadi satu kesalahan. Inilah kadang-kadang kita jumpa benda baru tetapi kita - orang Sarawak kata 'berleengah', tidak hendak mendaftar.

Jadi, kalau oleh kerana kelengahan mereka, kecuaiannya sedemikian, oleh kerana pendaftaran ini benda baru kepada kita, walaupun penemuan benda lama, pendaftaran ini benda baru yang kerana kita masih hidup dalam keadaan kita se kampung. Kalau tikar Yang Berhormat bagi Sri Gading cakap tadi perbuatan Mak Limah di kampung hulu, orang kata, oh cantik tikar Mak Limah buat ini. Jadi, kita tahulah dari keseluruhannya kawasan itu kata, "Tikar Mak Limah itu cantik!". Jadi, tak payah daftar kerana Mak Limah buat tikar cantik. Begitu jugalah sulaman yang cantik umpamanya. Sulaman ini dibuat oleh Mak Midah. Jikalau hendak order pergilah kepada Mak Midah. Tetapi kalau ada orang lain yang lebih cerdik lagi, dia daftarkan Mak Midah, dia daftarkan Mak Limah, dia tak perlu produk, dia daftar sahaja habis-habis paten dia punya. Dia bolehlah jual francais selepas itu.

Jadi, saya bersetujulah cadangan daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading, kita mesti memberi kesedaran kepada masyarakat, bukan kepada masyarakat intelektual, kepada syarikat-syarikat, kepada scientist kita, kepada penyelidik-penyelidik kita bahawa tiap-tiap penemuan, tiap-tiap benda yang kita baru jumpa ini kena di paten dan didaftarkan. Pihak kementerian di bawah badan ini, mengambil tindakan cepat mendaftar barang ini supaya menjadi hak cipta Malaysia, bukan dihakcipta oleh orang lain.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, tentang hak cipta ini Yang Berhormat, sejauh mana kejujuran negara luar. Umpamanya, saya amat terkejut apabila kata penemuan Tongkat Ali ini yang pertama ini di Russia, pelik kita. Yang kita tahu Tongkat Ali daripada hutan belantara yang ada di Khatulistiwa ataupun Malaysia umumnya tetapi tiba-tiba katanya, penemuan itu sudah pun ditemui di Russia. Jadi, maknanya kalau sesiapa pun hendak menggunakan Tongkat Ali sebagai bahan ubat harus agaknya mendapat kebenaran daripada Russia, kalau tidak ia bercanggah dengan peruntukan dan undang-undang. Se jauh mana negara kita ini tidak dibuli oleh negara-negara lain. Walaupun kita yang menemu pertama tetapi kata dia, "Ha ini kami yang punya dahulu". Ini kerana ada keuntungan ringgit dan sen. Minta sedikit penjelasan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana persoalan Tongkat Ali persoalan tumbuh-tumbuhan, ini dalam bidang bio-diversity. Itulah saya sebut tadi iaitu di Sarawak telah menggubalkan undang-undang dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri iaitu Bio-diversity Ordinance. Begitu juga Sabah yang mengcopykan undang-undang yang sama dan diperkenalkan di Sabah dan menjadi undang-undang di Sabah. Hanya yang belum ialah di Semenanjung yang mempunyai undang-undang, mungkin di peringkat negeri masing-masing membuat undang-undang bio-diversity ini untuk menjagakan. Umpamanya Endau-Rompin mempunyai resource ataupun sumber yang begitu banyak sebagai hutan yang tertua di dunia. Banyak benda yang boleh didaftar. Mengikut penemuan, sumber daripada hutan Tropika kita hanya 5% sahaja yang di katalog dan ditemui. Yang 95% lagi belum di katalog.

Maknanya dengan sendirinya kalau kita lihat ini adalah satu benda yang amat besar sekali bukan sahaja daripada segi scientific, research and developmentnya tetapi juga daripada segi penemuan dan kemudahan yang boleh berbangkit daripada segi industri dan pembangunan ekonomi di negara ini.

Jadi, undang-undang ini patut diwujudkan supaya sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, supaya hutan kita punya jangan orang lain yang daftarkan penemuan, kerana dia boleh tebang satu pokok masuk dalam guni bawa ke Russia, dia buat research, tak cukup dia datang sekali lagi dia ambil satu lagi guni, bawa balik selepas itu dia buat research, dia daftar. Bila dia daftar dengan sendiri dia daftar seluruh macam mana Menteri sebut tadi kawasan-kawasan - daftar di Russia, daftar di Eropah, daftar di Amerika, daftar di England, daftar di Australia, daftar di Malaysia, dia punya nama, kita punya kayu. Ini mesti kena dilihat dalam perspektif ini. Kita tidak mahu sumber kita punya tetapi hak untuk mengeluarkan barang-barang value added daripada segi penemuan saintifik untuk ubat ataupun untuk apa benda makanan, orang lain yang punya.

Jadi, ini amat penting. Memang cukup tepat Yang Berhormat bagi Sri Gading persoalan ini. Kita kena melihat perkara ini daripada segi positifnya. Saya dijumpai oleh seorang saintis mengatakan undang-undang Sarawak itu tidak menimbulkan satu kreativiti oleh kerana undang-undang itu begitu ketat sekali kerana undang-undang itu berkehendakkan tiap-tiap orang yang hendak membuat penyelidikan di Sarawak mestilah membuat satu agreement dengan negeri Sarawak, apa-apa sahaja penemuan sebahagian daripada pendapatan royalti nanti akan diberi kepada negeri Sarawak. Saintis itu kata kepada saya ini adalah tidak tepat dan tidak akan meningkatkan industri bio-diversity di negeri Sarawak. Saya kata kalau tidak buat macam itu, you boleh buat research selepas itu you daftar di Amerika youlah jual, kami tak dapat apa-apa. Jadi, Malaysia yang rugi.

Jadi, undang-undang ini mesti dilihat, regulation dan deregulation ini mesti dilihat daripada segi positif dan negatifnya. Positif kepada negara kita walaupun kita lambat sedikit tetapi sekurang-kurangnya hasilnya nanti kita yang punya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju walaupun umpamanya benda macam ceduk air, tikar. Macam di Sarawak Yang Berhormat Dato' Menteri Perusahaan Utama melancarkan tikar 'bergerang' yang mana Yang Berhormat bagi Sungai Benut bentang. Tikar bergerang ini banyak berlubang. Bergerang, orang Perak kata macam banyak lobang, tikar tetapi banyak lubang. Ia bukan untuk tikar tetapi tikar untuk perhiasan. Jadi, kalau benda-benda macam ini dalam keadaan pendaftaran ini macam mana perbadanan ini mengambil tindakan nanti. Adakah boleh benda ini didaftarkan, dan benda ciri yang macam mana boleh didaftarkan. Adakah benda-benda yang ganjil, penemuan orang tempatan daripada curving ataupun daripada kerawang dan benda-benda handcraft, dengan izin, kraf tangan orang tempatan ini boleh didaftarkan.

Jadi, persoalan saya, kalau ini tidak boleh didaftarkan kita mesti kena fikir kerana ini juga menggambarkan bukan hanya benda yang disebut sebagainya KFC, McDonald, Anne's Cake apa benda yang macam itu sahaja yang hendak kita daftarkan tetapi sekurang-kurangnya macam tikar bergerang, kerawang, batik, sulaman, kena juga didaftar dan apakah garis panduan akan diberi dengan badan ini supaya semua produk tempatan kita boleh didaftar dan selepas itu boleh kita menjadikan ia memang hak Malaysia, kalau orang hendak buat di England dia boleh buat lepas itu, tidak mengapa, kita hantarlah pandan, kita hantarlah, suruh dia bertanam pandan, bertanam di Sarawak ada bemban lagi dan bemban di negeri dia tetapi francais daripada negeri kita. Kita boleh jual. Macam di England orang Arab tidak hendak makan KFC, Kentucky Fried Chicken, dia buat satu benda lain, dia buat HFC (Halal Fried Chicken), tetapi KFC juga. KFC juga dia punya ramuan, dia punya masakan, caranya semua tetapi dia buat HFC, kalau hendak lihat di Jalan Edgeware, dia besar itu, saya terkejut melihatnya, apa ini? Halal Fried Chicken!

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan supaya kementerian melihat dalam perspektif kita bukan benda-benda, walaupun benda ini dikatakan intellectual property, intellectual property maknanya berkemungkinan ini dihasilkan oleh pemikiran minda tetapi kalau pemikiran minda itu tidak diekori dengan tangan yang bijak sebagai orang buat kraftangan, susah juga. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian patutnya kraftangan juga boleh dimasukkan dalam satu perkara yang boleh kita daftarkan apa sahaja benda-benda baru di Malaysia ini boleh kita daftarkan, kalaulah pendaftaran itu dibuat. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya bermohonlah jangan, kalau hendak daftar itu, satu benda umpamanya yang kita boleh commercialize the whole dunia, seluruh dunia, ini cajnya, harganya, tinggi semacam ini.

Janganlah pula badan ini nanti tidak mempunyai satu rasional yang tertentu apabila mengenakan caj dan levi ataupun apa benda untuk pendaftaran. Kalau hendak daftarkan ini tikar bergerang daripada Kampung Busar yang Dato' Sri Gading datang itu, dengan harga RM500,000 ada terus macam itu sahaja, orang dari pusat itu terus tutuplah kedai, tak payah pakai lagi, tak payah daftar, sebab ia mahal sangat tetapi kalau kita hendak petunjuk geografi ataupun reka bentuk perindustrian ini tadi, kalau kita hendak daftar ia dengan RM50 pun tidak patut juga, badan ini tidak boleh dapat duit, jadi there must be ada relatifnya kalau benda itu penemuan tempatan, benda yang mungkin tidak begitu high tech dan low tech, tetapi kepakaran orang tempatan kalaulah didaftar, daftar juga.

Tetapi daftar dengan caj dan caj pendaftaran yang rendah selaras dengan pendapat dan kebolehan orang itu. Kita tidak tahu, kerana hak pencipta ini boleh hidup dalam masa beberapa tahun Tuan Yang di-Pertua, 30 tahun atau 50 tahun saya kurang

pasti, ada tahunnya sendiri, selepas itu sudah boleh didaftar semula, tidak menjadi masalah lagi.

Jadi, kerana kalau dalam masa *life span* pendaftaran itu, umpamanya kalau 30 tahun dalam masa 30 tahun itu tidak mendatangkan hasil apa boleh buat, tetapi pendaftarannya RM50 tidak mengapalah, rugi sedikit RM50 sahaja, tetapi kalau dikehendaki mendaftar dengan harga RM50,000 lepas itu ia tidak boleh memfrancaiskan hak cipta ini, ini mendatangkan satu masalah juga.

Jadi, tidak membangunkan pemikiran, kemahuan dan kesedaran orang untuk mendaftar. Jadi saya berharap persoalan pendaftaran oleh pihak badan ini nanti adalah sepatutnya relatif dengan barang-barang sedemikian. Jadi, dalam keadaan sedemikianlah maka pihak pakar dalam bidang industri, perdagangan dan penjualan boleh memberi input kalau dilantik dalam badan ini nanti supaya rasional yang berlainan boleh dibangkit, dibangun dan dilihat oleh pihak lembaga ini dalam memutuskan satu-satu perkara.

Maknanya apabila kementerian mewujudkan satu undang-undang kecil yang dibolehkan di bawah undang-undang ini iaitu di bawah, saya baca Tuan Yang di-Pertua, undang-undang kecil yang dibuatkan oleh kementerian, "Kementerian mestilah berunding berbincang dengan badan ini sendiri supaya mendapat satu feedback ataupun maklum balas daripada mereka ini kerana merekalah yang mempunyai kepakaran yang khusus dalam bidang mereka ini."

Jadi, pihak kementerian sepatutnya tidak melihat, saya berharap tidak akan melihat sedemikian bahawa semua the wisdom itu daripada kementerian dan lembaga ini adalah mengikut arahan sahaja, sepatutnya lembaga ini mempunyai pemikiran yang boleh memindahkan pemikiran ataupun mengubah fikiran daripada mana-mana pihak terutama sekali dalam bidang kepakaran mereka.

Jadi, buat sementara ini Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan yang pendek, ringkas saya kepada Bil ini dan saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kluang.

12.47 tgh.

**Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua, selamat petang. Saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001 ini.

Saya cubalah kalau boleh habiskan pada pagi ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian untuk membentangkan rang undang-undang pada hari ini. Harta intelek merupakan salah satu komponen penting dalam pembangunan ekonomi negara di mana penghasilan harta intelek yang berterusan dan semasa ke semasa akan meningkatkan aktiviti pelaburan dan perdagangan.

Negara kita Malaysia adalah sebuah negara yang menjadi ahli kepada beberapa perjanjian iaitu World Intellectual Property Organisation, Convention Paris, Intellectual Property Rights, WTO dan sebagainya. Jadi, dengan keahlian ini kita harus melaksanakan obligasi perjanjian itu dan perlindungan harta intelek di negara kita perlulah diselaraskan sejajar dengan status ataupun taraf antarabangsa.

Jadi, selain daripada itu negara kita harus mempunyai sebuah agensi yang kukuh dan mantap untuk mengendalikan hal ehwal pembangunan harta intelek demi menghadapi cabaran-cabaran dalam era globalisasi dan liberalisasi.

Jadi, pada hari ini kerajaan berusaha menubuhkan sebuah badan berkanun yang mempunyai autonomi kewangan dan perjawatan yang berkeupayaan mentadbir dan menguruskan sistem harta intelek serta akta-akta yang berkaitan seperti Paten, Cop Dagangan, Hak Cipta, Reka Bentuk Perindustrian, Petunjuk Geografi, Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu dan sebagainya dengan cara yang lebih cekap dan berkesan selaras dengan taraf antarabangsa.

Saya penuh yakin dan percaya dengan tertubuhnya perbadanan ini, maka infrastruktur dan pentadbiran harta intelek akan lebih baik dan ini akan meningkatkan keyakinan mereka cipta dan para pelabur dari dalam dan luar negara.

Jadi, perbadanan ini selain daripada memberi perlindungan kepada harta intelek, ia juga mengesan perkembangan membuat dasar-dasar dan menggubal undang-undang yang sewajarnya dan di samping itu ia juga akan memberi khidmat nasihat kepada ataupun mengenai harta intelek ini.

Jadi, dari segi sistem perlindungan pemilik harta intelek yang memberi hak eksklusif kepada pemiliknya, mengawal dan mengeksploitasikan harta intelek mereka. Ini termasuklah untuk membuat, mengguna, mengedar, menjual dan mengimport. Jadi, mereka boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak-pihak yang melanggar hak mereka.

Jadi, tadi ada beberapa perkara yang telah disentuhkan iaitu selain daripada cara macam mana kita mengadakan perlindungan kepada pembuat dan pengedar serta pengeluar peniaga-peniaga tempatan kita. Saya amat bersetuju kalau kita tidak mempunyai satu sistem yang baik mungkin benda kita menjadi hak orang lain. Jadi, ini perlu diambil perhatian tentang perkara ini.

Selain daripada itu tentang membuka cawangan-cawangan dan pejabat-pejabat di seluruh negara, bilangan dan juga kualiti pegawai dan kakitangan harus diambil kira juga. Jadi, perkara-perkara yang tersebut ini, saya tidak perlu memanjangkan perkara ini, mungkin saya sentuh dengan perkara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sistem perlindungan harta intelek ini, saya difahamkan kalau mengikut misalnya Paten ini, kita memberikan hak eksklusif untuk tempoh 20 tahun dan tarikh pendaftaran permohonan.

Tentang cop dagangan pula tanda yang ditetapkan pada barang dan perkhidmatan, pendaftaran penguatkuasaan selama 10 tahun dan boleh diperbaharui tiap-tiap 10 tahun. Misalnya, reka bentuk perindustrian, tempoh perlindungan pun lima tahun dan lepas itu dilanjutkan dua kali selama lima tahun setiap kali lanjutan. Petunjuk pro-grafi dan juga reka bentuk susunan atur litar bersepadu pun sama juga.

Yang lebih serius ialah tentang hak cipta ini. Hak cipta adalah hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang kepada pemilik karya seperti karya swasta, seni, muzik, rakaman bunyi, filem dan siaran untuk mengawal karya yang tersebut bagi satu tempoh yang cukup panjang iaitu sepanjang hayat pencipta dan 50 tahun selepas kematian.

Saya bangkitkan perkara ini kerana seperti yang saya pernah bangkitkan apabila membahaskan Akta Hak Cipta (Pindaan) Tahun 2000 pada bulan April yang lalu. Pada masa itu isu yang hangat yang diperbincangkan ialah pemilik - pada masa itu ialah tentang PPM - mengenakan royalti ataupun bayaran kepada pelanggan mereka termasuklah mengenakan caj ataupun bayaran kepada kedai kopi, kepada warung-warung ataupun peniaga-peniaga kecil dan termasuk persatuan-persatuan dan juga pertubuhan-pertubuhan sukarela dan sebagainya.

Jadi, cadangan pada masa itu supaya kita harap pihak kementerian dapat memberi satu cadangan supaya peniaga-peniaga kecil termasuklah kedai kopi dan juga premis perniagaan yang kurang daripada 3,000 lebih kaki persegi dan juga persatuan-persatuan serta pertubuhan-pertubuhan sukarela dapat dikecualikan daripada dikenakan sebarang royalti ataupun pembayaran.

Saya berharap setelah perbadanan ini ditubuhkan kita dapat memainkan satu peranan yang cukup penting untuk mengelakkan masalah-masalah yang saya sebut tadi.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, tentang tindakan terhadap penjualan cetak rompak terutama VCD, VCD cetak rompak dan juga VCD lucah. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang mengambil tindakan yang tegas terhadap kegiatan cetak rompak khususnya penjualan VCD cetak rompak dan VCD lucah. Misalnya, untuk memperkukuhkan aspek perundangan dan meningkatkan lagi penguatkuasaan kerana kegiatan cetak rompak dan peniruan barangan akan menjejaskan perkembangan harta intelek.

Jadi, dalam konteks ini saya .....

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.....

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya dengan jiran saya ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju masalah penguatkuasaan penjualan VCD cara terbuka ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi telah dijalankan dengan cukup baik. Tetapi adakah masalah ini dapat diselesaikan jika masalah pengeluar-pengeluar VCD dan bahan-bahan yang sama-sama dengannya itu tidak ditangani, maka masalah penjualan akan berleluasa. Kalaupun penguatkuasaan dibuat untuk tidak dibenarkan penjualan secara terbuka, maka dia akan buat cara yang lain sebab orang berniaga dia mencari loopholes, dengan izin.

Adakah Yang Berhormat bersetuju satu perundangan khas ataupun perundangan yang perlu diperketatkan di mana denda tidak mencukupi tetapi kalau mandatori penjara seumur hidup untuk pengeluar-pengeluar yang terlibat untuk mengeluarkan bahan-bahan VCD ini dapat dipertekankan. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saranan itu?

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Pertama sekali saya memang menyokong penuh tentang pendirian tegas kementerian untuk menghalang ataupun menghapuskan penjualan VCD cetak rompak dan VCD lucah ini. Baru-baru ini telah pun memberi satu arahan iaitu tidak membenarkan jualan VCD di tempat terbuka, mungkin dengan alasan dapat kita mengawal dengan lebih baik.

Tadi telah pun membangkitkan dalam sesi soal jawab pun tentang penguatkuasaan terhadap tindakan untuk menangkap ataupun membanteraskan penjualan VCD yang haram ini. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Misalnya, Persatuan Peniaga-Kecil pun telah merayu kepada pihak kementerian selain daripada kita harus mencari jalan untuk menghapuskan ataupun mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang mengeluarkan ataupun pencetak VCD haram ini. Dan selain daripada tindakan itu sama ada tidak membenarkan penjualan VCD di tempat terbuka dapat kita mengatasi masalah ini.

Saya berasa selain daripada kita mengambil tindakan mengawal dengan ketat tentang peniaga-peniaga yang menjual VCD ini dan mereka yang mengadu kepada pihak kementerian iaitu mereka yang menjual VCD yang tulen ini juga terlibat kerana tidak dibenarkan dijual di kawasan-kawasan yang terbuka.

Jadi, saya difahamkan Persatuan Peniaga Kecil pun berhasrat untuk menghantarkan memorandum kepada Jemaah Menteri dan juga kementerian dan cuba mengadakan satu perbincangan. Saya tidak tahu sama ada perbincangan telah pun dijalankan ataupun tidak.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya daripada Kluang. Isu cetak rompak ini kerana ada sokongan, ada pembeli, pembeli yang menggalakkan cetak rompak ini terus berleluasa walaupun pihak kementerian memang bersungguh-sungguh hendak mengawal.

Masalah yang pertama dan menjadi pokok ialah kerana cetak rompak dengan harga ini murah. Dia terlampau murah. Jadi, harga yang murah itu yang menjadi tarikan bagi orang ramai kalau dia hendak tengok cerita 'Ibu Mertuaku' misalan. Yang asli dan rompak sama juga, P. Ramlee tetap cucuk mata dia. [Ketawa] Jadi, bagi penonton dia dapat tengok P. Ramlee cucuk mata sama antara rompak dan asli.

Jadi, soal yang penting sekarang ini bagaimana pihak kementerian boleh mengawal harga ini sehingga turun kepada yang paling murah, yang asli, kerana saya difahamkan modal hendak mengeluarkan ini kata orang 80 sen sahaja. Jadi, kawalan pihak kementerian juga harus mengawal harga ini supaya tidaklah mereka mengaut keuntungan yang berrrr-lipat ganda. Ha, ini saya rasa agak – minta Yang Berhormat bagi Kluang buat sedikit ulasan sebelum Menteri jawab. Kalau tidak dapat jawab tolak kepada menteriah suruh menteri jawab.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sebenarnya saya pun akan bangkit ataupun memberi cadangan kepada kementerian

supaya menimbang perkara ini selepas saya jelaskan dua, tiga perkara yang berkaitan dengan permintaan peniaga-peniaga kecil ini.

Jadi, selain daripada kita harus mengadakan tindakan tegas kepada pengeluar dan pencetak VCD yang ada di negara kita ini dan permintaan peniaga-peniaga kecil. Kalau kita mengadakan satu perbincangan sama ada kementerian dapat memikirkan kalau .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup Yang Berhormat boleh sambung pada petang ini.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Okay, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

**Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusi-kan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dipersilakan Yang Berhormat Kluang untuk menyabung ucapannya.

-2.32 ptg.

**Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung ucapan saya. Tadi saya telah menyentuh bahawa saya memang menyokong penuh usaha kementerian untuk membanteras aktiviti ataupun kegiatan cetak rompak khususnya penjualan VCD cetak rompak dan VCD lucas. Saya nampak kementerian mengambil langkah yang tegas seperti mengukuhkan aspek perundangan dan cuba meningkatkan lagi penguatkuasaan termasuklah baru-baru ini tidak membenarkan jualan VCD di tempat terbuka supaya dapat mengawal keadaan dengan lebih baik.

Jadi, persoalan yang timbul di sini ialah, saya tadi pun ada membayangkan sedikit tentang peniaga-peniaga kecil yang menjual VCD merayu kepada pihak kementerian, menyatakan bahawa kehidupan mereka terjejas berikutan arahan ini. Walaupun sebahagian besar mereka menjual VCD yang tulen. Itu kata merekalah.

Jadi, saya rasa apabila saya baca dalam surat khabar baru-baru ini dan difahamkan bahawa Persatuan Peniaga-Peniaga Kecil Kebangsaan ingin menyampaikan memorandum kepada kementerian dan juga berhasrat untuk berbincang dengan kementerian untuk mencari satu penyelesaian yang baik. Saya tidak tahu sama ada perbincangan telah pun dijalankan. Dan, saya cuma berharaplah kementerian dapat ataupun bersimpati dengan nasib mereka dan dapat berbincang dengan mereka khususnya pihak Persatuan Kebangsaan. Mungkin, ada jalan alternatif yang dapat dicapai untuk membantu mereka dalam keadaan sesak ini.

Yang kedua, tentang bagaimana kita dapat mengambil tindakan yang lebih berkesan terhadap pihak pengeluar ataupun pencetak VCD, cetak rompak ini. Saya juga diberitahu oleh orang ramai bahawa kalau tidak ada sumber VCD cetak rompak ini, maka, peniaga pun tidak dapat menjual VCD cetak rompak di pasaran. Erti kata, kalau kita dapat mengadakan satu cara yang lebih berkesan untuk memberhentikan kegiatan ini, seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bagan Datok tadi - tentang hukuman mungkin. Ada satu cara untuk kita menggunakan supaya kegiatan pengeluar VCD cetak rompak ini dapat dihapuskan. Jadi, perkara ini saya serah kepada pihak kementerian untuk memberi jawapan tentang cara macam mana kita dapat membantu untuk mengatasi masalah ini.

Yang ketiga, tentang harga VCD tulen ini. Saya setuju dengan Yang Berhormat Sri Gading tadi, yang mengatakan bahawa kalau harga yang kurang sedikit ataupun satu harga yang munasabah mungkin permintaan VCD cetak rompak pun dapat kita kurangkan. Dan dengan ini, secara langsung atau tidak, kita dapat membantu untuk mengatasi masalah cetak rompak ini dalam pasaran yang kita sangat bimbangkan pada hari ini.

Dan, kalau tidak salah saya, Yang Berhormat Menteri sendiri pun telah berusaha dan juga pernah meminta pihak syarikat ataupun pencetak ataupun

pengeluar VCD ini supaya dapat menimbang cadangan untuk mengurangkan harga VCD tulen ini supaya dapat diterima oleh pasaran. Dan, dengan cara ini dapat kita membantu mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kurang penghasilan reka cipta tempatan ini. Saya rasa kerajaan harus memikirkan sesuatu untuk menggalakkan lebih banyak reka cipta dihasilkan. Tetapi berdasarkan rekod yang didapati dan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, bahawa permohonan tempatan tidak sampai 4%. Saya bimbanglah kalau keadaan ini tidak diperbetulkan, mungkin pada suatu hari nanti - ini sebenarnya reka cipta orang Malaysia, tetapi akhirnya menjadi hak orang lain. Seperti yang telah dibincangkan sebentar tadi.

Jadi, saya setuju kalau kita hendak atasi masalah ini mungkin dengan meningkatkan lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), untuk menghasilkan reka cipta dan meneroka bidang baru untuk kita membantu keadaan ini. Dan, di samping itu kerajaan juga boleh menyediakan peruntukan yang lebih besar kepada para penyelidik dan pengusaha tempatan untuk menjalankan aktiviti R&D demi menggalakkan lebih banyak penghasil ataupun penghasilan Harta Intelek Tempatan.

Dan, selain daripada itu, tentang kesedaran dan latihan harta intelek ini. Saya difahamkan bahawa latihan dan program kesedaran harta intelek adalah dijalankan oleh Pusat Latihan Harta Intelek yang ditempatkan di INTAN. Dan, pusat latihan ini menjalankan kursus dan seminar kepada orang awam dari masa ke semasa termasuk kakitangan kerajaan.

Jadi, pada saya, usaha ini masih tidak cukup dan publisiti dan penerangan tentang harta intelek ini harus juga diperluaskan lagi sekurang-kurangnya di sektor SMI ataupun kita ada kawasan-kawasan seperti satu kampung, satu industri, misalnya. Jadi, penerangan ini dapat kita sampaikan ke akar umbinya. Jadi, dapat kita meningkatkan lagi kesedaran supaya rakyat kita lebih faham dari segi apa dia harta intelek ini.

Jadi, pada kesimpulannya, penubuhan sebuah badan berkanun ini setelah kita ambil kira perkara-perkara yang disentuh oleh ahli-ahli Parlimen tadi dan mungkin akan datang, saya percaya Perbadanan Harta Intelek Malaysia ini pasti akan berfungsi dengan lebih sempurna selaras dengan perkembangan ekonomi negara untuk kebaikan rakyat dan negara kita.

Jadi, itu sahajalah beberapa perkara yang saya dapat sampaikan dalam Dewan ini. Sekian sahaja, terima kasih dan saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tumpat, Tumpat dahulu.

**2.38 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaafar [Tumpat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk memberikan pandangan-pandangan ringkas saya berkenaan dengan perdebatan kita pada hari ini di bawah Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001.

Awal-awal lagi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mulai hari ini mempengerusikan sidang-sidang sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dengan taraf kedudukan dan kuasa yang baru, dan insya-Allah ini akan menjadikan perjalanan-perjalanan Dewan yang mulia kita ini lebih efisien dan menguntungkan kepentingan kita sebagai pencinta-pencinta demokrasi dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini perlu kita fikir dan dibahaskan secara yang agak mendalam dengan melihat beberapa sudut sebelum ianya diundi dan diluluskan, insya-Allah. Senario dunia dalam masa dua, tiga dekad yang lalu telah berubah secara agak besar. Dalam bidang ekonomi misalnya negara-negara Dunia Ketiga dahulunya menjadi bertambah maju sekurang-kurangnya menjadi bertambah efisien kemampuan pengeluaran ekonomi negara-negara Dunia Ketiga ini. Oleh itu, pengeluaran produk-produk yang dahulunya dianggap canggih dan tidak mungkin dapat dikeluarkan di kilang-kilang di syarikat-syarikat di Dunia Ketiga tetapi dalam masa dua, tiga dekad yang lalu negara-negara kurang maju, negara-negara Dunia Ketiga ini seperti kita Malaysia, Taiwan, dahulunya Korea Selatan, Filipina, Indonesia, Thailand dan sebagainya telah mampu mengeluarkan produk-produk ini yang akhirnya sama kualiti mutunya dengan apa yang dikeluarkan oleh negara-negara Barat.

Kalau negara-negara Barat boleh mengeluarkan kereta kita pun boleh mengeluarkan kereta. Jika negara-negara Barat dapat membuat software dan pengisian-pengisian komputer, kita pun dapat mengeluarkannya. Jika negara-negara Barat dapat mengeluarkan barang-barang pakaian, barang-barang kemas, beg dan sebagainya dengan jenama yang hebat maka negara-negara Dunia Ketiga ini dapat mengeluarkannya juga daripada segi mutunya tidak jauh sangat bezanya – yang beza, yang paling besar ialah apa yang dikeluarkan oleh negara-negara Dunia Ketiga ini dapat dikeluarkan oleh syarikat-syarikat di Dunia Ketiga ini dengan harga yang amat murah. Oleh itu dapat dijual dengan harga yang amat rendah.

Maka ini dari sudut yang positifnya bermakna lebih ramai manusia di muka bumi ini dapat mengecap dan menikmati produk-produk sama ada yang berkualiti tinggi ataupun produk-produk yang mempunyai design, reka cipta yang cantik-cantik mengikut trend fesyen yang terakhir dapat dibeli dengan harga yang murah atau berpatutan oleh orang-orang daripada Dunia Ketiga. Dari sudut dunia Barat mereka melihat bahawa jika Dunia Ketiga ini dapat terus kekal mengeluarkan barangan-barangan yang canggih ini dengan harga yang murah kerana kos pengeluarannya murah maka Dunia Pertama bimbang, mereka akan akhirnya kerugian dalam dunia perniagaan di antara mereka sebagai pengeluar dan seluruh dunia termasuklah Dunia Ketiga sebagai pengguna atau pembeli.

Oleh itu mulalah mereka mengeluarkan undang-undang dan mulalah kita mendengar istilah intellectual property dengan izin, ataupun harta intelek ini. Mereka tidak....saya kurang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri pagi ini bimbang sangat yang kita ini dapat fotostat buku-buku dan sebagainya. Itu nilai ekonominya tidak begitu tinggi. Nilai ekonomi yang tinggi ialah produk-produk lain seperti, sebagaimana sahabat saya bagi Parit Sulong maklum, produk-produk seperti software-software komputer yang dengan reka cipta ini menjadikan mereka syarikat terkaya di dunia - Microsoft dan tuan punyanya Bill Gates orang yang terkaya di dunia.

Kemampuan Dunia Ketiga mengeluarkan apa-apa benda pun dalam dunia ini dengan nilai, dengan kos yang amat rendah dan oleh itu boleh dijual dengan harga yang begitu rendah - inilah cabaran Dunia Ketiga yang paling hebat dalam bidang perniagaan kepada Dunia Pertama ini. Oleh sebab itu saya ingin merayu supaya kita memikirkan dengan betul-betul mendalam, bagaimana kita hendak menghadapi masalah persoalan harta intelek ini. Adakah kita semata-mata akan mengikut trend yang dimulai oleh Dunia Pertama - negara-negara Barat yang jelas mempunyai kepentingan-kepentingan untuk memastikan bahawa mereka akan dapat terus menjual pengeluaran-pengeluaran mereka dengan harga yang tidak berpatutan dengan pendapatan yang ada di kalangan negara-negara seperti negara Malaysia ini. Mampukah anak-anak kita dan kita sendiri terus membeli program-program komputer, pengisian-pengisian yang lainnya kalau yang terpaksa kita belikan itu adalah hasil daripada mengikut prinsip harta intelek di dunia ini dengan harga yang begitu mahal.

Ini saya fikir satu pertimbangan yang perlu kita berikan untuk kepentingan kita rakyat di Malaysia ini dan anak-anak kita dan seluruh Dunia Ketiga, bagaimana pertentangan kepentingan yang jelas yang mana Dunia Pertama (the First World) dunia Barat tahu yang mereka hanya boleh menguasai sekarang ini bertanding dengan kita di Timur ini hanyalah kuasa mereka yang asalnya mereka boleh mencipta dan mereka memperkuatkan kedudukan mereka dengan izin, build on that based that they already have untuk terus berkuasa dan mengongkong kita daripada mempunyai peluang untuk mengeluarkan semula bahan itu dengan harga yang begitu murah kerana ini akan merugikan ekonomi mereka walhal ini yang akan memberi keuntungan intelektual kepada kita dan insya-Allah boleh kalau kita teruskan menjadikan kita suatu negara yang mempunyai kuasa ekonomi yang setanding dengan mereka.

Jadi saya pohon supaya Ahli-ahli Yang Berhormat melihat juga dari sudut ini supaya kita tidak terlalu mengikut hasrat Barat dan melakukan sesuatu termasuk rang undang-undang ini untuk mengurangkan dan memberhentikan trend yang amat baik yang berlaku akhir-akhir ini yang membolehkan rakyat kita mendapat ilmu, mendapat pengetahuan, dapat menggunakan manfaat daripada kemampuan masyarakat kita mengeluarkan bahan-bahan yang sama dengan harga yang lebih murah. Saya tidak menafikan bahawa memang pencipta-pencipta ada hak mereka tetapi jika hak mereka itu mereka gunakan dan dieksploitasi kita kerana hak cipta mereka itu maka ini jelas merugikan kita.

Satu contoh lagi yang paling kritikal dalam bidang ini ialah dalam bidang perubatan - farmasi yang mana kita baca dalam laporan baru-baru ini sebuah negara, Brazil kalau saya tidak silap mengambil keputusan untuk mengeluarkan ubat-ubat terutama sekali untuk mengubati HIV/AIDS ini tanpa membayar royalti kepada syarikat-syarikat farmasi besar di Amerika Syarikat. Mereka buat begini kerana mereka kata bahawa ratusan ribu walaupun tidak jutaan rakyat di Dunia Ketiga, Brazil dan Afrika dan mungkin akan merebak ke Asia akan mati kerana ubat-ubatan yang dikeluarkan oleh dunia Barat, kerana taat kepada harta intelek ini terpaksa dibayar royalti yang begitu tinggi akhirnya ubat-ubatan ini menjadi mahal dan tidak mampu oleh seluruh rakyat terutamanya di negara-negara yang kurang maju dan kurang kaya.

Saya menyebut ini bukan kerana ubat HIV/AIDS sahaja, semua ubat-ubatan menjadi kekal mahal, artificially high dengan izin, Tuan Yang di-Pertua harganya kerana inilah kuasa yang ada di pihak Barat dengan menggunakan Undang-undang Harta Intelek seperti ini. Jadi ini juga suatu pengajaran yang perlu kita fikirkan, bagaimana kita hendak mempertahankan hak kita untuk menikmati kemampuan rakyat di muka bumi ini mencipta sesuatu dengan membayar royalti atau pembayaran yang setimpal dan munasabah dan dapat terus memanfaatkannya. Dan bagaimana kita hendak menghentikan dan mencabar dunia Barat daripada terus menguasai dan mengeksploitasi kebolehan mereka, hasil daripada hubungan dunia yang tidak adil selama ratusan tahun, mereka kaya, mereka dapat memberikan sumbangan atau perbelanjaan dalam penyelidikan yang tinggi, hasil penyelidikan mereka itu mereka paksakan untuk dibeli oleh kita dengan harga yang sebegitu tinggi. Jadi soal-soal ini perlu kita berikan perhatian yang amat tinggi.

Di pihak kita pula Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dibayangkan oleh Yang Berhormat Menteri, beliau menyebut dari sudut bahawa hasil-hasil reka cipta yang kita daftarkan di Malaysia ini amat rendah jumlahnya berbanding dengan contoh-contoh di Timur seperti Jerman, Korea dan sebagainya.

Salah satu punca mengapa kita mempunyai hasil cipta yang rendah selain daripada kita tidak mungkin membuat amalan untuk melaporkan dan mencatatkannya dan mengekalkan hak kita dengan harta intelek ialah kerana sebagaimana kita sendiri akui dalam laporan-laporan rasmi bahawasanya perbelanjaan kita untuk penyelidikan atau R&D, dengan izin, adalah amat rendah.

Saya dimaklum bahawa dari sudut peratusannya kurang daripada 1% KDNK negara dibelanjakan untuk penyelidikan atau R&D. Ini berbanding dengan negara-negara lain yang membelanjakan 2%, 3%, 4% untuk tujuan penyelidikan. Maka, kalau kerajaan tidak melabur dan tidak memperuntukkan perbelanjaan yang tinggi untuk rakyat kita mengadakan penyelidikan, maka sudah tentulah hasil cipta kita akan berkurangan dengan negara-negara yang lainnya.

Jadi, saya ingin menyeru kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan kerajaan secara umumnya untuk senantiasa meningkatkan lagi perbelanjaan dan peruntukan dalam bidang R&D supaya kita dapat memupuk suasana kewangan yang membolehkan ada penyelidikan-penyelidikan yang bererti yang dilakukan dalam negara kita ini tetapi kita semua tahu bahawa penyelidikan atau R&D tidak sahaja boleh dipupuk melalui adanya peruntukan.

Suasana ekonomi dan suasana kewangan yang positif memang perlu tetapi kita juga perlu mempunyai suasana *social intellectual politic* yang positif yang membenarkan, yang membolehkan, yang membebaskan ahli-ahli fikir kita – pensyarah di universitikh, pelajar-pelajar universitikh yang sedang membuat penyelidikan ataupun institusi-institusi penyelidikan lain ataupun penerbitan-penerbitan – majalah-kah, akhbar-kah. Ini semua suasana intelek yang mesti ada. Kebebasan untuk menyelidik, kebebasan untuk menerbit, kebebasan untuk bersuara mesti ada untuk kita pupuk suasana, untuk kita wujudkan harta intelek yang kita dengan penubuhan perbadanan ini hendak jaga, hendak jadikan ia sihat.

Jadi, oleh sebab itu, perlulah diselaraskan supaya pihak kerajaan daripada mengetatkan syarat-syarat dalam universiti hingga hendak mengenakan kontrak-kontrak yang baru di pihak pensyarah dan pelajarnya seharusnya menggerakkan dasar-dasar yang sebaliknya memberikan kebebasan untuk pensyarah dan pelajar memupuk semangat intelek supaya dalam suasana itulah akan subur kesedaran minat kepada intelek untuk menghasil cipta buku-buku, penulisan-penulisan, idea-idea, reka cipta-reka cipta dalam semua bidang termasuklah bidang perubatan, sains dan

teknologi, ilmu, demokrasi dan sebagainya. Ini saya fikir sudah tentulah perlu sangat difikirkan oleh pihak kerajaan untuk memupuk suasana yang baik supaya apabila diwujudkan Perbadanan Harta Intelek Malaysia nanti, ianya benar-benar berjalan dalam suasana yang baik dan sihat yang menjadikan negara kita ini sebagai negara yang makmur dan berjaya sebagaimana yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerajaan dan semua rakyat Malaysia ini.

Jadi, inilah pandangan-pandangan saya dan saya rasa rang undang-undang ini perlu dibahaskan dengan sedalam-dalamnya supaya kepentingan kita dan masa depan masyarakat kita tidak kerugian oleh dasar kita....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Parit Sulong hendak minta jalan?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** ...hendak sangat menyokong perbadanan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, tidak.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, ya Parit Sulong. Ha, sila.

2.54 ptg.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bangun lebih awal. [Ketawa] Saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian kerana membentangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Harta Intelek (Intellectual Property) yang dibentangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal harta intelek ini menjadi lebih *prominent*, lebih menonjol dan lebih mempunyai nilai ekonomi yang besar berikutan dengan perkembangan teknologi moden iaitu perkembangan teknologi information dan communication ataupun teknologi maklumat dan komunikasi yang sedang pun kita lalui sekarang ini.

Bagaimanapun, soal harta intelek ini telah pun mula dipersoalkan sejak tahun 1623 dan undang-undang yang pertama pun telah pun dibuat di dunia ini pada tahun 1710. Jadi, bermakna harta intelek ini adalah soal yang telah lama dipersoalkan tetapi hari ini kita menjadikan perkara ini lebih *prominent* saya katakan oleh kerana perkara yang dikategorikan sebagai harta intelek itu semakin besar dan semakin susah untuk dijadikan pegangan secara nyata kalau tidak diberi perlindungan undang-undang yang sewajarnya.

Umpamanya, kita mempunyai beberapa konvensyen – Konvensyen Rome (Rome Convention) yang melindungi para pelakon, soal penciptaan program-program radio dan penyiaran (broadcasting). Kita mempunyai Konvensyen Paris (Paris Convention) yang melindungi penciptaan *industrial properties* yang berkaitan dengan perkara-perkara yang direkacipta yang dikomersialkan di kemudian hari. Kita juga mempunyai Berne Convention yang melindungi pencipta-pencipta *literally* ataupun *literature* dan sebagainya.

Memang benar apa yang ditegaskan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat tadi, pereka-pereka dan pemikir-pemikir dahulu, mereka tidak memikirkan dan tidak mencipta sesuatu dalam *environment intellectual property*. Sebab itulah Shakespeare tidak memikirkan sama ada harta intelek yang ditinggalkan itu terlindung atau tidak dilindungi oleh intellectual property. Begitu juga dengan Tun Sri Lanang apabila menghasilkan banyak karya kesusasteraan Melayu di wilayah kita ini, dia tidak pernah memikirkan soal *intellectual property* dan *intellectual property rights*.

Begitu juga dengan Allahyarham P. Ramlee. Kalau sekarang ini lagunya dicetak, mungkin dirompak, dinyanyikan semula, digubah semula, beliau tidak memikirkan soal-soal ini oleh kerana mereka adalah *genius* yang tugasnya mencipta tetapi apa yang perlu sekarang ini, dalam keadaan dunia menjadi global dan harta intelek ini berkait rapat dengan produk-produk yang berkaitan dengan teknologi ICT, perkara ini perlu diberi perhatian yang serius. Ini yang penting.

Dan saya rasa inilah juga teknologi yang melandasi kerajaan kita mewujudkan Intellectual Property Corporation ataupun Perbadanan Harta Intelek ini. Susah sedikit perkataan ini hendak disebut. Soalnya sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, di Amerika Syarikat, kalau adalah *litigation* ataupun kes-kes mahkamah yang terbesar yang sedang bertompok-tompok di dalam mahkamah di mana-mana negeri di Amerika Syarikat adalah mengenai *intellectual property* sama ada yang berkaitan dengan *patent*, sama ada yang berkaitan dengan *trade mark*, sama ada yang berkaitan dengan *industrial process*, *engineering process*, sama ada yang berkenaan dengan *copyright* dan sebagainya.

Ini terbukti oleh kerana sekarang ini banyak pereka khususnya pereka-pereka *industrial design* dan *industrial process*, ia banyak membiarkan sahaja pereka cipta dalam bidang ICT digunakan – dia *download*lah apa proses yang dia hendak tetapi apabila seseorang itu yang menggunakan sistem yang telah ada dan mereka membuat *breakthrough* dan *turn to millionaire* kah, *multi-millionaire* kah, *billionaire* kah, waktu itulah *litigation process* akan masuk. Waktu itulah orang-orang ini akan mengaku bahawa sesuatu penciptaan itu tidak original oleh kerana *business processnya*, *industrial processnya* dan *engineering processnya* mengikut apa yang telah didaftarkan oleh pihak pencipta yang asal.

Ini satu, saya kata amaran awal atau *pre-warning*. Seelok-eloknya kita memberikan kepada seluruh rakyat Malaysia yang terlibat dengan perekaciptaan di dalam ICT khususnya bahawa mereka harus berhati-hati. Apabila kita menggunakan proses-proses yang boleh *download* daripada internet, kita harus berhati-hati. Pihak perbadanan ataupun suruhanjaya yang diwujudkan ini juga harus terdiri daripada orang yang tahu mengenai hal ini. Apakah implikasinya penggunaan-penggunaan *re-engineering* ataupun kita *reinnovation* kepada perkara yang ada, implikasi kepada undang-undang di masa akan datang, dari segi tuntutan-tuntutan yang akan difailkan kepada kita apabila kita telah berjaya.

Ini harus diingatkan secara detail, secara terang dan jelas kepada pereka-pereka cipta khususnya di dalam perekaan cipta, perekaan content ataupun perisian ICT dalam negara. Kalau MDC menggalakkan perkara ini, MDC lah yang harus bertanggungjawab. Kalau MTDC lah yang bertanggungjawab mengenai perekaciptaan ini, merekalah yang bertanggungjawab. Kalau universiti-universitilah umpamanya seperti Universiti Teknologi Malaysia yang mempunyai ICT incubator, umpamanya yang bertanggungjawab mengenai hal ini, pereka cipta muda kita ini harus diperingatkan bahawa mereka harus patenkan apa yang dibuat supaya tidak ada tuntutan-tuntutan di belakang hari, ada orang mengatakan bahawa sebahagian daripada produk itu, prosesnya adalah milik orang lain di negara lain. Ini hakikatnya.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mengucapkan syabas dan tahniah kerana kewujudan perbadanan. Undang-undang ini hanya menggariskan struktur organisasi tugas dan fungsi perbadanan itu tetapi mereka harus bertindak lebih jauh daripada apa yang dirasakan di sini. Ini saya hendak supaya kewujudan perbadanan ini benar-benar memberi manfaat kepada pertumbuhan kreativiti di dalam negara. Pertumbuhan kreativiti khususnya dalam bidang yang saya katakan tadi iaitu perekaan, perisian ataupun sistem engineering di bidang ICT. Ini yang paling penting.

Mengenai buku dan muzik kita sudah tahu, berapa banyak komposer tanah air yang sekarang walaupun dia mempunyai satu persatuan untuk membanteras cetak rompak dan sebagainya, tidak berjaya. Oleh kerana mungkin orang yang melakukan tugas-tugas cetak rompak itu juga, orang yang menjalankan operasi yang halal. Ini kita tidak tahu. Tetapi di dalam bidang ICT jelas, dia mempunyai hitam putihnya. Sekarang ini ramai anak-anak Malaysia yang sedang pun membabitkan diri mungkin secara kecil-kecilan ataupun atas dokongan venture-capitalists yang sedang pun setiap hari mereka duduk glued to the chair - dengan izin - ataupun terpaku kepada kerusi, dia devoted kepada satu perkara yang dia hendak develop yang dia masih nampak belum lagi diwujudkan di negara lain. Umpamanya sebagaimana kata Kenneth Omai (?). mengatakan sekarang kita terlibat dalam internet ataupun e-commerce, electronic commerce dan perniagaan secara on line.

Sistem pembayaran tidak pernah difikirkan. Siapa yang memikirkan sistem pembayaran? Sistem pembayaran hanya menerusi credit card dan sebagainya. Bagaimana kalau petty consumers macam saya hendak membeli satu barang, katakan umpamanya RM2.00 tidak akan saya memerlukan pembayaran menerusi credit card. Ada orang-orang Malaysia sekarang ini yang sedang mendedikasi kerja terhadap hal-

hal ini. Tetapi sekiranya mereka membuat breakthrough dan tidak terlindung oleh mana-mana undang-undang sama ada di bawah patent right, copyright dan sebagainya, orang-orang ini berkemungkinan akan kecundang apabila ada orang yang menuntut bahawa kerja-kerja mereka itu sebahagiannya adalah milik yang telah didaftarkan mungkin di US, mungkin di Europe, oleh kerana konsep intellectual property dan konsep intellectual property right adalah milik exclusive Amerika Utara dan juga European Legal Concept.

Ini kita kena ingat. Konsep harta intelek dan konsep hak harta intelek adalah legal concept yang diwujudkan in Northern Amerika dan juga di Eropah. Orang-orang ini lebih ke depan, sebab itu saya tadi menunjukkan sejarahnya. Orang-orang ini lebih terkehadapan daripada kita dan undang-undang dia secara evolution of their law is day-to-day, ya. Setiap hari undang-undang dia evolve. Kita sekarang ini undang-undang kita baharu sahaja dipinda, kalau tidak silap saya tahun sudah dan sekarang ini ada consequential amendment. Jadi harus menitik beratkan atau zero-in kepada perkara ini.

Saya minta oleh kerana orang-orang di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, khususnya orang-orang di Wilayah Timur ini dan paling khusus lagi orang Melayu, mempunyai emotional intelligence yang tinggi, bermakna daya kreativiti dia tinggi. Ini diakui oleh dunia, sedangkan anak Melayu juga yang menjadi pakar yang membantu umpamanya production of Jurassic Park. Anak Melayu.

Itu menjadi lambang kepada the degree of creativity ataupun tahap kreativiti orang-orang kita. Jadi jangan kita mengambil ringan, mungkin perkara ini nampak teknikal, mungkin perkara ini nampak terlalu legal tetapi implikasinya kepada perkembangan Malaysia dan ICT di masa akan datang adalah besar. Oleh kerana perkara ini implikasinya adalah besar harus diberi penjelasan sejelas-jelasnya kepada pihak yang terlibat. Pada waktu yang sama saya juga berharap supaya dengan kewujudan perbadanan hak intellectual property ini saya berharap kementerian juga akan menggalakkan kewujudan persatuan intellectual property rights association.

Bermakna pereka-pereka di dalam negara sama ada mereka komposer, penulis, pereka cipta perisian komputer, pereka engineering process dan sebagainya harus disatukan di bawah satu persatuan yang boleh be easily managed iaitu boleh di uruskan secara mudah, boleh menjadi jambatan perantaraan di antara kementerian dengan mereka dan supaya mereka dapat mempunyai pertalian yang rapat dengan kementerian. Dengan itu secara tidak langsung mendapat perlindungan yang lebih. Seperti mana kita dahulu memperkenalkan concept consumerism, sekarang ini kita harus menyebarkan dan meluaskan konsep intellectual property rights and protection ini kepada pereka-pereka kita.

Di negeri Jepun umpamanya Tuan Yang di-Pertua - tadi saya berbincang dengan Menteri - negeri Jepun mulai tahun 1938 telah pun mempunyai Japan Intellectual Property Association. Sejak tahun 1938 sebelum perang dunia yang kedua Jepun telah pun mempunyai Japan Intellectual Property Association.

Malaysia, oleh kerana sekarang kita sedang embark, atau kita sedang berada di satu ambang perkembangan teknologi yang pesat yang banyak membabitkan soal-soal intellectual property dan intellectual property right, soal paten, soal copyright, soal business engineering process dan sebagainya, saya berharap kita tajalah kewujudan ini secara rasmi. Kita galakkan orang-orang ini, kita wujudkan perantaraan menerusi komunikasi sama ada menerusi Internet ataupun on-line publication supaya mereka mendapat maklumat-maklumat yang up-to-date, kita beri mereka kesedaran mengenai undang-undang copyright seluruhnya ataupun undang-undang intellectual property dari seluruh dunia supaya mereka tidak terbabas. Walaupun mungkin kemudian hari mereka akan terjerat oleh undang-undang yang ada sekiranya mereka tidak berwaspada. Ini besar dia punya manfaat.

Saya katakan tadi kita harus mewujudkan satu jambatan kerjasama di antara kementerian dengan pihak tuan punya - the owner ataupun the owners, pemilik-pemilik - pereka cipta, paling tepatnya. Sama ada saya katakan tadi komposer muzik, saya author ataupun saya pereka cipta sistem, pereka cipta perisian komputer dan sebagainya.

Kalau ada pertubuhan yang rasmi yang boleh dijadikan perhubungan jambatan, insya-Allah konsep pereka cipta intellectual property dan sebagainya dalam negara Malaysia ini akan merebak. Ini akan menimbulkan kesedaran dan mungkin

akan menggalakkan pihak yang ragu-ragu takut dirompak merasa lebih selesa dan rasa lebih terlindung dengan undang-undang yang ada. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu persatuan-persatuan pengguna - concept consumerism - diperluaskan dan sekarang ini kesedaran consumerism itu telah pun pada tahap yang agak tinggi di negara kita sehingga diwujudkan tribunal dan sebagainya.

Saya harap perkara ini juga ultimately ataupun secara hitung panjang menuju ke arah itu, di mana pereka cipta di dalam negara adalah terlindung dan pada waktu yang sama mereka mempunyai kesedaran mengenai undang-undang yang membabitkan rekaan atau ciptaan mereka di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya merujuk kepada akta ini di mana menyatakan bahawa keahlian atau keanggotaan suruhanjaya adalah terdiri daripada empat orang. Mereka yang mewakili kerajaan, seorang daripadanya adalah Ketua Setiausaha Kementerian. Itu saya sokong. Tiga orang anggota yang lain mempunyai pengetahuan atau pengalaman tentang hal harta-harta intelek. Tiga orang lain ini saya harap bukan sahaja orang yang terlibat secara teknikalnya tetapi juga orang yang mahir dari segi undang-undang. Mereka duduk dalam perbadanan ini supaya menjadi impetus atau penggerak, atau menjadi catalyst kepada apa yang saya harapkan tadi, iaitu gerakan kesedaran mengenai perlindungan harta intelek dan juga mengenai jerat-jerat dan jerangkap harta intelek yang wujud daripada luar negara sekiranya kita tidak sedar.

- Ini saya harapkan letaklah mereka yang betul-betul *fully qualified* bukan sahaja dari segi pengurusannya tetapi saya katakan tadi dari segi pengalaman dan *in depth knowledge* dia mengenai undang-undang dan juga mengenai perkembangan-perkembangan persekitaran di seluruh jagat mengenai hal-hal yang berkaitan dengan *patent, intellectual property* dan sebagainya. Dunia masa depan, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa salah satu aset yang harus sangat dipelihara oleh negara bukan sahaja *natural resources* tetapi adalah *intellectual property* ataupun harta intelek tadi. Inilah yang harus kita pelihara dan harta intelek ini memang sekarang ini selaras dengan perkembangan masyarakat oleh kerana harta intelek ini akan memberi input dan juga produk-produk untuk dipasarkan di dalam *knowledge* ekonomi dan akan diteruskan dan dikeluarkan oleh *knowledge worker*, pekerja yang berilmu dan ekonomi yang berasaskan ilmu. Sebab itu saya katakan *intellectual property* menjadi salah satu aset terpenting negara di samping pengurusan yang *prudent* dan sebagainya.

Inilah perkara-perkara yang saya nak sampaikan dan saya pun kadang-kadang memang mempunyai *convergent* dengan Tumpat di dalam perkara-perkara ini. Oleh kerana perkara ini sebagaimana saya katakan tadi memang kelihatannya teknikal tetapi implikasi kepada kesuburan ekonomi kita masa akan datang amat besar bergantung bagaimana kita mahu melindungi pereka-pereka cipta kita sendiri dan pada masa yang sama kita tidak pula mereka satu imej yang tidak elok kepada negara kita dengan kita sembronokan diri kita, kita langgar sahaja harta intelek orang luar, kita rompak dan sebagainya. Oleh kerana perkara-perkara ini mungkin akan menyebabkan orang-orang yang hendak membawa kepakaran dan harta intelek ke sini menerusi *investment* dan sebagainya mungkin *they will shy away*, mereka akan lari. Umpamanya seperti banyak pelabur dalam bidang ICT pada suatu ketika dia agak ragu-ragu hendak masuk ke China oleh kerana di negara China itu banyak *Microsoft intellectual property* disembronokan habis, dilanggar habis dan ada perimbangan-perimbangan juga.

Tadi Tumpat mengatakan sesetengah harta intelek ini dia telah label saya punya dan mempunyai satu nilai *sky is the limit*, bermakna terlalu tinggi melambung, tidak ada *precedent of pricing mechanism*, tidak langsung kita mempunyai sandaran bagaimana kita hendak melabelkan, hendak memberi harga kepada perkara-perkara ini. Ini juga harus kita lihat kepada orang-orang Malaysia. Kadang-kadang orang Malaysia ini terlalu *generous*, kita yang cipta, tiba-tiba *venture capitalist* kata, you cipta, *I finance, property right belong to me* umpamanya dengan izin.

Macam sekarang ini, orang Pakistan telah pun kehilangan *brand* Basmathi. Petani di Pakistan sekarang, dia mengeluarkan beras, memang beras mati, nama dia Basmathi, beras yang paling sesuai untuk beriani. Sekarang ini telah diadakan *genetic engineering* di Amerika oleh satu syarikat di Arizona, dia dah paten Basmathi, beras yang dikeluarkan oleh Pakistan yang sesuai untuk nasi beriyani itu tak boleh dipanggil Basmathi oleh kerana pelabur di Amerika Syarikat yang membuat *genetic engineering*

telah pun paten bahawa Basmathi *belong to them*. Ini hakikat yang berlaku, itu dalam dunia yang tak berkait dengan ICT, dunia yang berkait dengan perut.

Ini satu contoh bagaimana sekarang ini perkembangan-perkembangan bioteknologi umpamanya ramai orang Malaysia dan orang-orang di Wilayah kita dulunya *practiceness of herbal medicine* umpamanya, perubatan-perubatan herba. Dia punya formula mungkin datang daripada kampung saya, daripada Kampung Separap atau daripada Parit Yaani, tetapi oleh kerana orang dulu, dia *pass through* sahaja, engkau hendak, engkau ambillah, engkau ambil daun ini, daun itu, orang ini datang, dia tulis, dia paten di US. Sekarang ini, kalau ada pegaga dan sebagainya sudah jadi kapsul *belong to sterling and drugs*. Kita cuba oleh kerana kita tidak pernah meletak nilai ekonomi kepada apa yang kita ada tetapi orang lain tidak ada. *We never put economic value* kepada hasil pemikiran yang kita luahkan itu.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Ya Batang Lupar, silakan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik bila soalan biodiversity ini. Sebagaimana yang saya sebutkan pagi tadi, baru 5% daripada *resource* biodiversity kita dikatalog oleh negara kita. Bermakna 95% belum dikatalog lagi. Di antara yang telah dikatalog termasuklah pegaga, bintangau, banyak lagi.

Jadi, dalam keghairahan kita untuk membangunkan industri *bio-diversity* ini, banyakkah *joint venture* dibuat bijak pandai di negara kita ini, bekerjasama dengan pihak luar negara dan dalam *joint venture* ini, mengeluarkan sumber kewangan dan *research* itu dibuat di sini, di antara *scientist* kita dengan *scientist* luaran.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, kalau tidak ada pemantauan oleh pihak kerajaan dan tidak ada undang-undang yang tertentu untuk memantau tindakan-tindakan ini, habislah cerita sebagaimana Yang Berhormat bagi Parit Sulong sebutkan tadi iaitu, kita punya sumber, kita punya *research*, tetapi orang lain punya hak cipta nanti. Jadi, macam mana pandangan Datuk supaya kita mewujudkan, di seluruh negara ini diadakan undang-undang berhubung dengan *bio-diversity* dan apa projek sahaja, benda lain yang kita ada perhubungan *joint venture research* dengan luaran. Terima kasih.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sebenarnya, inilah Tuan Yang di-Pertua masalah kita. Umpamanya, kerajaan negeri Sarawak bersama dengan sebuah syarikat, tidak tahu daripada Germany kah, daripada mana, daripada Barat. Ia membuat kajian ke atas kulit kayu pokok bintangor yang mempunyai *medicinal value* iaitu, nilai perubatan untuk salah satu *ingredient* untuk mengubati penyakit AIDS dan ini *explosion*. Kalau umpamanya negeri Sarawak, satu-satunya negara di dalam kawasan *tropical rain forest* - hutan tropika, mempunyai kayu tersebut dan tiba-tiba oleh kerana atas *constrain* modal, maka datang pelabur luar tetapi di dalam *joint venture agreement* itu, tidak pernah dititik beratkan mengenai *intellectual property right*. Siapa yang akan rugi? Ini bermakna, mungkin Sarawak akan mengeluarkan bintangor dengan nilai ekonomi yang sekian tetapi yang paling mahal adalah *intellectual property right* itu tadi. Ini yang kita hendak. Dia mungkin selepas itu, akan tanam pokok bintangor menerusi apa yang saya katakan tadi, *bio-technology* proses. Dia mungkin akan klon, ambil dia punya tisu. Dia mungkin wujudkan satu di Amazon.

Perkara ini harus dilihat secara teliti. Universiti-universiti kita jadi juga mempunyai banyak *research*, banyak *findings* ataupun pendapat-pendapat kajian. Umpamanya, di MARDI pun, banyak *research*. Adakah ia *being patented*, adakah dilindungi hasil-hasil kajian ini? Nanti, kalau tidak, kita jadi macam zaman penjajah dahulu. Dia datang sini, khazanah *literature* kita semua dibawa. Sampai kalau kita hendak buat rujukan, ini Setiausaha Parlimen ini dahulu orang akademik. [Memandang ke arah Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir yang tersenyum]

Kalau kita hendak buat rujukan pasal sejarah, kena pergi Leaden. Kita bayangkan itu dahulu, sekarang ini macam mana? Aspek-aspek sebegini yang tersembunyi dan kurang dititikberatkan, kita harus dedahkan dan titik beratkan dan melindungi. Ini penting demi nama negara kita, penting demi generasi kita, penting kepada *resources* kita, ini penting. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya kata, saya ucapkan tahniah kepada menteri ini, bahawa menteri ini progresif sedikit kementerian

ini nampak. [Tepuk] Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta ini, suruhanjaya ini sama ada bawah *scope and function* dia itu, detailnya saya tidak tahu. Siapa yang akan bertanggungjawab mengenai perkara-perkara ini pun, saya tidak tahu. Saya cuma tertintas apa yang saya fikir, apa yang saya baca, apa yang saya *deduce*, ini dia.

Perkara-perkara seperti inilah yang mungkin satu ketika nanti merugikan kita oleh kerana the *intellectual property right, the paten* yang dibuat oleh orang itulah yang akan boleh menghasilkan duit daripada *franchising*. Ia akan mengambil yuran daripada *as a franchisor fee, franchisee fee*. Ini dia punya *economics energy* kepada perkara-perkara *intellectual property*. Saya yang mencipta katakan, sekarang ini A&W, yang jual burger, satu company di Malaysia ini hendak beli, dia kena beli *franchisee fee*, kena bayar *intellectual*. Dia ada *goodwill*, dia ada nilai kepada nama itu. Itu yang kita hendak. Kita hendak orang Malaysia sendiri wujudkan perkara ini, *we create the brand name*, kita mencipta brand nama itu, kita mencipta proses tetapi, kalau tidak dilindungi, kita akan jadi dirompak kita punya harta yang kita perah daripada kepala kita yang dipanggil *intellectual property* itu, habis. Sedangkan, nilai yang paling besar adalah daripada itulah, bukan daripada segi aspek *marketing*, bukan daripada segi aspek yang mencipta itulah, nilai itulah yang paling besar dan kita harus melindungi.

Kerajaan harus memberi nilai, harus memberi perlindungan, saya ulang sekali lagi, harus kita sedarkan perkara ini kerana perkara ini amat-amat penting kepada teknologi hari ini. Itu yang saya hendak. Dahulu *intellectual property* tidak merebak ke seluruh dunia oleh kerana ada kesangsian, ada *animosity*, rasa permusuhan antara blok Barat demokrasi dengan blok Komunis. Sekarang ini, *intellectual property* difrancaiskan seluruh dunia oleh kerana tidak ada lagi elemen kerahsiaan apabila sudah jatuh Rusia tadi, dia boleh bawa, mulalah itu ledakan Internet dan teknologi maklumat merebak oleh hanya selepas tahun 90 sedangkan teknologi itu telah pun digunakan oleh tentera Amerika berpuluh-puluh tahun yang lalu tetapi hanya jadi komersial dan menjadi nilai komersial setelah tidak ada kerahsiaan di antara satu sama lain apatah lagi di masa akan datang, apabila kita berhadapan dengan proses globalisasi, siapa sahaja boleh datang ke mana sahaja, siapa sahaja boleh berniaga kepada siapa, siapa sahaja boleh melabur dalam bentuk apa. Kita sebagai orang Malaysia, kita banyak mempunyai khazanah dan warisan. Kita banyak mempunyai *resources* dan sumber, kita harus waspada, kita harus menitikberatkan dan sentiasa berhati-hati mengenai pelaburan-pelaburan.

Jadi, kita punya peguam pun hendak kena kaji juga *element of intellectual right property* dan *ownership* elemen-elemen mengenai *paten and copyright ownership* harus dilindungi di dalam mana-mana perjanjian, perjanjian kerjasama atau perjanjian perniagaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, agaknya saya sudah terlalu *exotic*, saya menyokong dan sekali lagi mengucapkan tahniah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chang See Ten:** [Bangun]

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** [Bangun]

- **Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya bagi Wangsa Maju dahulu. Selepas itu, Gelang Patah, kemudian Menteri menjawab.

3.24 ptg.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada kerajaan Malaysia khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna di atas kejayaan meningkatkan mutu pentadbiran harta intelek di Malaysia. Rang undang-undang ini, antara lain akan membuka jalan kepada penubuhan sebuah badan berkanun yang berkuasa autonomi. Perbadanan Harta Intelek Malaysia yang dijangka dapat menyeragamkan, melicinkan lagi pentadbiran harta intelek di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sedang gigih menuju ke arah menjadi sebuah negara moden yang maju berlandaskan ekonomi berasas kepada k-ekonomi. Ekonomi era baru bukan sahaja tertumpu kepada sektor pengeluaran dan pembuatan malah lebih dari itu, pergantungan kepada pembangunan mapan ekonomi akan lebih tertumpu

kepada usaha-usaha kajian dan pembangunan iaitu, R&D. Di sinilah, pentadbiran harta intelek akan memainkan peranan yang terpenting. Segala usaha gigih peneroka dan perintis dalam bidang R&D ini, perlu diberi pengiktirafan, perlindungan dan ganjaran yang sebaris dengan usaha yang telah dikeluarkan. Tanpa satu sistem pentadbiran harta intelek yang mampu memperjuangkan nasib para pencipta dan perintis dari negara ini, nescaya kita akan terus ketinggalan dalam arus globalisasi dan liberalisasi ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kini telah tiba masanya masyarakat Malaysia mempergiatkan dan memperkasakan usaha untuk merapati jurang di antara negara maju dan yang sedang membangun. Jika dibandingkan negara-negara seperti Amerika Syarikat dan Korea Selatan, Malaysia jauh ketinggalan daripada segi penghayatan kepentingan harta intelek. Jika di negara ini kita hanya mempunyai 200 permohonan setahun untuk mendaftarkan paten tempatan, Korea Selatan jauh meninggalkan kita dengan 100,000 permohonan dan apatah lagi Amerika Syarikat jumlah permohonan paten setahun menjangkau 6 juta permohonan. Di sini, jelas menunjukkan betapa pentingnya penubuhan perbadanan ini, bagi meningkatkan kesedaran serta membantu pencipta-pencipta tempatan untuk berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan rakan-rakan mereka daripada luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, sedang negara kita pesat membangun, kita masih dilambai kerisauan dek masalah lanun cetak rompak yang se akan tiada penghujungnya. Walaupun berbagai usaha telah dipergiatkan oleh kerajaan terutama dalam bidang penguatkuasaan dan perundangan, masih ada sindiket-sindiket yang berleluasa dan mampu meneruskan kegiatan mereka walaupun di tempat-tempat terang dan terbuka. Sikap angkuh mereka ini perlu dibendung, diajar dan diberi mesej yang kerajaan dan rakyat Malaysia tidak rela lanun-lanun ini berpelesiran dan bermaharajalela sedangkan mereka yang berkerat tubuh, keringat membasahi bumi untuk menghasilkan ciptaan-ciptaan ini, negara ini dijadikan mangsa kerakusan mereka ini.

Saya menyeru kepada perbadanan yang baru ini akan mengambil inisiatif positif untuk menerajui peperangan menentang cetak rompak ini. Ia akan memerlukan bidang kuasa yang luas serta persefahaman dan kerjasama daripada pihak-pihak berkuasa lain khususnya polis dan pihak berkuasa tempatan. Perundangan yang ada dari segi hukuman yang dapat dikenakan, wajar ditingkatkan dan diluaskan lagi. Cabaran ini juga mungkin memerlukan sedikit pengorbanan dari segi pengurangan atau kawalan harga barangan asli atau original tetapi ia mesti dilakukan demi menjamin masa depan industri hiburan negara.

Saya juga menyerukan perbadanan ini agar dapat mempergiatkan usaha meningkatkan kesedaran rakyat di semua peringkat akan pentingnya harta intelek bagi membantu menjana kekayaan negara, meningkatkan nilai khazanah negara. Industri kecil dan sederhana terutama pengusaha perubatan tradisional wajar diberi perlindungan agar hasil usaha mereka selama berpuluh-puluh tahun tidak diciplak atau dicuri. Program-program kesedaran serta pendidikan wajar dimulakan di peringkat akar umbi terutama di sekolah-sekolah. Dengan itu, ia bukan sahaja akan dapat meningkatkan kesedaran rakyat, malah mempergiatkan lagi dan memupuk budaya pencipta dan perintis di kalangan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melicinkan proses kelulusan rang undang-undang ini, saya ingin menyentuh sedikit beberapa aspek rang undang-undang ini, mungkin akan dapat membantu mempercepat kelulusan rang undang-undang ini.

Pertama sekali, kalau kita lihat pada Bahagian II, Seksyen 6(2), keanggotaan perbadanan yang menyatakan menteri hendaklah melantik anggota yang dinyatakan di dalam (1)(a)(b)(c). (1)(d) tidak termasuk di dalam bidang kuasa ini walaupun kalau kita lihat Seksyen 11(1)(a), menyatakan pula yang menteri hendaklah melantik seorang yang sesuai, yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman serta harta intelek untuk menjadikan Ketua Pengarah. Nyata perkara ini wajar menteri untuk melantik Ketua Pengarah dan ini, oleh itu wajar Perkara (6)(2) dipinda untuk memasukkan (d) di dalam kuasa pelantikan oleh menteri.

Keduanya, kalau kita lihat pada Seksyen 11, Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah menyatakan yang mana-mana Timbalan Ketua Pengarah Perbadanan boleh menghadiri mana-mana mesyuarat perbadanan atau mana-mana jawatankuasa sebagai penggantinya kepada Ketua Pengarah.

Saya berpendapat mungkin akan berlaku sedikit kekeliruan sekiranya Timbalan Ketua Pengarah terbabit terpaksa menghadiri satu mesyuarat yang membabitkan perkara-perkara khusus berkaitan harta intelek yang mungkin dia tidak mempunyai pengetahuan atau pengalaman untuk menelitinya. Contohnya, seorang Timbalan Ketua Pengarah (Pentadbiran) mungkin tidak dapat memberi pendapat atau cetusan fikiran yang diperlukan untuk sesuatu isu yang membabitkan paten atau cap dagangan. Oleh itu saya mencadangkan agar Perkara 11 (iv) diteliti semula atau diberi penjelasan lebih lanjut agar tidak membawa kesukaran kelak.

Ketiganya, saya meminta jasa baik Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan lebih lanjut takrifan Perkara 15 – Penzahiran Kepentingan dan rasional di sebalik perkara ini. Adakah perbadanan-perbadanan yang lain di negara ini memerlukan perkara ini dimasukkan dalam Rang Undang-Undang ini. Dari segi pelantikan atau penggajian pekerja di bawah perenggan baru ini, saya meminta jasa Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan sekiranya skala gaji dan imbuhan Perbadanan ini dapat menyaingi skala gaji dan imbuhan sektor swasta yang rata-rata lebih kompetitif dan menarik.

Kekurangan tenaga kerja mahir dalam badan harta intelek mungkin disebabkan kehilangan tenaga kerja mahir ini kepada sektor-swasta. Apakah jaminan yang Perbadanan dapat menarik minat tenaga kerja mahir ini dan mengelakkan daripada berlakunya *brain-drain* dari Perbadanan ke sektor swasta kelak.

Saya juga difahamkan Perbadanan akan menggunakan sebahagian daripada peruntukan dan kutipan Perbadanan ini nanti untuk aktiviti dan kegiatan Perbadanan. Saya meminta jasa Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan peruntukan terbabit dan jumlah fi yang sedang dikutipkan ini yang telah dimaklumkan tadi, iaitu RM20 juta yang telah dikutip oleh Bahagian Harta Intelek ini dan adakah jumlah ini dijangka berubah ke bawah kelolaan Perbadanan kelak.

Saya juga meminta jasa baik Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan apakah Perbadanan akan memantau dan menyelenggara proses permohonan harta intelek yang dilakukan menerusi agensi-agensi atau syarikat pentadbiran harta intelek atau dipanggil *intellectual property agents*, dengan izin, dan jika ada, sama ada kawalan fi dan kos yang akan dikenakan ke atas agen-agen terbabit.

Akhirnya kita pohon Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan jangka waktu pendaftaran yang juga dimaklumkan oleh Yang Berhormat yang lain yang telah membahaskan pada hari ini harta intelek kini dan jangkaan masa yang akan diambil di bawah pentadbiran kelak. Kita perlu pastikan Perbadanan ini perlu mempercepatkan jangka waktu dan jangka masa untuk memproseskan pendaftaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Harta Intelek Malaysia yang akan ditubuhkan ini memikul tanggungjawab besar terhadap pentadbiran dan perlindungan harta intelek terutama kepada pemegang harta intelek di negara ini. Adalah diharapkan penubuhan Perbadanan ini akan melicinkan usaha rakyat Malaysia untuk mencapai cita-cita menjadi perintis untuk mencipta berjaya di peringkat global. Ia juga akan menambahkan hasil negara dan memperkayakan lagi khazanah Malaysia. Dengan itu saya sokong Rang Undang-Undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat Gelang Patah. Selepas ini Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.34 ptg.

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Yang di Pertua, cadangan penubuhan Perbadanan Harta Intelek boleh dikatakan merupakan satu peristiwa yang penuh bererti dalam sejarah pembangunan negara kita dan saya ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan Barisan Nasional terutama kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sudah tibalah masanya bagi kerajaan memaparkan komitmen yang serius terhadap perlindungan harta intelek di negara ini. Dalam sebuah masyarakat yang benar-benar menghayati erti tamadun, harta intelek mesti diambil berat dan dilindungi seperti mana harta benda yang lain.

Tuan Yang di Pertua, sebagaimana yang dapat kita perhatikan, walaupun telah terdapat undang-undang yang digubal bagi tujuan melindungi kepentingan pemilik-pemilik harta intelek, penguatkuasaan undang-undang berkenaan nampaknya

masih tidak begitu berkesan. Satu contoh yang nyata ialah berleluasanya aktiviti cetak rompak CD dan VCD. Mujurnya kegiatan sedemikian telah berkurangan setelah pihak kerajaan mengambil tindakan tegas kebelakangan ini terhadap penjualan CD dan VCD yang dicetak rompak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya Perbadanan Harta Intelek kelak, adalah diharapkan usaha ke arah melindungi harta intelek dapat dikawal selia dan dikoordinasi dengan memuaskan. Strategi mesti dirumuskan bagi mempertingkatkan keberkesanan usaha penguatkuasaan undang-undang harta intelek. Untuk mencapai objektif ini, kerjasama di antara pihak swasta dan semua agensi kerajaan yang berkenaan mesti dipereratkan. Perbadanan Harta Intelek yang bakal ditubuhkan juga harus berikhtiar memupuk dan mempertingkatkan kesedaran orang ramai terhadap perlindungan harta intelek.

Tuan Yang di-Pertua, harta intelek tidaklah sama seperti harta benda nyata yang lain. Pemilik harta benda nyata seperti kereta dan televisyen akan mudah mengetahui kecurian ke atas kereta atau televisyennya. Ini adalah kerana apabila kereta atau televisyen dicuri daripada pemiliknya, kereta atau televisyen tersebut akan berpisah dengan pemiliknya. Sebaliknya pemilik harta intelek tidak mudah mengesan atau mengetahui bilakah harta inteleknya telah dicabul oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Tidak ada pemisahan berlaku di antara pemilik dan harta inteleknya apabila hak-hak pemilik dicabul. Para pemilik harta intelek hanya mampu mengesan kegiatan haram pihak lain mencabuli harta intelek mereka jika mereka mempunyai sumber yang banyak untuk mengumpul maklumat yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum memperolehi bukti yang kukuh, adalah sukar bagi pemilik harta intelek mengadu kepada pihak berkuasa jika pemilik berkenaan hanya mengesyaki bahawa terdapat pihak ketiga cuba atau telah mencabuli harta intelek mereka. Pada waktu pemilik harta intelek berjaya memperolehi atau mengumpulkan bukti yang kukuh, biasanya kerugian besar dari segi kewangan telah dialami olehnya. Ini adalah kerana pihak ketiga yang tidak bertanggungjawab telah mencetak rompak atau meniru ciptaan pemilik harta intelek dan menjual banyak barangan cetak rompak atau tiruan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu adalah satu beban yang besar kepada individu pemilik harta intelek sekiranya mereka terpaksa menggunakan sumber sendiri untuk mengesan kegiatan pencabulan hak-hak harta intelek mereka. Oleh yang demikian, demi mencapai objektif melindungi harta intelek mereka. Oleh yang demikian, demi mencapai objektif melindungi harta intelek di negara kita ini, kerajaan perlu mengambil langkah yang lebih proaktif untuk mengesan kegiatan pencabulan hak-hak harta intelek. Adalah diharapkan Perbadanan Harta Intelek ini yang akan didirikan dapat memberi sumbangan yang ketara ke arah itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu sedar bahawa kegiatan pencabulan hak-hak harta intelek tidaklah terhad kepada percetakan rompak CD album lagu, atau VCD permainan komputer. VCD yang dicetak rompak sebenarnya turut membabitkan perisian komputer yang sofistikated. Di samping itu harta intelek berkaitan buku-buku serta hasil penyelidikan juga mungkin dicabul. Kesemua ini akan menyebabkan pemilik harta intelek yang telah melabur wang yang banyak untuk menulis perisian komputer atau menulis buku-buku atau menjalankan penyelidikan dan sebagainya mengalami kerugian kewangan yang tidak terkira.

Tuan Yang di-Pertua, daya kreativiti serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan memainkan peranan yang penting dalam era yang menekankan ekonomi berasaskan pengetahuan. Oleh yang demikian, satu sistem perlindungan harta intelek yang sempurna di negara ini adalah penting bagi menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Kerajaan patut memastikan organisasi mahupun individu yang telah melaburkan wang dan masa yang banyak untuk menghasilkan sesuatu ciptaan yang baru menikmati ganjaran yang sewajarnya. Ini juga akan mendorong lebih ramai rakyat Malaysia bersaing menggunakan daya kreativiti untuk menghasilkan sesuatu yang berguna dan dapat memperbaiki kualiti hidup manusia secara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pencabulan hak-hak harta intelek jika tidak ditangani dengan teliti mungkin menjejaskan hubungan Malaysia dengan negara-negara lain. Ini adalah kerana buat masa sekarang kebanyakan harta intelek yang didakwa telah dicabuli merupakan milik organisasi atau warganegara asing. Bukanlah susah bagi kita memahami kenapa negara lain misalnya boleh menjadi marah apabila

negara itu dicetak rompak dengan berleluasa dan dijual dengan harga yang murah di negara kita.

Saya percaya kerajaan kita juga akan naik marah sekiranya perisian komputer yang ditulis oleh rakyat Malaysia dicetak rompak di negara lain. Apabila Malaysia menjadi salah sebuah negara utama pembekal ilmu serta teknologi pada masa-masa akan datang, kita juga berharap hak-hak harta intelek anak tempatan kita tidak dicabuli di negara-negara lain. Demi kepentingan semua pihak adalah wajar bagi kerajaan setiap negara termasuk Kerajaan Malaysia bertindak dengan serius untuk bersama-sama membentuk sebuah masyarakat global yang menghormati harta intelek baik yang melibat rakyat sendiri mahupun yang membabitkan warganegara asing.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian saya sangat berharap dengan kewujudan Perbadanan Harta Intelek ini yang bakal diwujudkan ia akan dapat mencapai matlamat Kerajaan Barisan Nasional untuk mendatangkan satu pengurusan kawal selia dan penguatkuasaan undang-undang yang sempurna supaya ia akan dapat mendatangkan kecekapan yang berkesan dalam hal-hal berkenaan dengan perlindungan harta intelek. Sekian saya ucapkan terima kasih. Saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Minta Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menjawab.

**3.45 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kementerian kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dan mengambil bahagian ke atas Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001 yang dikemukakan pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian daripada Batang Lupar, Kluang, Tumpat, Wangsa Maju, Parit Sulong dan Gelang Patah, semua Ahli Yang Berhormat telah memberi sokongan kepada rang undang-undang ini atas penjelasan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri apabila membentangkan rang undang-undang ini dan juga berdasarkan kepada rang undang-undang yang dikemukakan. Saya mengucapkan terima kasih dan akan menjelaskan beberapa perkara dan isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Seperti dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat, harta intelek adalah satu bidang yang penting dan untuk menentukan supaya perkara-perkara yang dibangkitkan maka kita telah pun kemukakan rang undang-undang ini untuk menubuhkan satu perbadanan (corporation) bagi membangunkan bidang harta intelek dalam negara kita. Kita mendapati bahawa walaupun beberapa undang-undang dikuatkuasakan oleh kementerian atau di bawah kementerian tetapi sebagai sebahagian daripada kementerian tidak memberi peluang untuk memperkembangkan selaras dengan apa perubahan yang berlaku di peringkat antarabangsa dan tidak ada fleksibiliti dari segi beberapa perkara yang perlu berlaku. Oleh kerana itu dengan penubuhan perbadanan kita percaya banyak masalah-masalah boleh diatasi dan kita boleh juga menentukan perkembangan dan juga kemajuan dalam bidang harta intelek boleh dilakukan seperti di suarakan oleh ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat daripada Batang Lupar telah menyentuh tentang pejabat cawangan. Suka saya menerangkan bahawa pada masa ini pejabat harta intelek mempunyai pejabat cawangan di Sabah dan Sarawak. Penubuhan pejabat cawangan di lain-lain tempat belum ada lagi dan apabila perbadanan ditubuhkan ianya akan dipertimbangkan dan jika perlu cawangan akan ditubuhkan.

Mengenai pegawai dan kakitangan yang mencukupi, adalah benar bahawa sekarang tidak mencukupi dan perbadanan apabila ianya ditubuhkan boleh mengambil dengan mudah dan cepat kerana ia diberi autonomi dari segi kewangan dan perjawatan. Kita juga boleh mengambil pegawai-pegawai yang mempunyai kemahiran daripada sektor swasta. Gaji yang ditawarkan kepada pegawai-pegawai, kerajaan tidak memberi 'attractive' ataupun mencukupi bagi pegawai-pegawai berkemahiran di sektor swasta.

Ahli Yang Berhormat daripada Batang Lupar dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang proses pendaftaran paten yang agak lama dan suka saya menjelaskan bahawa ini tidak dinafikan. Proses pendaftaran paten mengambil masa yang lama oleh kerana kita kurang examiners pada masa sekarang dan examiners yang kita mahu isi jawatan-jawatan yang sedia ada pun tidak ada yang ingin memenuhi jawatan-jawatan itu atas beberapa sebab khususnya gaji yang tidak mencukupi. Tetapi apabila dengan penubuhan perbadanan kita fikir kita boleh mempercepatkan.

Satu lagi ialah pendaftaran paten, walaupun mengambil masa yang lama suka saya menjelaskan ia tidak menjejaskan hak pereka cipta kerana perlindungan paten itu dimulakan daripada tarikh permohonan difailkan dan bukan daripada tarikh ianya diluluskan. Jadi tidak menjadi satu masalah ramai pemohon ataupun ramai rakyat memikirkan atau pemohon-pemohon memikirkan ianya cuma dapat perlindungan apabila diluluskan oleh Pendaftar. Itu tidak benar bila yang mohon bagi paten difailkan telah wujud perlindungan. Jadi dengan itu sesiapa yang membuat permohonan dahulu ia akan dapat hak terlebih dahulu. Tentang penyenggaraan rekod-rekod....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya Batang Lupar berdiri Yang Berhormat, beri jalan? Ya sila

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Dato', ini saya terima kasih kepada jawapan Timbalan Menteri berhubung dengan pendaftaran tadi, bermakna dia akan mendatangkan kesan (effect) daripada hari penyampaian permohonan tetapi persoalannya Dato' dalam segi undan-undang tidak ada mengatakan bahawa apabila disubmit benda itu mahkamah mesti *take notice incase* dengan izin ada pertelingkahan ataupun pembicaraan berlaku di antara dua pihak. Jadi ini kalau tidak dalam undang-undang jadi macam mana menjadi satu amalan administrative dan juga diiktiraf oleh undang-undang.

**Dato' S. Subramaniam:** ini bukan sahaja suatu amalan di peringkat Malaysia. Ini adalah suatu amalan yang dipersetujui di peringkat antarabangsa. Diselaraskan oleh semua negara yang menjadi anggota dalam World Intellectual Property Organization (WIPO) maka apabila permohonan itu difailkan, maka ia dapat dilindungi. Siapa fail dulu kalau dia ada bukti baik di Malaysia atau di lain-lain negara siapa yang fail dulu dia ada perlindungan. Bila ada pertikaian yang fail dulu dapat perlindungan dan pihak yang fail kemudian tidak dilindungi. Ini adalah mengikut konvensyen-konvensyen yang telah sudah ditandatangani oleh negara-negara di peringkat antarabangsa tidak menjadi masalah sehingga sekarang dan saya fikir tidak akan menjadi masalah pada masa hadapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, penjelasan lagi, sila.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pernah membangkit soalannya WIPO ini. Saya percaya daripada jawapan Dato' tadi, Malaysia mengambil bahagian dalam konvensyen WIPO, jadi dalam WIPO itu memberi beberapa garis panduan dan keperluan antarabangsa bahawa mewujudkan undang-undang dan ahli WIPO itu juga dikehendaki bukan secara compulsory tetapi voluntary mewujudkan undang-undang tertentu. Jadi macam mana rakan-rakan dagang kita seluruh dunia sama ada – peraturan mereka telah mengikut garis panduan yang dibuat oleh WIPO. Terima kasih .

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, harta intelek ini ada berjenis-jenis. Paten itu kita fail dan lepas itu dilulus beri kelulusan. Ada juga paten-paten yang tak payah kemukakan. Kalau seseorang menulis buku umpamanya. Kalau dia siap tulis ia dalam simpanan dia pun dia ada hak atau perlindungan harta intelek terhadap karya cipta itu.

Dan dalam perkara paten ini, paten memerlukan pendaftaran atau perlu difailkan. Mengikut konvensyen yang sudah ada, mana-mana negara tidak ikut itu, mengikut amalan kita atau mengikut undang-undang itu yang sedia ada, apabila satu proses paten difailkan ianya diiktiraf dalam Malaysia sebagai satu paten yang telah difail dan diberi iktirafan. Mahkamah pun mengambil maklum tentang perkara ini dan paten itu diberi territorial rights - bukan di seluruh dunia diberi pengiktirafan - hanya territorial rights. Kalau pihak yang kemukakan paten itu perlu perlindungan di peringkat

negara-negara lain, pemohon itu perlu kemukakan permohonan itu kepada negara-negara lain.

Begitu juga dengan negara-negara katalah Amerika Syarikat, ia sudah ada paten baik, dia sudah fail atau sudah dapat diluluskan, kalau produk itu perlukan perlindungan di negara Malaysia, syarikat itu perlu kemukakan permohonan itu kepada negara Malaysia untuk mendapat perlindungan dalam negara kita. Jadi, ini sudah mengikut undang-undang itu yang sedia ada, apabila fail mencukupi dan juga kita ada schedule bagi akta-akta itu, jadi tidak menjadi masalah.

Tentang penyenggaraan rekod-rekod pendaftaran, adalah diperlukan di bawah undang-undang, ia telah pun dilaksanakan sebelum ini. Dan mengenai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan tentang budaya kreativiti, suka saya jelaskan bahawa ini adalah salah satu daripada hasrat kerajaan dan perbadanan untuk melaksanakan program khususnya bagi penggalakan kreativiti di kalangan rakyat menjadikan rakyat Malaysia sebagai rakyat kreatif.

Selain daripada itu, untuk menggalakkan penyelidikan usahawan tempatan, pihak kerajaan juga telah melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, menyediakan skim-skim bantuan khusus untuk para penyelidik dan pengusaha tempatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanya kerana kita tahu kita ada undang-undang untuk memelihara harta pereka atau pencipta kerana ini adalah merupakan seni semula jadi. Dan kita tahu banyak bakat yang berpotensi di negara kita, tetapi agak malang kerana mereka hanya dapat mereka dan mencipta, lepas itu mereka seolah-olah tidur, tidak ada sesuatu usaha dibuat untuk mengembangkan lagi seni mereka ini. Adakah kerajaan mempunyai program umpamanya latihan bagi menarik lebih ramai lagi pereka dan pencipta untuk tampil ke hadapan, mungkin dengan mengadakan modal teroka kalau ada, mungkin kerajaan boleh mendalami lagi secara detail agar segala seni pereka, pencipta tanah air kita ini tidak habis begitu sahaja dan kita tahu ada juga di antara mereka ini menggunakan peluang di negara-negara asing untuk mengembangkan seni mereka.

Jadi, mungkin kerajaan mempunyai program modal teroka umpamanya supaya lebih ramai lagi pereka ataupun pencipta ini tampil ke hadapan, tidak sahaja selepas mereka mencipta sesuatu habis setakat itu sahaja. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, ya, saya akan menjawab. Tuan Yang di-Pertua, saya dalam proses menjawab apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Kerajaan memang mahu menggalakkan semua itu, oleh kerana itu kita telah menubuhkan beberapa tabung bagi penyelidikan dan juga pengkomersialan apa yang direka cipta oleh usahawan tempatan ataupun intelek-intelek tempatan. Di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ada beberapa skim bantuan kewangan khusus untuk para penyelidik dan pengusaha tempatan, tiga skim saya boleh namakan: satu adalah skim geran penyelidikan dan pembangunan industri; kedua ialah skim geran penyelidikan dan pembangunan koridor raya multimedia; dan yang ketiga adalah tabung pengkomersialan penyelidikan dan pembangunan.

Pada umumnya satu-satu paten ataupun karya-karya lain, yang penting ialah ianya perlu ada komersial value, komersial viability. Banyak perkara yang dihasilkan oleh orang tempatan kalau ianya ada hasil commercial value, ia akan diusahakan oleh syarikat-syarikat swasta, kalau tidak ada commercial value, baik di tempat mana pun tidak akan diusahakan oleh pihak-pihak syarikat. Itu penting.

Yang kedua, saya suka jelaskan kalau negara-negara yang telah membangun dan maju, syarikat-syarikat gergasi itu membuat penyelidikan terhadap mewujudkan satu paten yang ada commercial value.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Contoh yang paling baik adalah ubat-ubatan bagi menangani masalah-masalah HIV/AIDS. Pihak syarikat-syarikat itu menjalani penyelidikan (research) untuk

mencipta ubat yang boleh mengurangkan - bukan cure, tetapi mengurangkan - jangkitan HIV/AIDS.

Dan ini ianya memerlukan berjuta-juta ringgit, akhirnya apabila produk itu telah siap, mereka menetapkan harga yang luar daripada sebahagian besar penyakit-penyakit dalam dunia, oleh kerana itu ada juga negara-negara yang mencabar konvensyen perlindungan harta intelek dan mereka mengeluarkan ubat "genering" bagi HIV khususnya di beberapa negara di Afrika dan juga Amerika Syarikat, tidak peduli dengan syarikat yang mempunyai perlindungan. Tetapi ini adalah satu masalah, kalau kita buat macam itu, besok pihak lain akan juga cabar kita dan meniru apa yang rakyat kita cipta.

Jadi, yang penting ialah selain daripada ia dicipta, ia perlu ada commercial value untuk diusahakan oleh pihak industri.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan ke atas pencipta ataupun pereka itu tadi, pembabitan mereka secara langsung tidak hanya kepada syarikat-syarikat yang mungkin setelah mereka mendapat peluang ini, mereka ini (pereka dan pencipta tersebut) diketepikan, dan ini menyebabkan setengah mereka agak tidak mahu ke hadapan kerana bimbang segala ciptaan dan rekaan mereka itu diambil alih oleh orang lain. Jadi, mungkin kerajaan memikirkan bagaimana membantu mereka ini kerana kita tahu kebanyakan mereka ini tidak ada falsafah ataupun pengalaman dari segi marketing, dengan izin, pemasaran.

Kalau kita harapkan syarikat-syarikat besar ataupun orang lain menguruskan, mereka ini akan tenggelam, jadi mungkin kementerian memikirkan daripada kaedah-kaedah supaya pereka dan pencipta tersebut berada sama-sama di barisan hadapan supaya segala ciptaan dan rekaan mereka itu dengan sendirinya mendorong untuk mereka lebih mendapat jaminan dari segi penerokaan mereka. Terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, mereka yang mempunyai paten ataupun hak cipta dan sebagainya memang mempunyai hak terhadap karya mereka, cuma kalau ada penyelidik-penyelidik yang menjalankan penyelidikan dan digaji oleh syarikat-syarikat ataupun employers - mereka employer kalau ada kontrak dengan orang yang menghasilkan barang-barang ini - dan kalau ada kontrak, itu yang dikatakan penyelidikan itu adalah hak employer. Itu adalah satu daripada masalah.

Walau bagaimanapun, kita sedang memikirkan apakah cara-cara untuk selain daripada employer atau syarikat mengambil hak sepenuhnya apakah yang perlu diberi hak kepada yang mengusahakan hasil itu dan perkara itu sedang diteliti oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hasil bio-diversity negara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar, adalah difahamkan bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang menggubal undang-undang bio-diversity untuk melindungi flora dan fauna negara daripada dicuri dan dipaten oleh pihak lain. Perbadanan harta intelek ini akan berusaha memperkemaskan pelbagai aspek berkaitan dengan harta intelek termasuk aktiviti reka cipta dan aspek pengkomersialannya. Perbadanan ini akan memastikan kos pendaftaran yang berpatutan kerana ia bukan agensi yang mencari keuntungan perbadanan ini tetapi agensi untuk membantu menggalakkan harta intelek negara, faedah yang diterima bukan fee yang dikutip tetapi pertumbuhan pelaburan dan juga perdagangan negara yang akan didapati sebagai consequential development daripada penciptaan-penciptaan itu.

Tentang pendaftaran, ada yang dibangkitkan mengenai .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Batang Lupar.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi sebenarnya sedang menjawab soalan kreativiti yang belum habis, oleh kerana menjawab soalan tambahan, jadi soalan kreativiti itu belum lagi Dato' panjangkan jawapannya.

Saya bercakap panjang sedikit soalan kreativiti ini, hendak tahu rating Malaysia di bidang kreativiti ini kerana saya berpendapat bahawa kita punya kreativiti belum dieksploit dengan penuh oleh keadaan sistem dan sebagainya di negara ini terutama sekali saya sebutkan sistem pendidikan dan sistem perdagangan.

Umpamanya kalau kita lihat di Amerika, Tuan Yang di-Pertua, apabila pada 11 September orang bomkan World Trade Center, the spin-off business berlaku iaitu orang jual benderalah, orang jual inilah, jual itulah, bahkan ada jual macam-macam sahaja dia buat, semua boleh jadi business, yang bom pun buat jadi business, mungkin yang kena bom itu beratus juta yang hilang tetapi orang buat business juga.

Jadi, saya satu ketika dahulu saya pergi ke Philippines, di Manila kena ribut taufan dan pokok kayu tumbang. Orang kata potong kayu ini lepas itu dihantarkan ke kilang-kilang dan besok boleh jadi anak itik, boleh jadi ibu itik, bapak itik dan sebagainya. Jadi, kita lihat kalau berlaku pokok tumbang di Malaysia, ianya habis dibuang macam itu sahaja. Jadi kalau berlaku apa-apa benda macam mungkin sports event tidak mendapat sambutan, sebagaimana yang berlaku di Amerika dan sebagainya, ini menunjukkan kita punya kreativiti dan untuk pemikiran soalan promosi dan juga soalan commercialisation, dengan izin.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berpindah kepada soalan bio-diversity tadi, saya hendak soal. Saya menyambut baik pengumuman yang Dato' sebutkan itu yang kita akan mewujudkan di Semenanjung ini juga, mengadakan undang-undang bio-diversity, untuk melindungi bio-diversity resources kita kerana benda ini sebagaimana yang saya sebutkan 5% sahaja dikatalog, sedangkan 95% belum dikatalogkan.

Jadi, kalau undang-undang ini dibuat, dua perkara mesti diingat, satu persoalan keselamatan ataupun menjaga keselamatan dari kehilangan resources ini. Yang kedua, jangan membendungkan sangat oleh kerana kita bimbang pembendungan itu nanti akan menghilangkan juga research potentialnya. Terima kasih Dato'.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, pandangan mengenai kreativiti yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat, saya telah mengambil maklum adalah benar dan oleh kerana itu kita pun sedang menubuhkan Perbadanan Harta Intelek dan harap ia juga akan memainkan peranan supaya suasana kreativiti itu dipertingkatkan.

Tentang bio-diversity, saya telah pun menerangkan pada masa sekarang undang-undang bio-diversity hanya terdapat di Sarawak dan undang-undang ini hanya terpakai di sana. Ini memang benar tetapi bagi keseluruhannya untuk mewujudkan satu Federal law, usaha-usaha sedang dibuat. Satu perbincangan sedang diadakan dari masa ke semasa di antara Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Pertanian, Jabatan Peguam Negara dan agensi-agensi yang lain supaya satu Federal law berkenaan dengan bio-diversity diwujudkan dan dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar juga telah membangkitkan mengenai Seksyen 38. Tujuan Seksyen 38 adalah bukan untuk melantik kakitangan perbadanan. Tujuan Seksyen 38 ialah untuk menetapkan siapakah di kalangan pegawai perbadanan yang layak menjalankan kes-kes sivil bagi pihak perbadanan ini. Kes-kes sivil yang dimaksudkan ialah kes-kes terhadap perbadanan dan pegawai-pegawainya dari segi tindakan pendaftar atau keputusan pendaftar yang mana sesuatu pihak tidak berpuas hati. Bagi tujuan itu mereka yang layak mengendalikan kes-kes ini bagi pihak perbadanan ialah satu, pegawai-pegawai kehakiman dan perundangan mengikut Akta Prosiding Kerajaan 1956. Mereka ini termasuk pegawai-pegawai yang berkhidmat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Yang kedua, mereka yang bukan dari kalangan pegawai kehakiman dan perundangan, maka perlulah mempunyai kelayakan sebagai peguam cara dan peguam bela di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976. Perbadanan boleh juga mendapat khidmat panel-panel peguam yang dilantik oleh perbadanan di kalangan peguam cara dan peguam bela yang diterima masuk di bawah Akta Profesion Undang-undang di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kluang telah membangkitkan beberapa perkara tentang kutipan royalti muzik dan juga cetak rompak dan juga harga CD, VCD tulen, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan. Tentang perkara itu, kementerian akan mengambil langkah memastikan kutipan royalti hak cipta khususnya muzik dikutip dengan adil dan berpatutan mengikut kategori pengguna. Walaupun jadi isu pada tahun lalu tetapi buat masa sekarang, masalah-masalah ini telah diatasi. Mengenai cetak rompak, kementerian akan terus berunding dengan pihak industri agar mengenakan harga yang berpatutan...

**Tuan Liow Tiong Lai:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng):** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bentong bangun.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak dapat maklumat lanjut berhubung dengan kutipan royalti ini kerana pada masa sekarang ada dua syarikat yang sedang membuat kutipan daripada orang awam iaitu Syarikat Music Authors Copyright Protection Bhd. (MACP) dan juga Syarikat PhonographICT Performance Malaysia Sdn. Bhd. (PPM). Kedua-dua syarikat ini kita tidak berapa faham latar belakangnya dan orang awam sentiasa keliru apabila mereka keluar mengutip kutipan royalti. Saya juga ingin tahu berapa lagi syarikat yang telah dibenarkan untuk mengutip royalti ini. Adakah Kementerian mengawasi dan menyelia semua syarikat-syarikat yang ditubuhkan ini, yang diwujudkan ini, sedang mengutip royalti ini. Terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, kutipan royalti adalah dibuat oleh mereka yang mempunyai hak apabila mereka membuat satu-satu hasil. Di negara kita, kita memberi perlindungan kepada penulis umpamanya muzik, penulis lirik, yang kedua, komposer muzik, ketiga penyanyi dan baru-baru ini kita telah buat pindaan untuk memberi perlindungan kepada *stage performer*. Mereka ini mempunyai perlindungan dan ada hak di bawah akta yang sedia ada. Maka mereka berhak untuk mengutip. Untuk memudahkan dan juga untuk membuat kutipan itu secara teratur, mereka memberi kuasa kepada persatuan-persatuan seperti Music Authors Copyright Protection Bhd (MACP), Syarikat Phonography Performance Malaysia Sdn Bhd (PPM) dan ada juga satu lagi Recording Industry of Malaysia (RIM) dan sebagainya. Mungkin ada lain-lain yang boleh diberi kebenaran. Cuma persatuan-persatuan ini mewakili mereka yang diberi perlindungan dan mempunyai hak untuk mengutip royalti.

Jadi kalau ada sehingga sekarang, tahun lalu seperti saya katakan tadi, ada masalah oleh kerana persatuan yang mengutip royalti itu telah pun membuat beberapa pengumuman dan juga cara pengutipan yang tidak begitu menyenangkan pihak rakyat dan juga pihak kerajaan, kementerian campur tangan dan telah menyelesaikannya.

Untuk mengatasi masalah bagi jangka masa panjang, kita telah pun menubuhkan satu badan di bawah kementerian untuk mendengar rayuan-rayuan daripada golongan pengguna tentang amaun kutipan royalti yang dikenakan oleh pihak-pihak ini. Selepas kita menubuhkan perbadanan ini sampai sekarang tidak ada satu rayuan pun, maka tidak ada masalah, kalau ada mereka akan buat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cetak rompak, kementerian akan terus berunding dengan pihak industri. Kita telah pun mengadakan perundingan, kita memang mendapati bahawa harga atau perbezaan harga di antara barang-barang asli dan juga yang dicetak rompak atau tiruan itu terlalu luas dan oleh kerana itu menjadi satu tarikan kepada pengguna membeli barang-barang cetak rompak. Kita telah menjelaskan kepada industri supaya mereka menimbangkan menurunkan harga-harga ini. Pihak kementerian sedang buat satu kajian tentang apakah kos sebenar, kos pengeluaran, kos marketing, kos royalti yang perlu dibayar dan sebagainya. Apabila kajian itu siap kelak, kita akan mengadakan satu perbincangan, satu perundingan dengan pihak industri supaya harga bagi barang-barang ini adalah harga yang lebih berpatutan.

Mengenai program kesedaran awam .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Teluk Intan.

**Tuan Mah Siew Keong:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjelaskan berkenaan dengan masalah cetak rompak. Satu dua bulan ini *enforcement* dan *raid* ke atas *illegal software* adalah begitu *aggressive* dan diketatkan. Saya hendak dapatkan pandangan Yang Berhormat, adakah sekarang masa yang sesuai kerana kebanyakan peniaga kecil sedang mengalami masalah kemelesetan ekonomi. Jadi bagi satu komputer sahaja, jika hendak *legalize* satu komputer dengan *operating application software* adalah lebih satu ribu ringgit. Ini adalah beban yang begitu besar kepada SMI dan peniaga kecil ini dan mereka terpaksa bayar sekali gus untuk *legalize software* mereka.

Adakah kementerian bercadang bagaimana untuk menolong peniaga kecil dan SMI ini supaya mungkin kos ini boleh di *subsidize* atau mereka boleh bayar secara *installment* untuk mereka terutama sekali pada masa keadaan ekonomi sekarang. Terima kasih.

**Dato' S. Subramanian:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Memang satu operasi sedang dijalankan untuk menentukan perisian komputer ditentukan bahawa ianya bukan dicetak rompak dan pihak kementerian sedang menjalankan operasi ini. Adalah diharapkan bahawa mereka yang menggunakan *computer software* itu menggunakan *software* yang asli dan bukan yang cetak rompak. Tetapi cadangan Ahli Yang Berhormat supaya membantu peniaga-peniaga kecil yang ingin membayar secara *installment*, kita boleh ambil perhatian dan boleh mengadakan rundingan dengan yang mempunyai hak dan perlindungan terhadap *software* itu. Ini adalah satu perkara yang diberi perlindungan di bawah undang-undang. Kita di kementerian sendiri tidak boleh menyekat pihak yang mempunyai hak itu supaya jangan membuat operasi atau jangan menjalankan kerja-kerja. Ini ada termaktub dalam undang-undang yang sedia ada. Walau bagaimanapun, untuk membayar secara *installment*, kita boleh menimbang dan kita akan meneliti apakah perkara itu boleh dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai program kesedaran awam. Pusat Latihan Harta Intelek yang telah pun ditubuhkan akan meningkatkan program kesedaran melalui seminar dan *workshop*, program kesedaran kepada industri kecil dan sederhana telah pun disediakan dan akan dilancarkan dalam sedikit masa lagi.

Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat telah membangkitkan perlunya reka cipta tempatan mencipta teknologi dan produk baru termasuk perisian komputer dan ubat-ubat supaya ianya lebih murah. Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya rakyat tempatan mencipta sendiri produk-produk baru yang terkini seperti perisian komputer dan ubat-ubat adalah dialu-alukan dan memang menjadi hasrat kerajaan. Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan program-program bagi membantu meningkatkan hasil kreativiti di kalangan rakyat untuk membolehkan negara kita bersaing dengan negara-negara lain.

Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong di antara lain telah menyokong galakan pembangunan harta intelek dalam negara kita dan beliau juga telah mengesyorkan supaya ditubuhkan persatuan-persatuan pereka cipta untuk memudahkan hubungan di antara pereka cipta dan kerajaan. Saya tadi telah pun menjawab, kementerian mengalu-alukan cadangan supaya ditubuhkan persatuan-persatuan pereka cipta dan akan memberi perhatian sewajarnya ke atas cadangan itu seperti saya katakan bagi pihak-pihak lain, ada beberapa persatuan yang kerajaan iktiraf dan memberi *cooperation* dan kerjasama yang secukupnya kepada MACP, RIM dan lain-lain lagi. Jadi persatuan-persatuan ini apabila ditubuhkan akan diberi kerjasama dan galakan oleh pihak kementerian.

Mengenai pengurusan perbadanan, kementerian akan memastikan mereka atau anggota-anggota perbadanan terdiri daripada mereka yang mempunyai kebolehan dan berkelayakan untuk menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka.

Tentang beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju mengenai struktur organisasi perbadanan, semuanya akan diberi perhatian.

Mengenai tempoh proses permohonan, kementerian akan memastikan tempohnya setanding dengan standard antarabangsa atau malah lebih baik dari perkara itu.

Mengenai skim gaji kementerian akan memastikan ianya berpatutan untuk menarik minat golongan profesional. Mengenai kawalan ke atas ejen kementerian akan memberi perhatian ke atas cadangan ini dengan mengkaji pengalaman-pengalaman di negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah pun membahaskan mengenai kepentingan harta intelek dan beliau minta memastikan pereka cipta mendapat faedah dan mendapat bantuan secukupnya. Kementerian akan memastikan hak pereka cipta mendapat perlindungan sewajarnya ia terbukti dengan langkah membanteras cetak rompak yang dilaksanakan sekarang ini. Kementerian juga akan berusaha memastikan bantuan sewajarnya diberi kepada pereka cipta.

Akhirnya, sebelum saya menamatkan, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupa tentang paten Tongkat Ali yang didaftarkan di Russia, pihak kementerian saya akan mendapat maklumat tentang perkara ini belum diketahui. Tetapi seperti yang saya katakan paten itu hanya memberi perlindungan *territorial* dan

belum lagi dipastikan, kalau didaftar di Russia pun cuma akan dapat perlindungan di Russia. Ini adalah produk-produk yang dikeluarkan daripada Tongkat Ali.

Jadi, di dalam negara kita pun beberapa produk yang dihasilkan daripada Tongkat Ali itu .....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Parit Sulong.

**Dato' S. Subramaniam:** ....telah pun didaftar dan diberi paten.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum berakhir, Dato' Timbalan Menteri, saya juga menyatakan bahawa banyak kita punya hasil kajian khususnya dalam bidang teknologi pertanian dan sebagainya. Yang banyak sekarang ini telah pun dijual dan menjadi milik orang yang memajukan secara komersial.

Adakah di masa-masa akan datang perkara ini akan diambil kira supaya – bermakna hasil-hasil kajian yang dibiayai oleh kewangan rakyat, kewangan kerajaan harus diberi nilai ekonomi apabila mahu diserahkan kepada pihak yang mengkomersialkan hak-hak ini. Perkara ini penting oleh kerana saya katakan tadi bahawa ini mempunyai nilai ekonomi yang tinggi. Yang lain tidak ada, kalau tidak ada kajian bermakna tidak ada perkara yang boleh dikomersialkan.

Jadi, bermakna pokoknya adalah hasil kajian itu sendiri mesti diberi nilai ekonomi, sama ada ini memerlukan pindaan kepada akta-akta yang relevan itu kita fikirkan bersama. Tetapi yang pokoknya saya minta perkara-perkara ini – dan juga universiti-universiti, saya katakan tadi universiti-universiti yang melaksanakan kajian-kajian bersama dengan pihak-pihak pembiaya luar negara khususnya. Di dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan negara kita yang berdasarkan kepada sumber-sumber asli atau sumber daya cipta kita sendiri, bagaimanakah aspek intellectual property rights bermakna aspek-aspek hak harta intelek itu.

Perkara ini harus diberi *weightage* ataupun satu pertimbangan supaya nilai ekonomi itu sendiri tidak lari di dalam perjanjian itu harus dijelaskan secara jelas mengenai kalau ada kajian bersama, siapa pemilik intellectual property itu, siapa yang akan menjadi tuan punya, siapa yang akan mendapat faedah daripada nilai ekonomi yang akan disandarkan kepada nilai, kepada intellectual property itu sendiri. Perkara ini saya minta bahawa diambil kira dan diberi satu perhatian yang amat berat sangat-sangat oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih. Pihak kementerian akan mengambil perhatian terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Tadi saya telah pun menjelaskan bahawa keuntungan kepada kerajaan dan rakyat Malaysia adalah apabila hasil itu di'*commercialize*'. Apabila satu-satu hasil dicipta atau mereka cipta dan sebagainya, apabila ianya diusahakan kita akan dapat perniagaan, perdagangan dan sebagainya. Itulah hasil kepada kerajaan.

Yang pertama, umpamanya MARDI dan juga beberapa institusi-institusi penyelidikan dalam negara kita menjalankan beberapa penyelidikan dan hasil beberapa proses, barang, produk yang baru dan mereka menawarkan kepada sektor swasta kadang-kadang percuma. Mengkomersialkan benda ini, proses ini dan apabila kalau ianya berlaku pihak rakyat dan kerajaan akan beruntung juga. Tetapi apa yang dibangkitkan, .....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** [Bangun]

**Dato' S. Subramaniam:**.....- belum lagi. Apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat saya faham bahawa mereka yang terlibat dalam proses atau penyelidikan diberi hak, itu pun saya katakan tadi ini terpulang kepada kontrak yang dipunyai oleh para penyelidik dengan institusi-institusi. Ada juga para penyelidik yang menjalankan penyelidikan bagi pihak syarikat-syarikat-syarikat. Walau bagaimanapun, perkara ini juga akan diambil perhatian.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, di sini ada satu mungkin kekeliruan antara kita berdua. Yang saya maksudkan umpamanya government agencies, kerajaan telah pun melaburkan banyak wang dalam jumlah wang yang besar untuk penyelidikan.

Sebagaimana yang ditegaskan oleh Timbalan Menteri contohnya, hasil penyelidikan itu untuk dikomersialkan kita beri kepada private enterprise secara percuma. Yang saya hendak supaya hasil penyelidikan itu diberi nilai ekonomi sekurang-kurangnya ada wang pulangan balik kepada Tabung Penyelidikan Negara, sekurang-kurangnya. Ini satu perkembangan yang baru. Kita tidak boleh beri percuma sahaja, mungkin apa yang telah berlaku tidak apalah, tetapi di kemudian hari kita kena fikirkan bahawa wang yang dilabur untuk penyelidikan adalah wang rakyat. Bermakna daripada cukai dan juga daripada dana negara.

Jadi, oleh kerana sekarang *intellectual property* ini mempunyai nilai ekonomi yang tinggi, yang saya minta bukannya researchers. Kalau researchers kerja dengan MARDI memanglah dia ada *contractual obligation*, ya obligasi kontrak itu. Yang saya hendak MARDI itu sendiri memberi nilai kepada hasil kajian itu dan kalau ada private enterprise hendak beli, kita mesti ada satu nilai kepada hasil kajian itu dibayar balik kepada MARDI masuk balik kepada *consolidated fund* yang boleh dilaburkan balik untuk penyelidikan yang lebih banyak di masa akan datang. Itu Dato' Timbalan Menteri yang saya hendak supaya perkara ini diberi nilai.

Begitu juga dengan universiti-universiti. Sekiranya ada umpamanya badan-badan daripada luar negara dia melabur wang untuk satu kajian bersama di mana pemerahan pemikiran itu dilakukan oleh orang universiti tetapi universiti itu sendiri harus diberi peluang untuk membuat nilai ekonomi kepada hasil kajian itu, jangan nanti dimonopoli oleh orang yang memberi biaya ataupun mungkin ada perkongsian (*co-ownership*) dari segi *intellectual property* dalam hal ini.

Kita tidak mahu hasil kajian, hasil pemerahan pemikiran, idea, oleh kerana *intellectual property* ini datang daripada idea, daripada pemikiran yang unik tidak ada pada mana-mana orang yang sama. *Its very unique* hasil anugerah Allah S.W.T. kepada satu orang individu atau sekumpulan individu melahirkan idea menjadi realiti. Itu apa *intellectual property* sebenarnya sama ada dalam bentuk industrial designkah, dalam bentuk copy rights, copy rights itu sudah lain, dalam bentuk inovasikah, ini yang kita hendak.

Bermakna, Dato' mungkin selama ini belum dilakukan, saya minta kementerian mungkin menjadi saluran kepada perkembangan pemikiran baru ini iaitu untuk kita meletak nilai ekonomi kepada mana-mana hasil kajian yang hendak dikomersialkan. Dan sekiranya ada kajian bersama dengan entiti luar, entiti luar negara kita harus menitikberatkan mengenai pemilikan hasil kajian itu adakah hendak diberikan secara percentage wang yang dilaburkan ataupun *co-ownership* 50-50 atau sebagainya. Tetapi pokoknya mesti ada secara hitam putih, secara jelas masalah *co-ownership* ataupun pemilikan-pemilikan bersama dan nilai ekonomi kepada hasil-hasil yang dijalankan khususnya oleh pihak jabatan-jabatan yang di bawah perlindungan kerajaan. Terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, bukan semua, apa yang saya maksudkan ialah ada hasil-hasil yang tidak mempunyai nilai atau *commercial value* yang tinggi. Banyak pengeluaran hasil yang dibuat oleh institusi-institusi penyelidikan tidak ada usahawan yang mahu usahakan secara komersial. Kalau ada nilai tidak ada masalah, sekarang pun saya bukan kata semua, saya percaya ada beberapa hasil daripada institusi-institusi penyelidikan termasuk universiti yang telah pun mendapat berkongsi dengan value yang telah didapati melalui penyelidikan atau hasil yang dapat melalui penyelidikan itu.

Tetapi perkara itu kementerian telah pun mengambil perhatian. Bagi negara-negara asing kita perlu berhati-hati, cuma apa yang berlaku adalah syarikat-syarikat antarabangsa yang berada di dalam negara, mereka menjalankan penyelidikan dan pakar-pakar kita atau penyelidik-penyelidik perlu berhati-hati supaya mereka juga mempunyai sedikit sebanyak daripada apa yang mereka usahakan melalui proses itu apabila perkara itu diusahakan secara komersial, mereka juga dapat. Ini sedang ditibangkan, diteliti oleh pihak kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tebrau.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menutup Rang Undang-undang Harta Intelek ini termasuklah atau tidak pencipta-pencipta ubat tradisional seperti ubat-ubat

urut mengurut yang dicipta. Sekarang ini macam-macam ubat urut yang kita dapati di pasaran, macam-macam ada yang kata menguatkan tenaga batin dan ada yang kacip fatimah, ini termasuklah dalam hak pencipta ini. Yalah, oleh kerana banyak ditirukan perkara ini saya tidak tahu dari segi undang-undang.

Kalau boleh juga masukkan salah seorang daripada pakar-pakar tertentu ini dia didudukkan dalam Ahli Lembaga ini, jangan ubat yang lain sahaja, yang tradisional punya pakar ini pun kena masuk. Macam mana pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini sila jawab. *[Ketawa]*

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ubat-ubat ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan untuk menentukan adakah ubat itu sihat. Kadang-kadang yang dibuat satu-satu ubat itu mempunyai kandungannya perlu diuji oleh Kementerian Kesihatan dan kalau ada pandangan bahawa kesihatan itu menentukan benda itu adalah satu hasil yang baru, maka kita bolehlah menimbangkan, memberi perlindungan kepada yang menghasilkan perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat .....

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Peringat. *[Ketawa]*

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** Terima kasih, sedikit sahaja. Berkenaan dengan undang-undang harta intelek ini saya nampak dalam undang-undang ini tidak ada peruntukan dari segi pewarisan harta intelek ini. Bagaimana kalau hak cipta itu meninggal dunia dan apakah dia boleh diwarisi dan setakat mana dia punya hak itu dapat diwarisi sampai ke anak cucunya. Kita tengok dalam undang-undang ini tidak ada. Wallahualam.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu rang undang-undang yang berkaitan dengan menubuhkan satu perbadanan mengenai harta intelek. Harta intelek adalah dilindungi oleh beberapa undang-undang yang dikuatkuasakan oleh kementerian. Undang-undang ini akan dikuatkuasakan atau akan berada di bawah badan ini. Undang-undang itu telah pun menjelaskan tentang tempoh perlindungan baik paten, hak cipta dan sebagainya. Ada tempohnya dan ikut tempohnya kalau ada pihak yang mempunyai hak itu meninggal, maka pihak warisan akan juga mendapat hak itu bagi tempoh yang masih tinggal.

Akta-akta yang sedang dikuatkuasakan adalah Akta Paten 1983, Akta Cap Dagangan, Reka Bentuk Perindustrian, Akta Hak Cipta, Akta Petunjuk Geografi, Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu. Dan, semua akta-akta ini menyebutkan tentang tempoh masa perlindungan diberi kepada mereka yang mempunyai hasil itu dan jika ada kematian, pihak waris akan mempunyai hak bagi tempoh yang tinggal.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucap setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan juga saya telah cuba menjawab isu-isu yang dibangkitkan. Perkara-perkara yang saya tidak dapat sentuh atau jawab, pihak kementerian akan mengambil perhatian apabila perbadanan itu menjalankan fungsi dan tanggungjawabnya. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Fasal 1 hingga 41** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual Pertama dan Jadual Kedua** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PATEN (PINDAAN) 2001**  
**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

4.45 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Paten 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini secara amnya adalah untuk membuat pindaan berbangkit (*consequential amendment*) bagi menyesuaikan beberapa peruntukan akta itu dengan peruntukan Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001.

Ini termasuklah pindaan untuk menjadikan Ketua Pengarah, Perbadanan Harta Intelek sebagai Pendaftar Paten dan memberi kuasa kepada Perbadanan untuk melantik pegawai-pegawai lain. Dengan penubuhan Perbadanan itu juga, Lembaga Paten yang ditubuhkan di bawah Akta Paten akan dimansuhkan dan fungsinya diambil alih oleh Lembaga Pengarah Perbadanan Harta Intelek.

Berikutan dengan itu, perkataan "Lembaga" yang terdapat dalam beberapa seksyen kepada Akta Paten 1983 diganti dengan perkataan "Perbadanan". Dan, bahagian serta jadual yang berkaitan dengan Lembaga Paten adalah dimansuhkan. Pindaan-pindaan ini tidak melibatkan implikasi kepada pihak-pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Paten 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

4.47 ptg.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya singkat sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana ini pindaan *consequential*, saya hanya merujuk kepada seksyen baru 9A yang mengatakan di sini bahawa: "*Perbadanan boleh melantik mana-mana orang, jabatan, unit atau organisasi kerajaan, atau mana-mana pejabat atau organisasi Paten asing atau antarabangsa untuk menjadi Pemeriksa bagi maksud Akta ini.*"

Dalam hal ini saya cuma mahu mengingatkan soal mengambil *consultancy* daripada luar. Sebagaimana saya tegaskan sekali lagi bahawa soal-soal yang berkaitan dengan *intellectual property* sekarang ini mempunyai nilai yang tinggi. Jadi, kalau kita mahu mengambil *consultancy*, khususnya daripada luar, kita harus sekurang-kurangnya dapatkan – kita *outsource* daripada dalam negara dahulu.

Kalau sudah betul-betul tidak ada yang ada dalam negara ini boleh memberi nasihat untuk tugas-tugas ini maka baru kita *outsource* keluar. Kalau *outsource* ke luar negara pun, saya minta jangan sampai kita *in the simplest term* kena *con*, ataupun kita terpedaya dengan *small paper work* yang ditimbunkan – menimbun-nimbun.

Ha! Ini Jeli, dia tahulah pasal dia selalu jadi *consultant*. Jangan kita sampai – oleh kerana dalam satu *area* yang baru, satu bidang yang baru, dan kita baru menceburi perkara ini dengan kereta yang baru, lembu kita pun masih baru. Dalam erti kata, saya tidak maksud apa. Ini satu pepatah, ya. Kereta baru, lembu baru.

Jadi, kalau kita hendak ambil orang luar, untuk menasihati kita mengenai *certain aspect* untuk *enhance our position*, untuk memperkukuhkan kedudukan suruhanjaya itu sendiri, dan dalam hal ini mengenai paten, kita harus berhati-hati dan

jangan sampai terlalu *excessive* sehingga kita kata terpedaya dan mungkin kerajaan akan terpaksa membelanjakan wang yang besar hanya mengalir kepada poket-poket *consultant* daripada luar.

Itu sahaja, saya menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Teluk Intan.

4.49 ptg.

**Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan dua perkara sahaja. Yang pertama, di dalam bil ini, fungsi Lembaga akan diambil alih oleh Perbadanan yang baru, yang telah disentuh tadi.

Pandangan saya, kerana mengikut anggota Perbadanan yang baru ini, seorang Pengerusi, 4 lagi anggota yang mewakili kerajaan dan 3 anggota lain yang mempunyai pengetahuan tentang harta intelek. Pada pandangan saya, komposisi ini *bias* ke atas pihak pengeluar harta intelek iaitu yang memohon paten itu.

Saya mencadangkan bahawa untuk mengimbangkan penganggotaan perbadanan ini, pembeli dan pengguna paten juga patut ada wakil. Saya mencadangkan bahawa wakil dari pihak industri, perniagaan dan persatuan pengguna juga dilibatkan. Dengan ini pandangan semua pihak dan lapisan masyarakat dapat dijaga. Kita mesti menjaga pereka cipta tetapi kemampuan dan kepentingan pengguna juga mesti dijaga.

Perkara yang kedua, saya dimaklumkan bahawa di Malaysia paten memberi hak eksklusif kepada pereka cipta untuk mengguna reka ciptanya di Malaysia untuk tempoh 20 tahun. Saya juga dimaklum bahawa berdasarkan rekod pendaftaran paten di bahagian harta intelek, adalah didapati bahawa permohonan paten oleh orang-orang tempatan tidak sampai 5% daripada jumlah permohonan tahunan. Ini bermakna 95% permohonan paten adalah dari luar negara. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah statistik ini betul kerana 5% ini adalah terlalu rendah dan menyedihkan. Adakah ini bermakna kita adalah kurang kreatif dan inovatif dan syarikat kita tidak pentingkan research dan development untuk menghasilkan reka cipta baru? Saya menyeru kementerian mengambil langkah untuk mengkaji fenomena ini dengan segera kerana jika trend ini berterusan, kita rakyat Malaysia akan membayar royalti yang tinggi kepada syarikat asing untuk 20 tahun yang akan datang ini. Saya harap lebih promosi dan publisiti akan diadakan untuk menyedarkan penyelidik mengenai pentingnya reka cipta mereka patut didaftarkan dan untuk memberi maklumat kepada mereka macam mana proses mendaftar paten.

Saya turut menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

5.53 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong dan Teluk Intan yang telah memberi pandangan terhadap pindaan.

Yang pertama suka saya menjelaskan bahawa seksyen baru 9(a) adalah mengenai perlantikan patent examiners. Jadi, apa yang disebutkan ialah perbadanan boleh melantik mana-mana orang, jabatan, unit atau organisasi kerajaan atau mana-mana pejabat atau organisasi paten asing atau antarabangsa cuma untuk menjadi pemeriksa bagi maksud ini - patent examiner sahaja. Jadi, tidak ada masalah tentang apa yang dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat, yakni consultancy tidak terlibat. Cuma patent examiners yang examine permohonan dan juga paten-paten yang sudah ada.

**Datuk Ruhanie bin Ahmad:** Timbalan Menteri saya hendak tahu examiners daripada luar macam mana arrangement kita hendak buat? Adakah on a G to G arrangement ataupun atas komersial dengan nilai wang kita jemput dia? Adakah bermakna kita ada arrangement dengan Amerika Syarikat di mana negara yang mempunyai masalah dan experience yang besar mengenai paten dan sebagainya ataupun bermakna examiners ini approved by government, approved by government luar negara dan sebagainya? Itu yang saya menimbulkan rasa was-was takut ada salah guna kuasa dan sebagainya. Kemungkinan tidak ada. Terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Umpamanya kementerian kita buat masa sekarang ada examiners, hanya merekalah yang diiktiraf dan kalau ada permohonan-permohonan daripada luar negara baik swasta mahupun daripada pihak kerajaan dan sebagainya, kita akan menggunakan patent examiners ini sahaja. Patent examiners ini mempunyai peperiksaan dan diberi sijil sehingga sekarang. Begitu juga di negara-negara lain patent examiners adalah mereka yang diiktiraf oleh pihak-pihak lain dan tugas mereka ialah cuma untuk memeriksa permohonan paten itu. Itu satu specialized job untuk meneliti permohonan dan juga untuk examine apakah paten ini sudah wujud dalam negara kita atau di negara-negara lain dan sebagainya.

Dengan ini adalah dicadangkan pada masa depan bahawa kita wujudkan satu paten di peringkat antarabangsa yang sama di mana seorang pemohon di Malaysia boleh kemukakan pendaftaran paten itu kepada satu tempat dan hasil itu akan diagih-agihkan kepada semua negara yang terlibat. Kalau orang memohon mendaftarkan paten itu yang dicipta di negara kita, kita akan dapat hasil pendaftaran. Walau bagaimanapun, perkara itu akan diambil perhatian.

Tentang lembaga paten telah dipinda dengan dibatalkan dan diganti dengan lembaga pengarah harta intelek. Komposisi ahli di dalam lembaga pengarah harta intelek adalah dirasa wajar kerana keahliannya telah dipastikan mempunyai pengetahuan dalam bidang harta intelek. Fungsi lembaga paten yang diambil alih oleh lembaga harta intelek ialah ke atas tugas-tugas menerima atau meluluskan pemeriksaan-pemeriksaan paten dan untuk menentukan compulsory licensing di bawah Akta Paten. Keanggotaan perbadanan diwakili oleh empat orang termasuk wakil kerajaan iaitu Ketua Setiausaha Kementerian yang akan menentukan kepentingan-kepentingan pengguna dilindungi. Dan tiga orang lain dalam keanggotaan perbadanan adalah mereka yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman tentang harta intelek dan perkara yang berhubung dengan harta intelek. Ini adalah bagi menjelaskan kepada ahli Yang Berhormat.

Tentang peratusan daripada jumlah paten yang didaftarkan. Memang peratusan itu adalah benar. Selain daripada negara-negara membangun mempunyai head start, negara-negara sedang membangun memang kurang mereka cipta, hasilnya begitu kurang. Itu pertama.

Yang kedua, daripada jumlah yang kita terima hampir lebih daripada 70% atau 80% adalah daripada dua tiga negara yang membangun: Amerika Syarikat, England, Australia dan sebagainya. Saya suka menerangkan bahawa paten ini bukan yang baru. Yang lama pun kalau dulu sudah ada di Amerika Syarikat kalau dia perlu perlindungan di Malaysia dia kena kemukakan paten. Jadi, negara-negara itu sudah lama menjalankan hasil reka cipta mereka tetapi mungkin tidak didaftarkan. Sekarang, kalau mahu bawa barang ke Malaysia mereka perlu mendaftar. Jadi, pendaftaran tinggi, sama ada paten itu yang baru dicipta atau sudah lama belum dikira. Walau bagaimanapun, perkara yang dibangkitkan adalah benar dan kementerian sedang memberi perhatian macam mana mahu menggalakkan rakyat kita menghasilkan lebih banyak pada masa akan datang. Inilah satu daripada tujuan perbadanan dan diharap perbadanan akan berjaya dalam hasrat ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 17** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG CAP DAGANGAN  
(PINDAAN) 2001**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.02 ptg.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Cap Dagangan 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui rang undang-undang ini juga pada amnya merupakan pindaan-pindaan berbangkit bagi menyesuaikan beberapa peruntukan termasuk takrif dan perkataan yang terdapat dalam akta itu dengan takrif dan perkataan yang terdapat Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001. Ini termasuklah peruntukan bagi menjadikan Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek sebagai pendaftar cap dagangan dan memberi kuasa kepada perbadanan untuk melantik pegawai-pegawai lain. Pindaan-pindaan ini tidak melibatkan implikasi kepada pihak-pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Cap Dagangan 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

*[Tiada perbahasan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Fasal 1 hingga 11** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA  
(PINDAAN) 2001**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.06 ptg.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Hakcipta 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan mewujudkan Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001 memerlukan pindaan berbangkit ke atas Akta Hakcipta 1987 khususnya dari segi takrif dan pentadbir bagi akta ini. Melalui pindaan ini, Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek Malaysia akan dijadikan Pengawal Akta Hakcipta 1987, manakala pelantikan pegawai-pegawai lain di bawah akta ini adalah di bawah bidang kuasa perbadanan.

Pindaan ini melibatkan Seksyen 5, Akta Ibu. Di samping itu, peluang ini juga diambil untuk memperkemas beberapa peruntukan sedia ada seperti berikut.

- (i) meminda Seksyen 22 akta ibu bagi memperkemas taksiran mengenai tarikh permulaan bagi perlindungan sesuatu hasil filem;
- (ii) meminda Seksyen 41A, Akta Ibu untuk menjelaskan bahawa tindakan mengkompaun di bawah akta itu boleh dibuat dengan kebenaran bertulis pendakwa raya;
- (iii) menggantikan peruntukan Seksyen 53, Akta Ibu dengan peruntukan baru bagi menjelaskan bahawa tindakan pendakwaan di bawah ini hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis pendakwa raya; dan
- (iv) pindaan ke atas seksyen 41A dan Seksyen 53 itu adalah untuk menyelaraskannya dengan peraturan mengkompaun dan pendakwaan yang berkuat kuasa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya pindaan-pindaan yang dicadangkan itu adalah merupakan pindaan kecil dan tidak menjejaskan pihak-pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia**  
**[Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Hakcipta 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Batang Lumar.

5.08 ptg.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lumar]:** Hendak cari undang-undangnya, Tuan Yang di-Pertua. *[Mencari rang undang-undang yang hendak dibahaskan]* Mana undang-undang? Ada, hak cipta. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada 20 minit...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Berapa minit?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ikut jam itu, *[Menunjuk ke arah jam di dalam Dewan]* 20 minit. Jadi, saya mungkin boleh bercakap dua jam sampai esok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ikut suka Yang Berhormatlah.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih-kerana beri peluang kepada saya bercakap sedikit, mungkin sejam dua. Ini sebenarnya pindaan Undang-undang Hakcipta 1987 dan *consequential* dengan Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, hak cipta ini juga undang-undang sebagai prasarana perundangan untuk undang-undang perdagangan Malaysia dan undang-undang ini juga sebagaimana yang telah disebut oleh Menteri dan Timbalan Menteri adalah sejajar dengan kehendak antarabangsa supaya Malaysia mengadakan undang-undang bagi memperkemas lagi undang-undang perdagangan di Malaysia ini dan Undang-undang Hakcipta ini amat penting. Ia ada dua sebab penting, bukan sahaja untuk memberi garis panduan kepada pereka cipta tetapi juga untuk membanteras kegiatan-kegiatan yang tidak diiktiraf oleh undang-undang.

Jadi, inilah maka undang-undang soal hak cipta ini perlu diwujudkan di Malaysia dan di sini kita mempunyai undang-undang yang sedemikian dahulu dan di bawah pentadbiran kementerian. Tetapi alhamdulillah, pada hari ini baru tadi kita luluskan undang-undang perbadanan untuk mengambil alih tugas kementerian secara telus dan dikendalikan *di'over see'*, dengan izin, oleh pihak badan ini nanti bila telah diwujudkan oleh kementerian berlandaskan kuasa di bawah undang-undang yang baru kita luluskan sekejap tadi.

Jadi, hak cipta ini Tuan Yang di-Pertua menjadi satu galakan bukan sahaja kepada pencipta di negara kita ini tetapi juga negara luar yang mungkin datang ke negara ini untuk membuat research dan development juga membuat satu penemuan yang boleh didagangkan, boleh digunakan, boleh di*commercialize*kan bukan sahaja untuk kepentingan mereka secara peribadi tetapi juga pulangan kepada negara ini. Jadi, badan yang undang-undangnya telah diluluskan tadi adalah agensi kerajaan yang secara khusus dilantik oleh kerajaan untuk mengawal selia pelaksanaan undang-undang ini nanti.

Hak cipta, Tuan Yang di-Pertua, amat besar kesannya kepada negara kerana apabila hak cipta ini tidak dijaga, barang-barang ciptaan oleh sesiapa pun tidak terjaga, bermaknanya orang daripada luar negara hendak masuk ke negara ini berfikir panjang kalau tidak ada undang-undang untuk menjaganya. Ini kita lihat daripada soal hak cipta ini, banyak yang mana daripada segi amalannya orang boleh mencipta satu-satu perkara. (*Yang Berhormat bagi Tambun memberikan sekeping kertas*). Terima kasih Yang Berhormat. Saya disuruh Yang Berhormat bagi Tambun berjalan tetapi saya minta maaf, Yang Berhormat bagi Tambun berjalan tetapi saya kena berdiri, tak boleh berjalan. Jadi, saya jalan juga soal hal hak cipta ini. Umpamanya kalau satu-satu penciptaan itu dibuat di Malaysia dan hendak di buat bisnesnya di Malaysia tetapi apabila perkara ini dibuat oleh orang lain dicopy oleh pihak lain dan di*commercialize* oleh pihak lain, dengan sendirinya kerugian bukan sahaja kepada pencipta tetapi juga kepada negara yang sedemikian. Jadi, kerana dalam kerajaan dia mesti mungkin satu pemantauan dan hasil pulangan supaya cukai dan sebagainya mesti juga dilihat kesan kerugian oleh pihak kerajaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat juga satu lagi penciptaan, di negara-negara Asia umpamanya, kita lihat di negara Jepun banyak membuat hak cipta orang lain tetapi dibina di negara Jepun dan Jepun tidak mewujudkan teknologi itu sendiri tetapi apabila diberi nama di bawah jenama Jepun itu sendiri dan selepas itu dijual ke seluruh negara dan dibinakan di seluruh negara termasuk di Malaysia. Umpamanya kita lihat banyak jenama Panasonic, National dan sebagainya dikilangkan di Malaysia di mana kita punya guna tenaga masih murah, kos manufacturing masih murah dan sebagainya. Jadi, ini kalau bukan sahaja mendatangkan hasil kepada pihak Malaysia tetapi juga mendatangkan hasil kepada pihak Jepun.

Tetapi ada juga negara di Asia ini umpamanya negara Taiwan sebagaimana yang saya sebut dalam undang-undang yang awal tadi yang mana mereka walaupun boleh membuat copy kepada mana-mana teknologi lain tetapi tidak mewujudkan jenama mereka sendiri. Apabila mereka membina satu-satu teknologi itu sebagai *supplier resource center* pengeluaran kepada syarikat-syarikat lain untuk men<sup>'</sup>*support*' syarikat lain, apabila keadaan ekonomi yang berlaku sekarang ini negara Taiwan menjadi tertekan. Ini adalah oleh kerana mereka tidak mewujudkan jenama mereka sendiri.

Jadi, dalam kita mewujudkan satu undang-undang kita mesti menggalakkan penciptaan dan apabila benda itu dicipta kita mempunyai ramai saintis dan ramai anak muda kita pergi ke luar negara bertanding dalam soal penciptaan barang-barang dan macam-macam lagi daripada jentera kereta dan sebagainya. Tetapi saya belum yakin bahawa penciptaan yang telah dibuat oleh saintis-saintis kita ini telah disenaraikan, telah direkodkan penemuan mereka dan telah didaftarkan penemuan-penemuan mereka ini walaupun dalam peringkat ini, dalam masa ini ciptaan mereka ini belum lagi di*commercialize*kan, mungkin belum dapat di*commercialize*kan oleh kerana sebab-sebab yang tertentu. Tetapi penyenaiaan dan pendaftaran hak ini mestilah dibuat pada masa sekarang. Oleh kerana kita belum mengetahui bila perkara ini boleh di*commercialize*kan ke seluruh dunia ataupun dipasarkan di seluruh dunia menjadi satu hasil kepada penciptaan ini.

Itu dalam bidang yang mana penciptaan yang telah dibuat tetapi *commercialization*nya, dengan izin, belum dibuat bukan sahaja di merata dunia tetapi juga di negara kita sendiri. Itu yang pertama.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang ada, kadang-kadang orang kita mencipta satu-satu perkara. Mungkin dia tidak kenal soal *commercialization*nya. Saya beri satu misalan, seorang anak yang berumur 16 tahun membuat satu reka bentuk *circuit* dan *circuit* ini di terima pakai oleh pihak orang membuat handphone, telefon bimbit dalam *circuit* dia dan budak ini hanya mendapat satu tawaran scholarship sahaja. Sekarang ini dia telah membuat pengajian dalam bidang *electronic*

*engineering* hanya dalam tawaran-tawaran scholarship oleh syarikat tersebut. Saya tidak payah sebut kalau dilihat di dalam *Hansard*, mungkin dalam *Hansard* ada menyebut nama syarikat handphone yang saya sebutkan tadi.

Dalam masa yang sama kalau budak ini orang Amerika, kalau anak ini daripada orang Eropah mungkin sekarang anak ini sudah menjadi jutawan dan dia tidak payah cari telefon dengan pihak kerajaan, tidak payah berjumpa dengan yayasan, tidak payah jumpa dengan sesiapa lagi pun hendak memberi scholarship kepada dia untuk melanjutkan persekolahannya di bidang di dalam bidang *engineering*. Tetapi budak ini tidak mengetahui nilai benda yang didapati olehnya. Jadi, ini seorang budak Melayu, anak kawan saya bekas polis, bapanya pensyarah dalam bidang pentadbiran dan dia ini baik dalam bidang komputer. Jadi, dalam keadaan sedemikian kita kena mengetahui juga apakah nilai benda yang kita telah ciptakan itu, apabila orang yang tidak mengenali walaupun bagaimana canggih, bagaimana *high technology* tetapi kalau tidak dikenali dengan sendirinya tidak ada boleh dikatakan nilai harga kepada hak cipta yang sedemikian.

Jadi, budak ini bila mula-mula dia hendak menyambung persekolahan di peringkat universiti dia menulis surat ke Ph.D, dia menulis surat kepada yayasan tidak seorang pun yang boleh memberi dia scholarship, saya sendiri pun terlibat untuk menulis surat. Tetapi apabila syarikat handphone ini berjumpa dengan *put this thing in two together*, dengan izin, baru didapati budak ini telah pernah menciptakan satu *circuit* untuk handphone dan dengan secepat mungkin dia terus memberi tawaran supaya budak ini diberi scholarship oleh syarikat yang tersebut tetapi dengan syarat budak ini mesti bekerja dengan syarikat handphone itu. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian kalau di Amerika dia sudah menjadi jutawan, tidak perlu lagi tenkat dengan mana-mana syarikat. Jadi, inilah keadaan yang mana kita boleh menciptakan satu-satu perkara tetapi kita sendiri tidak mengetahui nilai hak cipta yang telah kita jumpai. Jadi, dalam keadaan itulah maka saya sebutkan tadi tiap-tiap hak cipta yang kita dapati mesti didaftarkan, mesti diserial mesti disenaraikan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**...supaya benda itu walaupun - tunggu sekejap Dato' ya...supaya kalau benda itu didapati ada nilai komersial nanti boleh dipasarkan pada satu ketika apabila seorang mengetahui nilainya. Yang Berhormat, sila.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat setuju, tadi saya ada bertanyakan kepada Timbalan Menteri. Rakyat Malaysia ini sebenarnya otak geliga, boleh mencipta macam-macam. Tapi masalahnya ialah selepas mereka mencipta, mereka tidak dapat mengurus ataupun memasarkan apa yang telah mereka cipta. Sebab itu setujukah Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat setuju berkongsi dengan saya supaya ada satu jaminan segala ciptaan yang dibuat itu mereka ini juga mesti ke hadapan. Kalau tidak, orang lain cipta orang lain dapat nama. Ini yang menjadi masalahnya.

Jadi kita hendakkan supaya lebih ramai lagi tampil ke hadapan mencipta sesuatu hasil, tidak selalu kita bergantung kepada negara-negara luar dan negara-negara barat. Hari ini Perdana Menteri sendiri mengatakan bahawa apa yang kita buat di Malaysia ini pun sudah ada yang meniru gaya kita, kebolehan kita tapi kalau tidak ada jaminan bukan mesti mereka itu makan gaji dan mencipta untuk majikan ataupun syarikat yang saya maksudkan ialah supaya ciptaan individu itu sendiri, banyak, tidak perlu disebut barang-barang jenama sebagai contohnya. Umpamanya Yang Berhormat boleh mencipta sesuatu dalam keadaan tidak ada jaminan, ini kalau saya cipta datang satu *franchiser*, dengan izin, atau syarikat lain sapu, dia tidak dapat apa-apa walaupun kita ada undang-undang. Ini yang kita minta supaya kerajaan memikirkan satu jaminan ke atas pencipta-pencipta supaya mereka menghasilkan sesuatu, mereka juga bukan setakat dapat nama tetapi akhirnya penyudahnya itu, *finishing* dengan izin. Macam kita main bola, *first half* dua biji belum tentu menang selepas 90 minit. Itu jaringan dia, penyudahnya. Ini ramai yang tidak tahu Yang Berhormat yang lain, kadang-kadang hendak bercakap minta maaf.

Itu yang saya tekankan supaya orang yang mencipta itu sendiri.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, soalan itu panjang lagi?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak, hendak bagi Yang Berhormat dia faham sebab selepas dia menang Barisan Nasional di Sarawak ini, takut sudah lupa pasal ciptaan ini. Kita pun hendak belajar juga pasal ciptaan ini macam-macam Yang Berhormat. Jadi minta sedikit penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Memang betul Tuan Yang di-Pertua. Sarawak pun kita katakan cipta sejarah ini - 60 daripada 62 ini. Tuan Yang di-Pertua, 61 pun kita boleh dapat tetapi ada salah *calculation* sedikit. So kadang-kadang ada masalah yang berlaku macam ini. Jadi, walau bagaimanapun, terima kasih Dato' sebut kemenangan Sarawak itu. Jadi kena ajarlah pihak-pihak PAS dan KeADILan itu, kena tahu kalau hendak buat kempen itu, jangan buat marah orang.

Ya, soalan hak cipta itu memang saya setuju. Saya gunakan anak ini tadi lagi, anak yang menciptakan sesuatu *circuit* untuk *handphone* itu tadi, kalau masa dia membuat satu eksperimen di sekolahnya itu dan guru yang menolong dia membuat eksperimen itu mengetahui bahawa barang yang beliau cipta di peringkat sekolah, dalam makmal sekolah ini kalau benda itu diketahui nilainya, guru itu mengetahui nilainya bahawa budak ini tidak akan menjadi anak yang mencari sumber kewangan untuk pergi sekolah sebab dia tahu yang nilainya tinggi bahkan dia boleh mendapat untung menjadi agen itu supaya benda itu didaftar betul-betul selepas itu runding dengan syarikat *handphone*, kita boleh jual benda ini dapat royalti sepanjang masa, barulah ini menjadi satu hasil yang berpanjangan bukan sahaja kepada dia sendiri bahkan kerajaan boleh mendapat untung berlainan iaitu boleh mengutip sumber cukai dan sebagainya.

Jadi ini juga saya kaitkan kepada persoalan badan yang kita tubuhkan tadi. Badan ini mesti mempunyai kepakaran yang sama. Di peringkat daerah dan di peringkat negeri, kita mempunyai pejabat umpamanya supaya siapa sahaja yang telah menciptakan suatu benda dan boleh dilaporkan kepada pihak dan badan ini, dan badan ini boleh menilaikan soalan pasaran dia, nilai harga dia dan sebagainya bolehlah mendaftar barang ini, dengan sendirinya orang yang mencipta itu akan mendapat hasil yang baik dan badan ini mendapat nama sendiri dan negara mendapat hasil daripada ciptaan itu nanti.

Jadi dalam keadaan sedemikian, semua *win-win situation*, jadi dengan sendirinya janganlah kita hendak katakan Korea sahaja mempunyai nilai pendaftaran penemuan yang tinggi tetapi masalah kita, kita banyak penemuan, banyak ciptaan, banyak saya lihat bahkan kalau tidak macam mana anak-anak kita yang *the scientist* bertanding di Eropah, bertanding di Australia, di mana-mana bertanding dapat nombor satu, dua dan tiga kalau tidak kita mempunyai bakat untuk mencipta. Memang kita mempunyai bakat tetapi masalahnya bakat ini terpendam, bakat ini tidak diiktiraf, bakat ini tidak mendapat pasaran, bakat ini tidak mendapat hasilan. Jadi inilah perlu bagi badan ini nanti apabila undang-undang ini diluluskan nanti untuk menjadi bukan sahaja bagi pencetus kepada pendaftaran tetapi juga kepada industri penciptaan benda-benda baru dan penemuan-penemuan baru, jenama baru ala Malaysia, ciptaan Malaysia dan dipasarkan di Malaysia dan di seluruh dunia umpamanya.

Jadi, ini termasuklah benda-benda lain, banyak umpamanya baru-baru ini Menteri Usahawan pergi ke Sarawak, bila datang ke kampung saya - oh Dato' Sri Gading tidak ada lagi - kita bagilah makanan dia, barang makanan orang kampung yang tidak pernah dijumpai di Semenanjung ini. Macam mana pada tahun 50-an, 60-an dahulu kita orang Sarawak tidak tahu nasi lemak. Nasi lemak kata orang Sarawak iaitu nasi pulut. Bila kena bagi nasi lemak yang ikan bilis, orang Sarawak katakan ikan 'pusu', orang kata Semenanjung apa buat nasi lemak macam ini sebab benda itu tidak pernah dimakan orang di Sarawak.

Sekarang, bila Dato' daripada Kementerian Usahawan datang ke kawasan saya, dia makan ikan 'pais' dengan ramuan yang tertentu, cara pembuatan ikan yang tertentu, jadi ikan ini digelar 'ikan pais'. Dia kata, kita beri sedikit macam ini patutnya kita buat macam appetizer tetapi yang Dato' ini hentam dua pinggan. Sedap betul ikan ini kata dia, kita boleh marketkan seluruh Malaysia. Jadi ini mungkin juga boleh dibuat sebagaimana Kentucky Fried Chicken, McDonald, A&W dan bermacam-macam lagi dan macam mana orang Arab beli KFC ini dia tukar nama HFC kerana ini selera orang Arab tidak mahu dengan Kentucky Fried Chicken dia kata Halal Fried Chicken. Jadi